



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**

**PENGGAL KELIMA**

**MESYUARAT PERTAMA**

**Shah Alam, 27 Mac 2012 ( Selasa )**

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali

Y.B. Tuan Ng Suee Lim

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar

Y.B. Tuan Lee Kim Sin

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei

Y.B. Tuan Lau Weng San

Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay

Y.B. Tuan Philip Tan Choon Swee

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam

Y.B. Puan Lee Ying Ha

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan

Y.B. Puan Gan Pei Nei

Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK. JBM.,Dr.(Hc)

Y.B. Dato' Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK.

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA.

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom, PJK.

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol  
DSIS., AMS., SMS., AMN., PJK.

Y.B. Dato' Sri Subahan bin Kamal,  
SSAP., DIMP.

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus,  
KMN., SIS., ASDK.

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz,  
DMSM., JP., AMS.

Y.B. Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim,  
DPSM., AMS.

Y.B. Tuan Yap Ee Wah

Y.B. Tuan Wong Koon Mun,  
JMN., SMS., PJK.

Y.B. Tuan Haji Sulaiman bin Haji Abdul Razak  
SMS., PPN.

Y.B. Tuan Ismail bin Sani,  
SMS., PJK.

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah

## TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Yap Lum Chin

Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir bin Hashim

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad

Y.B. Dato' Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK.

Y.B. Tuan Dr. Mohamed Khir bin Toyo, PJK.

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK.

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro,  
DPMS.,ASA.

Y.B. Dato' Marsum bin Paing,  
DPMS., SSA., ASA.

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DPMS., DIMP., SMS.

## TURUT HADIR

### **(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Suliman bin Abd Rahman, PPT  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Noor Diana bt. Razali  
Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Md. Saref bin Salleh  
**Bentara**

Encik Abd. Halim bin Abd. Rahman  
Encik Redzuan bin Adam  
**Penolong Bentara**

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid  
Encik Ahmad Hafizan bin Yusof  
**Pelapor Perbahasan**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Mesyuarat kali ke tujuh 27 Mac 2012 bagi Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Yang Kedua Belas dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan sambungan.

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**TUAN SPEAKER:** Semenyih, tidak hadir. Sg. Burung, tidak hadir. Bukit Antarabangsa.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Tuan.

**TUAN SPEAKER:** Saya ada panggil Bukit Antarabangsa tadi. Saya dah panggil tu. Bukit Antarabangsa.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Soalan saya No. 61.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK: PENINGKATAN PELUANG PEKERJAAN**

61. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah peluang pekerjaan dan peningkatannya yang telah diwujudkan setelah SSIC Berhad menyasarkan jumlah pelaburan-pelaburan perindustrian sebanyak RM8 bilion setahun?.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Soalan yang diminta oleh Bukit Antarabangsa ialah peningkatan peluang pekerjaan. Berapakah jumlah peluang pekerjaan dan peningkatan yang telah diwujudkan setelah SSIC Berhad berasaskan jumlah perindustrian pelaburan sebanyak RM8 bilion setahun.

Jadi untuk ini kita cuba melihat berapa banyak dinyatakan melalui MIDA apabila memberikan kelulusan mesin pengilangan ataupun penembahan lesen juga mencatat berapa ramai pekerja-pekerja yang dikehendaki. Jadi oleh sebab itu kita ada angka-angkanya. Pada tahun 2009 kita perlukan pada masa itu 22,753 pekerja. Pada tahun

2010 27,865 pekerja. Pada 2011, kita perlukan 20,750 pekerja. Jadi bererti buat sampai tiga tahun yang lepas, kita telah membangunkan industri dan memberi peluang lebih dari 70,000 pekerja. Jadi peningkatan ini adalah berterusan dan salah satu daripada perkara yang kita hadapi ialah kurangnya pekerja-pekerja tempatan untuk menerima tawaran pekerjaan ini. Ini satu masalah yang kita hadapi dan kita juga mula di Selangor memilih syarikat-syarikat perkilangan yang menggunakan *automation* bukan menggunakan apa yang kita kata katakan kuasa pekerjaan sebab kita dapati masalah mencari pekerja. Kedua masalah menentukan tangga gaji pekerja yang kita lakukan.

Saya ingat Kerajaan Negeri mula memikirkan supaya satu masa dalam 2 atau 3 tahun yang akan datang tidak ada pekerja tempatan yang sepatutnya kita bantu gaji kurang RM1,500. jadi bererti cara kita memilih pekerja itu kita mesti tentukan pekerja-pekerja tempatan mempunyai kemahiran produktiviti yang sekurang-kurangnya mereka akan mendapat pembayaran gaji sekurang-kurangnya RM1,500. Jadi statistik yang kita ada iaitu 2008 kita juga mendapati dalam RM8.7 bilion kita lakukan pada 2010, RM10 bilion. 2006, RM6 bilion. Kita dapati jumlah pelaburan tempatan hampir sama dengan jumlah pelaburan asing. Jadi bererti pelaburan tempatan kalau jumlah pelaburan RM8 bilion dan pelaburan tempatan RM4.5 bilion, Pelaburan asing RM4.2 bilion jadi itu pada 2011. jadi bererti kita sudah mula mantap, kita minta pelaburan tempatan bank juga pelaburan asing mula menggunakan apa yang dipanggil *automation. I-Capital intensive investment*. Kedua *quality of labour* yang dikehendaki *must be skill*. Supaya tidak ada pekerja tempatan yang mendapat gaji kurang RM1,500.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Antarabangsa.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih, Y.A.B Dato' Menteri Besar, usaha Kerajaan Negeri melalui SSIC untuk mencapai matlamat pelaburan perindustrian, sebanyak RM8 bilion setahun telah berjaya mewujudkan peluang pekerjaan lebih kurang 70,000 seperti yang dilaporkan tadi. Namun kita juga menyedari bahawa ada masalah yang dihadapi untuk memenuhi pasaran kerja hari ini memandangkan tenaga kerja yang sedia ada. Mungkin tidak mempunyai latihan yang mencukupi bagi memenuhi pasaran yang telah dinyatakan.

Maka persoalan saya apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri, khususnya melalui universiti-universiti yang ada dalam Kerajaan Negeri Selangor untuk melatih anak-anak tempatan khususnya mereka mempunyai latihan yang mencukupi bersesuaian dengan permintaan pasaran pada hari ini dan pastinya dengan latihan dan kepakaran yang sedia ada dapat membantu mereka mendapat pendapatan yang lebih sesuai dengan pekerjaan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Speaker, saya setuju dengan pandangan Bukit Antarabangsa dalam usaha meningkatkan keupayaan anak-anak muda kita supaya apabila dia masuk ke ruang pekerjaan mempunyai keupayaan untuk menghasilkan. Jadi salah satu daripada konsep yang masih tidak diperbincangkan

ialah apa yang dipanggil hubungan antara gaji dengan produktiviti. Kalau tidak sudah tentu orang yang hendak bayar pekerja itu kalau kita tidak ada hubungannya dengan produktiviti hasilnya jadi tidak ada penawaran dan juga permintaan. Jadi oleh sebab itulah kita sekarang Negeri Selangor mesti bergerak ke satu peringkat yang dipanggil pekerja-pekerja kita mempunyai kemahiran dan produktiviti yang upaya mendapat ganjaran yang tinggi. Itu *target* kita.

Saya rasa masalah besar ialah bukan yang 15% yang masuk ke universiti. Itu daripada penelitian saya dan juga beberapa kajian yang dibuat hanya 20% atau 15 ke 20 % anak-anak murid sekolah dan murid kita yang akan masuk ke universiti. Jadi itulah satu usaha yang berlainan kerana kepakaran dan keupayaan ilmiah sudah ada. Jadi dia sudah ada boleh cepat menghasilkan keupayaan dan produktiviti. Tetapi yang paling sukar ialah yang tidak terkandas. Iaitu lebih daripada 70%. Maksudnya setiap 100 murid sekolah hanya tidak lebih daripada 20 yang masuk ke pengajian tinggi. 80 yang tinggal. 80 yang tinggal itulah yang mana kita mesti menyediakan asas kemahiran keupayaan iaitu produktiviti yang mana dengan adanya keupayaan tersebut ini akan menghasilkan gaji ataupun ganjaran sesuai dan kita belum sampai ke satu peringkat iaitu banyak kajian menunjukkan bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah ini. Kita boleh ikut beberapa contoh negara-negara yang berjaya menghasilkan guna tenaga yang boleh kita ambil perhatian yang masih lagi tidak sepenuhnya. Satu negara yang paling ekstrem yang berjaya ialah *Germany*. Kedua kita boleh ambil contoh Korea ataupun kita ambil contoh Australia. Ketiga-tiga negara ini menumpukan kepada mereka yang tak berjaya masuk ke Pengajian Tinggi. Jadi dia ada *street school*. Dia ada sekolah-sekolah kemahiran, ada beberapa program yang memasukkan anak-anak muda terus jadi apa yang dipanggil *trainy* dalam *factory* yang mesti dilakukan.

Jadi saya nampak Kerajaan Negeri Selangor, masa hadapan mestilah membanyakkan usaha seperti membina pengajian seperti INPENS di Kuala Selangor. Itu sebagai satu kes tadi di mana anak-anak belia kita dapat kemahiran juga dapat tahu bagaimana menghasilkan pendapatan untuk ini. Jadi, kedua-duanya berlaku. Jadi saya rasa ini perlu kita lakukan sebab saya nampak ini tidak menjadi tumpuan dalam Kementerian Pelajaran dan juga dalam Kementerian Guna Tenaga. Jadi, oleh sebab itulah saya rasa kita sentiasa apa yang kita lakukan, sentiasa menghadapi masalah ada jurang di antara pendapatan gaji dengan juga jurang produktiviti. Dan inilah yang saya setuju dengan Bukit Antarabangsa, inilah usaha yang kita mesti kita teruskan. Di Australia mereka juga mempunyai jumlah penduduk hampir sama dengan Malaysia. Tetapi dia tidak memerlukan pekerja-pekerja asing dan peningkatan pendapatan rakyat Australia adalah dan gaji minima dia pun sangat tinggi dibandingkan dengan mana-mana negeri di dunia. Di Korea dia ada satu skim yang mana seluruh kawasan tersebut anak belia-belia mereka dilatih dalam beberapa syarikat-syarikat pembuatan untuk mereka terus mempunyai kemahiran. Jadi, umpamanya kalau Shah Alam ini satu program di Shah Alam, di Shah Alam ada katalah lebih kurang 100 syarikat-syarikat pembuatan dan kita buat satu program di sekolah-sekolah yang mana yang tak lulus, yang tidak dapat mendapat peluang masuk universiti terus masuk ke apa tu, syarikat-syarikat tersebut untuk dilatih dan supaya dapat pendapatan yang sesuai dan gaji yang sesuai. Terima kasih.



**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Soalan tambahan, soalan tambahan.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Siapa, Bangi. Terima kasih, Tuan Speaker. Saya ingat dalam masyarakat kalangan golongan remaja kitalah semacam ada krisis dan kepincangan. Dari satu segi remaja kita tidak ada pekerjaan oleh kerana mereka manja. Dari satu segi lagi kilang-kilang kekurangan tenaga pekerja. Tetapi, bila rakyat tempatan hendak bekerja mereka lebih utamakan pekerja-pekerja luar negeri, macam Indonesia, Bangladesh, Vietnam, ini yang kita dapat lihat umpama di Bangi sendiri. So, dari satu segi juga dia menimbulkan kepincangan dari segi sosial. Anak-anak yang manja ini oleh kerana tidak mahu bekerja di kilang-kilang mungkin gajinya rendah mendatangkan masalah sosial di kalangan setempat. Dan yang datang daripada luar juga, walau pun diberi pekerjaan dan keutamaan menyebabkan apa ini juga menghasilkan masalah sosial setempat. Saya ingat penyakit ini perlu diatasi dan disusun balik masyarakat kita supaya masalah manja dan masalah apa dia ini, masalah sosial, apa dia ini ah! menjadi masalah kepada negara kita. Kita dengar macam dua malam semalam rompakan pada artis kita di Bangi pun terjadi Mawi dan sebagainya. Dan banyak lagilah Tuan Speaker. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Datuk Speaker, Bangi, penyakit kalau kita gunakan perkataan penyakitlah, penyakit itu juga adalah penyakit kita bukan penyakit orang daripada luar sebab kita mesti memahami dua atau tiga perkara. Satu sudah tentulah syarikat-syarikat yang inginkan keuntungan perlukan pekerja-pekerja yang boleh dibayar gaji yang rendah. Itu satu, memang, memang kenyataan. Tapi, jawapan itu dapat kita atasi dengan menunjukkan kepada , kepada syarikat-syarikat itu gaji rendah tidak ada maknanya jika pekerja yang diambil itu mempunyai hasil yang secukupnya. Jadi, maknanya bayar gaji rendah produktif pun rendah. Tetapi, bayar gaji yang sesuai dapat hasil yang sesuai. Dan, kedua, konsep kepada masyarakat kita. Kita mesti bukan hanya kerja. Itu yang disemaikan di dalam pemikiran pekerja-pekerja di Korea dan juga di *Germany*. Iaitu konsep dia bekerja itu sebab dia mempunyai kebolehan untuk pekerjaan tersebut. *That is the concept*. Maknanya dia sangat sombong, atau apa nak katakan perkataan bukan sombonglah, *very proud* untuk dia jadi katalah dia sebagai *tool*, *tool technician*, *tool technician* tu maknanya dia mempunyai keupayaan. Dia sudah dilatih sehingga dia boleh menyelesaikan semua masalah-masalah apa itu, *tool* yang hendak digunakan. Kemudian ada setengah tu dia mempunyai kemahiran dalam ini saya pernah pergi tengok, saya pernah tengok *C & C Matching*. Jadi bila kita, tahap kita sampai ke peringkat itu, tak ada syarikat yang tidak akan membayar dengan gaji yang terbaik. Jadi, kalau saudara tanya pula adakah ini hanya untuk rakyat *Germany*, juga perkara ini boleh dilakukan oleh rakyat daripada luar negeri *Germany* termasuk daripada Turki. Pernah masuk ke *Germany* dan mendapat kemahiran dan keupayaan tersebut. Itu sebab gaji rakyat Turki di *Germany* pun sampai ke tahap tersebut. Jadi, tak diskriminasi dalam itu. Tapi, yang baiknya rakyat Turki setengahnya dah balik ke Turki untuk membuat pembuatan bersaing dengan *Germany* atau *standardnya* sama dengan *Germany*. Jadi, kita mesti mengubah

minda. Sekarang kita mesti mengubah minda. Belia-belia kita yang pergi bekerja sekarang mesti menganggap kerja itu sebagai satu keupayaan dan kebolehan. Itu yang kita mesti mengubah minda. Dan itu sebab daripada awal sudah diberi latihan tentang keupayaan dan kebolehan, daripada awal. Saya dapati apabila mereka lepasan SPM yang masuk universiti, bergambar-gambar. Yang tidak masuk universiti hilang, kemudian akhirnya, kema-mana, tapi yang sebenarnya kita mesti jaga yang 70% tersebut. Itu yang menyebabkan keadaan yang berlaku sekarang dan saya mendapati kalau ini tidak kita atasi, kalau ini kita tidak atasi, beberapa perkara akan berlaku. Jurang pendapatan di antara beberapa ahli masyarakat sangat jauh. Jadi sebabnya kita sekarang kita dapati penempatan rumah kos rendah terlalu banyak. Bererti mereka tidak sanggup untuk membayar sewa atau pun pembayaran rumah kerana mereka tidak ada mempunyai kemampuan. Walau pun mereka sanggup kerja 12 jam sehari, tapi, kemampuan kemahiran itu tidak ada. Jadi itu akan berlaku.

Kedua, mobiliti maknanya anak-anak muda kita hari ini dia jaga *Kentucky Fried Chicken*, besok dia masuk *Tesco*, entah berapa bulan dia lari ke sana, sebab dia tidak ada mempunyai *career*, maknanya kerjaya dia tidak begitu. Jadi akhirnya dia juga akan menjadi kumpulan-kumpulan yang boleh jadi pergi kepada rumah Mawi yang kita tengok. Tapi, jawapan kita adakah kita mempunyai perancangan-perancangan untuk ini. Jawapannya belum mantap. Saya sendiri mengatakan belum mantap. Belum mantap sebab kita tidak fokus kalau kita tengok surat khabar yang ada sekarang, surat khabar sebagai contoh minda masyarakat, siapa yang dapat 10A bergambar semua, tidak, kita pun dulu bergambarlah tidak, tak jadi masalah, tapi 10A *is only 2% of the issue*. Dan yang lain-lain itu katalah semua masuk universiti, *is only 20% of the issue*. *The 80%* masih lagi belum, belum selesai. Dan 80% itu yang menyebabkan kita dalam keadaan yang ada sekarang. Ada sekarang ialah 80% yang kita tak terjaga maknanya kita tak ada program yang menyeluruh. Itu sebab saya percaya rakan kita Bukit Antarabangsa dan itu sebab di antara saya hendak iklan sedikitlah itu sebab Buku Jingga yang kita hendak buat itulah antara untuk menyelesaikan masalah-masalah ini. Sebab, ini tidak boleh dilakukan dalam Dewan ini, sebab dia mesti dilakukan di Parlimen, sebab inilah jumlah wang yang mesti kita salurkan bukan lagi kepada pendidikan tinggi, tapi juga jumlah wang untuk pendidikan atau pun kemahiran yang masa depan. Dan ini masalah kalau kita tidak selesaikan kita negeri kaya rakyat tak makmur. Jadi itulah antara *culture* yang saya. Minta maaf saya ambil masa sedikit sebab saya hendak terangkan masalah yang ah! akan kita hadapi dalam ada usaha saya Seri Serdang tak hadir, saya hendak terangkan kepada dia sebab saya antara mereka yang berbincang untuk perancangan 2020. *Vision twenty-twenty* supaya dia tahu tentang usaha yang dilakukan untuk menyelesaikan masalah ini. Saya nampak *vision 2020* ini walau pun keinginan kita hendak mencapai satu tahap tetapi kita banyak lupakan strategi-strategi yang kita bincangkan pada tahun 1990 yang mana kita telah rangkakan berapa *critical success factor* yang terlupa dibuat. Boleh jadi Seri Serdang tak pernah baca pun itu, jadi itu sebab saya terangkan sedikit. Jadi oleh sebab itu konsep yang kita yang saya hendak tinggalkanlah produktiviti dan itu, dan juga gaji itu mesti ada hubungan yang rapat. Jangan kita asyik hendak bayar gaji sahaja. Ah! Itu memang tak boleh, dan ini dari segi ekonominya itu satu akan menimbulkan masalah yang sangat besar. Boleh jadi, duit kita boleh jadi macam orang kampung yang kata,

duit kita macam duit Jepun masa perang. Satu guni untuk mendapat sekilo beras. Jadi oleh sebab itulah kita mesti bila berbincang menggunakan *concept productivity and waste*. Terima Kasih.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat. Tidak ada, Subang Jaya.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Tuan Speaker, Soalan No. 63.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
(SUBANG JAYA)**

**TAJUK : TABUNG AMANAH PERKUBURAN**

63. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rasional Kerajaan Negeri mensyaratkan caruman RM500 untuk tabung amanah perkuburan dalam Borang 5A?
- b) Apakah garis panduan, kuasa ataupun seksyen perundangan yang diguna pakai untuk syarat caruman Tabung Amanah Perkuburan ini?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Datuk Speaker soalan yang dikemukakan oleh Subang Jaya ialah mengenai Tabung Amanah Perkuburan. Apakah rasional Kerajaan Negeri mensyaratkan caruman RM500 untuk tabung amanah perkuburan dalam Borang 5A?

Satu daripada perkara yang saya dapati, masalah yang terbesar dari segi perancangan ialah kita tidak dalam meluluskan perancangan itu. Saya rasa 20 tahun yang dulu tidak mengambil kira kawasan-kawasan yang mana kita mesti letakkan atau khaskan kawasan perkuburan. Kedua, saya ingat kita tidak *very dicipline*, maknanya tidak tegas. Pelaksanaan kita tidak tegas sebab ada kawasan-kawasan perkuburan yang dikenal pasti sudah dinyatakan 20 ekar sebab ada pembangunan dibuat kita kata 20 ekar untuk kawasan perkuburan. Saya dapati kawasan tu tak jadi kawasan perkuburan. Makna tak ada jadi. Sebagai contoh ialah di Damansara yang mana kawasan perkuburan, dulunya kawasan perkuburan. Lepas tu kawasan tu jadi apa yang dipanggil bangunan 20 tingkat keliling itu. Bukan lagi tak ada kawasan perkuburan. Kawasan perkuburan sudah ditukar menjadi kawasan pembangunan. Tapi tempat perkuburan itu tak ada diganti. Jadi ini menimbulkan masalah tidak cukup kawasan perkuburan untuk semua. Untuk mereka yang beragama Islam dan bukan Islam, untuk semua. Antara kawasan yang menghadapi masalah yang terbesar, saya rasa ialah Petaling Jaya. Jadi maknanya kalau ada kematian, sekurang-kurangnya 2 jam, kalau tak ada *traffic jamed* atau pun 1 jam 30 minit untuk menghantar mayat ke kawasan perkuburan. Itu yang berlaku sekarang. Jadi apa yang kita telah buat ialah tiada peruntukan dalam bajet untuk kawasan-kawasan ini dan kawasan-kawasan ini juga, tanah-tanah yang diberikan

dulu diberikan kepada yang mendapat tanah-tanah kerajaan tidak juga diberikan apa tu peruntukan supaya membuat caruman perkuburan.

Dua perkara yang berlaku :-

1. Caruman perkuburan.
2. Caruman parit.

Jadi, saya dapati kita perlu merancang semula. Oleh sebab itu, kita telah buat satu kajian yang mana kita, saya telah terangkan di Dewan ini. Kita boleh tunjukkan perancangan kawasan perkuburan untuk negeri Selangor sehingga 2060. Maknanya kita buat daripada sekarang. Oleh sebab itu, kita dapati kawasan-kawasan itu bukan lagi negeri yang punya. Bukan dimiliki oleh Kerajaan Negeri. Jadi oleh sebab itu, kita kena beli tanah tersebut dan untuk membeli tanah tersebut kita perlu dana dan salah satu daripada usaha yang kita lakukan ialah apabila kita membahagi tanah iaitu Borang 5A kepada mereka-mereka yang dapat tanah daripada kerajaan kita masukkan peruntukan. Apa yang dipanggil caruman perkuburan supaya dana ini dimasukkan dalam tabung. Kita siapkan tabung supaya tabung ini akan digunakan 100% untuk membuat, membangunkan tanah perkuburan, bukan itu sahaja krematorium untuk pembakaran, semua itu akan dilakukan supaya tidak lagi kita timbul masalah. Tetapi pembayarannya hanya sekali, bukan dua (2), tiga (3) kali, sekali sahaja. Maknanya RM500 yang dicadangkan dan juga setiap pembangunan yang melebihi 100 ekar, kita letakkan tanah. Apa tu, kita masukkan peruntukan untuk menyediakan tanah perkuburan. Tetapi masalahnya sekarang tanah-tanah kecil yang ada atau pun penempatan-penempatan kecil, kita tidak boleh mengenakan syarat sebab dah penuh. Jadi itulah sebabnya kita adakan caruman –

- Di Klang, Gombak, Hulu Selangor, Sepang dan Kuala Langat - RM500 sepetak rumah.
- Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Hulu Selangor – RM300.

Saya tahu ramai yang menyatakan dia tak perlu bayar sebab dulunya tidak diminta. Tetapi saya rasa jawapannya sekarang, kita mesti, rakyat mesti bertanggungjawab bersama-sama untuk menyediakan kawasan perkuburan yang dulunya kita tidak merancang dan melaksanakan dengan betul dan saya rasa RM500 untuk satu keluarga, satu keluarga, bukan untuk satu orang, RM500 untuk satu keluarga. Maknanya diterjemahkan menjadi RM100 seorang, sekepala untuk bayaran selamanya sehingga sampai masa untuk meninggalkan dunia ini. Jadi dan kita, penyediaan Pihak Berkuasa. Walau bagaimanapun, saya telah melihat untuk kaum Tiong Hua terdapat perselisihan pandangan. Ada yang dipanggil *commercial plot*, ada juga yang dipanggil apa yang dipanggil untuk masyarakat. Ini pun kita akan selesaikan sebab harga *commercial plot* bukan RM500, bukan RM5,000 tetapi kadang-kadang lebih daripada RM10,000 pula. Jadi itu yang kita cuba selesaikan.

Penubuhan, pada tahun 2001. Saya nak terangkan bukan perkara ini dibuat sekarang ,tetapi pelaksanaannya tidak dibuat. Pada 2001 penubuhan Tabung Amanah Perkuburan dan penyediaan tapak perkuburan Islam dan bukan Islam dikeluarkan pada 19 Oktober 2001. Kalau dah 19 Oktober, dikeluarkan pada 2001, saya pergi tengok dananya tak ada. Jadi maknanya tak dibuat walaupun ia diluluskan. Hanya pada penganan ini bermula pada bulan April 2011 yang saya laksanakan ini.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Saya ada dua (2) soalan tambahan.

- a) Memandangkan Petaling Jaya telah pun pesat dibangunkan, penduduk DUN Bukit Gasing berpendapat bahawa caruman ini tidak akan memanfaatkan mereka yang tinggal dan bayar di Petaling Jaya. Adakah Kerajaan Negeri telah mempunyai perancangan untuk kawasan perkuburan yang baru di Petaling Jaya? Jika ia, di mana?
- b) Jika tiada tanah lagi di Petaling Jaya untuk tanah perkuburan, adakah caruman ini akan diberikan kepada PBT seperti MBPJ untuk penambahbaikan krematorium sedia ada? Terima kasih.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih, Subang Jaya. Soalannya, adakah ini perlu? Jawapannya, ia perlu kalau tidak bagaimana kita nak boleh mengambil alih tanah-tanah yang kita tentukan untuk kawasan perkuburan. Wang ini dan wang-wang, jumlah wang ini. Saya dah nak beritahu, Laporan Kutipan Caruman Perkuburan Akaun Amanah Perkuburan bagi tahun 2011. Saya *check* ni sebab saya jadi di Petaling, kita sudah menerima RM3.4 juta untuk caruman. Di Gombak, kita telah menerima RM1.9 juta dan jumlah yang ada sekarang ialah RM16.7 juta. Maknanya sudah kita laksanakan dan dana-dana ini dikhaskan untuk perkuburan. Maknanya krematorium dan juga tanah yang mesti dibangunkan, pembelian tanah dan juga beberapa pengurusan mengenai perkuburan. Saya nak cadangkan kalau saya akan minta Jabatan Perancangan Bandar yang sudah ada kajian untuk kawasan perkuburan 2060 memberikan penerangan. Bagaimana cara pembiayaan? Bagaimana tanah-tanah yang sudah dikenal pasti? Bagaimana pembangunan krematorium? Bagaimana ratio di antara ini kajianlah. Berapa yang dalam 1,000 berapa peratus perlukan perkuburan? Berapa peratusan perlukan cara pembakaran? Semuanya ada di sana. Jadi kalau Ahli-ahli Dewan Negeri dan juga pemimpin masyarakat boleh mendengar taklimat ini. Taklimat ini perlu kita perbincangkan supaya kita akan dapat satu hasil yang mantap. Jadi kalau mereka-mereka yang tidak boleh bayar pun kita ada peruntukan untuk perkara ini. Tetapi gajinya mestilah kurang daripada RM1,500. Kalau gajinya RM10,000 tak nak bayar, itu lain dia punya sebab. Jadi sebabnya ialah tak ada pendapatan, tak cukup pendapatan, boleh dikecualikan dari pembayaran.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali?

**Y.B. DATO' MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Terima kasih Speaker. Soalan saya bernombor 64.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD ISA BIN ABU KASIM  
(BATANG KALI)**

**TAJUK : INDUSTRI PELANCONGAN DI KAWASAN BATANG KALI  
APAKAH RANCANGAN MASA DEPAN**

64. Industri pelancongan di kawasan Batang Kali begitu pesat membangun. Pelbagai tempat-tempat pelancongan yang ada seperti Kawasan Perkelahan Sungai Sendat, Kolam Air Panas Sungai Tamu dan sebagainya.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah rancangan masa depan industri berkenaan?
- b) Adakah kawasan ini dipromosikan atau diiklankan supaya dapat menarik lagi pengunjung dan pelancong datang ke kawasan Batang Kali?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker, Hulu Selangor merupakan antara daerah luar bandar yang dilihat telah mula berkembang sebagai salah satu destinasi percutian dan juga pelancongan yang sangat berpotensi. Menyedari tentang potensi besar ini, beberapa usaha-usaha dilakukan supaya daerah ini akan terus menjadi tumpuan pelancong dan seterusnya memberikan impak yang positif kepada pembangunan pelancongan khususnya bagi jangka masa panjang. Dalam hal ini, perancangan pembangunan pelancongan dibuat secara menyeluruh bagi daerah Hulu Selangor dan tidak hanya tertumpu di sesetengah kawasan sahaja.

Batang Kali juga merupakan sebahagian lokasi penting di dalam daerah Hulu Selangor turut diberi peluang yang sama. Beberapa produk pelancongan seperti Kolam Air Panas Hulu Tamu, Kawasan Perkelahan di sepanjang kawasan Ulu Yam dan Rekreasi Sungai Sendat dan juga Restoran dan Spa Cholo-cholo telah bertapak kukuh dan menjadi antara destinasi utama pilihan pelancong ke daerah Hulu Selangor. Kawasan ini juga terkenal dengan pusat latihan yang menjadi tumpuan beberapa syarikat korporat yang menjalankan latihan mereka untuk para pekerja organisasi mereka. Produk yang terbaru yang berhampiran dengan Batang Kali juga menjadi tumpuan seperti *Strawberry Leisure Farm* yang telah menjadi tumpuan pelancong dalam dan luar negara sejak ia dibuka pada Ogos 2009 dan dapat menarik pengunjung seramai 500,000 sehingga hari ini.

Begitu juga dengan Bukit Beruntung, *Golf Course* yang menjadi tumpuan para pemain golf khususnya dengan pelancong-pelancong dari Negara Korea dan pada masa yang

sama sekarang terdapat pembangunan baru yang dipanggil *Mines Golf City* di Bukit Beruntung yang bakal menjadi *Golf Course* yang terunggul di negara ini.

Tourism Selangor juga dalam usaha mengenal pasti kawasan-kawasan yang mempunyai potensi untuk dipromosikan kepada masyarakat luar mengenai kawasan-kawasan tarikan baru yang terdapat di negeri Selangor. Kita telah menganjurkan beberapa lawatan-lawatan ke tapak pelancongan di Batang Kali di Hulu Selangor pada masa yang sama kita memperkenalkan produk-produk baru bersama kerjasama PBT dan dengan satu program khusus yang dipanggil *TS Day Out* ataupun *Tourism Selangor Day Out* telah memainkan peranan untuk membawa para media termasuk sosial media, ataupun media sosial, *bloggers* dan sebagainya mengenali kawasan yang secara tidak langsung mereka menulis segala pengalaman mereka dalam blog-blog, *facebook* dan sebagainya.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor, Majlis Daerah Hulu Selangor sentiasa memainkan peranan dalam mempromosikan destinasi-destinasi berkenaan kepada pelancong dalam dan luar negara melalui penyertaan dalam siri promosi dalam dan luar negara. Program ini dilaksanakan secara berterusan di samping saluran-saluran promosi lain seperti risalah, laman web, pengiklanan di majalah, *Coffee Table Book*, program kembara media dan lain-lain lagi.

Menyedari potensi besar daerah Hulu Selangor, pendekatan dan pembangunan secara in-situ juga diberi tumpuan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mulai tahun 2012 ini program daerah fokus akan diperkenalkan dengan bermulanya di Sabak Bernam, Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Kuala Langat menjadi daerah di bawah pelaksanaan program khas tersebut. Perancangan ke arah melaksanakan program berkenaan meliputi pembangunan produk-produk pelancongan, promosi yang berterusan, penambahbaikan kemudahan sedia ada dan program-program sokongan lain seperti kerjasama bersama media sosial dalam membekalkan maklumat tentang produk-produk berkenaan.

Batang Kali yang menjadi sebahagian antara lokasi produk pelancongan di daerah Hulu Selangor akan terus dipromosikan. Mulai tahun 2011, *tourism* Selangor dengan kerjasama semua PBT di negeri Selangor telah menerbitkan *brochure* khas bagi semua daerah-daerah di negeri Selangor termasuk satu *brochure* khas untuk Hulu Selangor. *Brochure* ini merupakan antara penerbitan yang paling penting khususnya dalam mempromosikan destinasi dan juga produk-produk pelancongan di semua daerah di negeri ini. Bagi daerah Hulu Selangor, produk-produk pelancongan dari kawasan Batang Kali turut dimuatkan.

Dan untuk makluman semua melalui inisiatif pihak Majlis Daerah Hulu Selangor, mulai tahun 2012, pakej-pakej khas pelancongan bagi Hulu Selangor telah diwujudkan bagi memberi pilihan kepada para pelancong dan memperkenalkan Hulu Selangor sebagai antara destinasi percutian yang menarik. Usaha ini adalah sebahagian daripada rangka pelaksanaan Kempen Selangor *Shines* dan juga Daerah Fokus yang menyasarkan

peningkatan keupayaan dalam pembangunan pelancongan berterusan di Hulu Selangor termasuk Batang Kali.

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat EXCO, cuma soalan tambahan saya kenapa tidak diadakan *billboard-billboard* yang menunjukkan kewujudan pusat-pusat pelancongan di kawasan Batang Kali khususnya. Saya lihat kita ada sekurang-kurangnya tujuh tempat yang cukup menarik untuk dibawa pelancong-pelancong ke kawasan Batang Kali. Jadi saya minta kalau EXCO boleh sediakan sedikit peruntukan untuk membuat *billboard-billboard* di jalan-jalan utama di tepi-tepi *highway* untuk mempromosikan, kalau nak lebih *glamour* taruklah gambar EXCO di situ dan gambar saya di sebelah EXCOlah.

Yang kedua, apakah ada insentif daripada pihak Kerajaan Negeri terhadap syarikat-syarikat swasta yang ingin menjadikan pakej pelancongan ini sebagai produk mereka dan mereka boleh bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam mempromosikan pusat-pusat pelancongan di kawasan Batang Kali khususnya.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Yang Berhormat Batang Kali. Setakat ini kita naikkan *billboard-billboard* secara keseluruhan iaitu kita cuba memberi satu gambaran keseluruhan tentang produk-produk pelancongan di negeri Selangor. Jadi biasanya *it very general view* lah, tapi pada masa yang sama kita mempromosikan 10 produk-produk pelancongan yang menjadi tumpuan di negeri Selangor. Apa yang dicadangkan oleh Batang Kali memang bagus tapi masa yang sama, saya rasa kalau kita hanya naikkan *billboard* di kawasan katakan Batang Kali ataupun di persekitaran Hulu Selangor, kita hanya tunjuk kepada orang yang akan ataupun sudah sampai ke Hulu Selangor. Apa yang lebih penting adalah kalau kita promosikan di luar kawasan Hulu Selangor ataupun di luar negeri dan ini kita akan naikkan beberapa *billboard-billboard* di negeri-negeri lain supaya ini kita boleh memberi satu gambaran yang baik tentang produk-produk pelancongan di negeri Selangor. Memang kalau Batang Kali sudi, kita boleh menggunakan peruntukan yang berada dengan Batang Kali daripada Kerajaan Pusat untuk menaikkan *billboard* khas di kawasan DUN Batang Kali.

Isu ataupun Batang Kali telah bangkitkan tentang insentif-insentif khas untuk syarikat swasta yang mungkin ingin mempromosikan pakej-pakej khas pelancongan di Batang Kali ataupun di kawasan Hulu Selangor, memang Tourism Selangor ada beberapa *road show* ataupun *trade fair* di mana kos sebahagian besar kos untuk menjalankan *trade fair* di luar Negara atau pun luar negeri telah diambil ataupun di *absorb* dengan izin oleh Tourism Selangor dan masa itu kita menjemput semua termasuk *travel agent* ataupun pemilik produk-produk pelancongan swasta dan sebagainya untuk menyertai *trade fair* ataupun *road show* yang kita adakan setiap tahun. Jadi ini merupakan satu intensif yang bagus kerana pemilik syarikat swasta yang mempromosikan ataupun yang adakan pakej-pakej pelancongan ini mereka tidak perlu membayar kos yang besar untuk menyertai *trade fair* tersebut.



**TUAN SPEAKER:** Lembah Jaya.

**Y.B. TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Tuan Speaker soalan saya No. 65.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : MEMARTABADKAN ISLAM**

65. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah peningkatan atau langkah yang dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat dalam Kemajuan Islam di Selangor?
- b) Berapa banyakkah telah dibelanjakan untuk program-program seperti ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato Speaker, Lembah Jaya, Yang Berhormat Lembah Jaya membangkitkan pertanyaan mengenai memartabatkan Islam. Apakah peningkatan atau langkah yang dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat dalam kemajuan Islam di Selangor dan berapa banyak kah telah dibelanjakan untuk program-program ini. Program-program ini kita dah mula daripada pra-sekolah sampai kepada warga emas, jadi menyemarakkan usaha untuk meningkatkan kefahaman dan juga melatih masyarakat Islam untuk melakukan apa yang betul yang telah dibuat dari pelajar-pelajar pra-sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, IPTA, warga belia, kita punya *target*, pelajar-pelajar di sekolah industri, penjawat awam dan kakitangan badan berkanun dan warga emas.

Program dakwah yang dirancangan memberi fokus khusus kepada program tarbiah pengupayaan generasi muda kita ada program generasi muda, sekejap lagi saya terangkan beberapa program yang mula kita lakukan dan kita juga memperbagaikan pendekatan dakwah agar tidak bersifat statik atau lebih untuk belia kita mesti lebih santai, itu perkataan mereka bukan terlalu mendengar ceramah sahaja, itu yang Pelbagai program telah dilaksanakan setiap program dan penceramah, kita ada aktiviti, kita ada Bulan Dakwah yang saya rasa semua mereka yang ingin terlibat mempunyai peluang. Dan kita juga ada satu program yang saya rasa sangat meningkat pembangunannya ialah menggalakkan anak-anak muda kita menghafaz Al-Quran. Jadi mereka-mereka ini kalau yang boleh menghafal dipanggil *hafaz*. *Hafaz* ini dan mengiktiraf mereka dan memberi elaun jadi jumlahnya sekarang sudah bertambah. Pada hari Sabtu, Jumaat yang lepas kita ada penutupan pertandingan menghafaz Al-Quran dan kita dapati peningkatan anak-anak muda kita sangat tinggi, dulunya kita kata ada lebih tak kurang daripada 20 sekarang sudah meningkat kepada sehingga 60 dan saya rasa sampai seratus anak-anak muda kita sudah mempunyai keupayaan dan kebolehan menghafal Al-Quran 1 sampai 30 juzuk dan ada juga dari awal 1 sampai 10 dan 15 kemudian ke 20 dan kita telah lihat mereka ini oleh kerana minda mereka

begitu bagus, mereka juga sangat berjaya dalam pelajaran-pelajaran yang lain. Jadi ini yang saya rasa satu latihan yang sangat bagus dan keputusan ini sangat menggalakkan dan memperluaskan ilmu tazkirah di pasar tani, menyemarakkan Islam, Forum Perdana dan banyak. Tapi itu *survey* menunjukkan jumlah yang mendengar itu statik, mana ada yang berminat tak ada *increase in* apalah.. jadi, dan meningkatkan kemahiran Al-Quran di kalangan generasi muda, tilawah, tahfiz, dia punya, sekarang kualitinya untuk pertandingan ini sangat tinggi. Jadi dulunya hanya boleh, hanya membaca, dengan satu atau dua lagu teranumnya tidak diambil kira, sekarang sekurang-kurangnya pembaca, qari itu sekurang-kurangnya ada tiga lagu yang mesti memahami sekurang-kurangnya ayat yang dibaca sebab setengah ayat ada cara pembacaannya dalam bentuk kalau saya nak senangkan ada ayat yang bercerita, ada ayat yang syariah, ada pun ayat, jadi dia punya ayat pun saya sendiri sekarang menggunakan *i-pad* untuk memahami bagaimana ayat tersebut. Sudah dapat tugas baru ini, saya kena faham juga sedikit mengenai perkara ini dan saya telah dapat tunjukkan bagaimana pembacaan itu kalau diikuti dapat membolehkan kita memahami lebih luas lagi. Dan melebarkan ilmu melalui penerbitan buku dan seterusnya.

Dan perbelanjaan mengurus ialah RM1.4 juta dan zakat telah memberikan peruntukan hampir RM5 juta. Jadi kita ada program ini untuk RM5 juta. Sekarang kita ada lagi satu program untuk belia. Saya telah minta Dr. Yunus, EXCO kita, juga saudara Yang Berhormat dari Meru, untuk juga menolong menghampirkan belia ke masjid. Satu masalah yang saya rasa, walaupun masalah tu nampaknya kecil ataupun remeh, tetapi, tempat, apa yang dipanggil dalam bahasa Inggeris, *toilet*, di masjid kita tak, sampai orang tak hendak singgah untuk menggunakannya. Jadi oleh sebab itu sekarang, akan satu program besar-besaran yang akan dilakukan setiap masjid untuk menumpukan bagaimana kita dapat membersihkan tempat penggunaan mandi dan ambil air sembahyang dan juga penggunaan bilik kecil, supaya mereka-mereka ini dapat satu standard, saya, kita telah buat beberapa perancangan untuk KPI, untuk standard itu. Pada pandangan saya, kalau ini berlaku, jadi ramai keluarga-keluarga yang melalui negeri Selangor tidak lagi, tak takut pergi ke masjid untuk membawa keluarga untuk membersihkan diri dan seterusnya, dan sudah tentulah bila mereka di masjid mereka juga akan menunaikan sembahyang sunat dan juga sembahyang fardu. Dan dengan ini cara menyemarakkan masjid. Jadi program ini saya harap, Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menyokong program ini. Dah mula dibuat, kita *test* di Permatang Pasir dan juga di Sungai Buaya, di Kuala Langat. Dan program ini tujuannya bukan hanya membetulkan paip-paip dan juga lampu-lampu dan lantai-lantai tetapi tujuan yang sebenarnya ialah membawa belia ke masjid supaya mereka merasakan mereka sebahagian daripada masyarakat dalam membetulkan prasarana masjid. Ini tujuan kita. Dengan cara itu, program memartabatkan Islam dapat dirasai oleh semua pihak. Jadi itu.

**TUAN SPEAKER** : Batu Caves. Tidak ada. Morib.

**Y.B. TUAN HJ. HASIMAN BIN SIDOM :** Terima kasih, Tuan Speaker, soalan saya nombor 67.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN HAJI HASIMAN BINI SIDOM  
(MORIB)**

**TAJUK : PEMBAIKAN JALAN-JALAN KAMPUNG**

67. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah peruntukan pembaikan jalan-jalan kampung yang disediakan di setiap Daerah di Negeri Selangor.
- b) Bagaimanakah pelaksanaan kerja-kerja tersebut dijalankan secara undian atau sebut harga.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Speaker, Yang Berhormat Morib membangkitkan pembaikan jalan. Berapa jumlah peruntukan pembaikan jalan di kampung-kampung yang disediakan setiap daerah dan bagaimana pelaksanaan dijalankan secara undian atau sebut harga. Sekarang kita, daripada 2008 hingga 2011, kita juga menyediakan peruntukan untuk membaik pulih, membina, menaiktaraf kemudahan infra di luar bandar, sejumlah RM41,516,286.00. Pelaksanaan projek tersebut berdasarkan permohonan yang dikemukakan oleh projek tersebut oleh Ahli-Ahli Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung (JKKK), aduan penduduk dan Ahli Dewan Negeri juga telah mengemukakan beberapa permohonan. Kita telah, saya buat, telah, oleh kerana saya sekarang juga menjadi EXCO Infra, saya lihat caranya tak berapa mantap. Saya nak ubah, sebab saya lihat terlalu, tak ada *value for money*. Kedua, saya lihat cara pembuatan itu, apa yang saya kaji ialah untuk mendapatkan kontrak memakan masa yang sangat lama. Kadang-kadang dua bulan. Tapi kontrak tu boleh disiapkan dua malam. Jadi saya nak hentikan kerja ini. Jadi maknanya, peruntukan, lepas tu pergi untuk buat permohonan, lepas habis permohonan, baru dapat kontrak, lepas tu tak sampai tiga hari, dah siap, pergi pula permohonan minta bayaran. Jadi saya telah mula melihatnya dan saya fikir kita kena ubah. Ini banyak masa terbuang dalam usaha pentadbiran bukan usaha pelaksanaan dan tak ada nilai yang sebenar. Jadi saya telah ubah strukturnya masa dulu, sebelum ada penswastaan ini, ada *road gang* yang kita mula lakukan dan menolong terus saja. Jadi, kita buat dan kita boleh gunakan kaedah-kaedah yang saya telah berbincang dengan pihak JKR untuk melatih pegawai-pegawai kita untuk membuat satu kaedah pembinaan. Saya tengok cara pengawasan pun, tidak dibuat dengan baik. Jadi, ok, pengawasan dengan baik. Walau bagaimanapun kerja-kerja tidak, kebanyakan kerja saya dapati pegawai kita membahagi-bahagikan kerja untuk menyenangkan. Jadi sebenarnya kalau boleh dibuat, sebenarnya kerja tu RM100 ribu, tapi pegawai kita nampaknya suka membahagikan kepada RM20 ribu, RM20 ribu, RM20 ribu. Jadi saya nak hentikan kerja tersebut, jadi maknanya tak payah lakukan ini sebab kita lakukan apa yang perlu kita buat, bukan mengubah syarat dan perkara-perkara yang saya rasa tidak akan

menghasilkan kerja yang baik. Jadi saya ada perangkaan sekarang untuk Kuala Langat terdapat keseluruhannya dibelanjakan RM1.26 juta, 82 projek yang dibuat di Kuala Langat. Yang banyak sekali ialah di Kuala Langat, 82 projek, di Klang, 121 projek. Dan saya akan boleh berikan perangkaan-perangkaan ini untuk diketahui dan kita mula sekarang meminta ketua-ketua kampung untuk membuat permohonan juga melalui iklan Selangorku sebagai satu usaha *targeted* untuk menyelesaikan masalah pembaikan jalan-jalan kampung. Walaupun saya diberitahu ada setengah jalan-jalan kampung tu bukan milikan Kerajaan Negeri iaitu jalan dipanggil jalan tumpang. Dan saya ingin menyatakan dekat Dewan, sama ada jalan tumpang atau tidak, kita akan baikkannya. Jadi tak jadi masalah. Kalau berlaku, apa yang berlaku, kalau tuan tanah tu, mula marah pula kerana sebab-sebab yang kita rasa tak munasabah dan itu akan kita selesaikan melalui Kerajaan Negeri sebab kita boleh kuasa di bawah *right out way*. Jadi maknanya kita boleh ambil alih tanah tersebut. Tetapi itu tidak boleh menjadi sebab kita, tujuannya ialah membaiki jalan untuk kegunaan masyarakat di tempat itu.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih, Tuan Speaker, soalan saya yang ke 68.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN LAU WENG SAN  
(KG. TUNKU)**

**TAJUK : BEKALAN AIR DI SELANGOR PADA TAHUN 2016**

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Terdapat pihak yang menyatakan bahawa Selangor akan menghadapi krisis air pada tahun 2014. Kini dikatakan ia akan berlaku pada tahun 2016, adakah tuduhan ini benar dan mengapa?
- b) Apakah paras air semua empangan di Selangor pada masa sekarang?
- c) Apakah kadar *Non Revenue Water* (NRW) di Selangor dan adakah ia berada di tahap yang tidak memuaskan? Jika ia, apakah sebab-sebab kepada kadar NRW yang tinggi ini?

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Perkara mengenai bekalan air di Selangor pada 2016 ini dah banyak kita bincangkan. Jadi, tapi saya rasa kajian telah menunjukkan, itu sebab dalam kenyataan saya, salah satu daripada masalah yang besar yang kita hadapi ialah *water management, this is really the issue. The issue is*, kita banyak air tapi tak cukup air. *this is really the issue*. Saya sendiri, saya ingin nyatakan saya, bagaimana kita boleh menghadapi krisis air, tak cukup air dalam keadaan yang banjir. Jadi siapa yang nak menjawabnya perkara ini. Jadi saya tanya pada JPS, dia pun tak tahu, saya tanya pada LUAS, dia pun tak tahu, semua orang tak tahu. Sebab, semua

berfungsi tidak menyeluruh. Jadi maknanya bagaimana kita nak dapat mengumpulkan air dan menyimpannya dan menggunakannya. Jadi maknanya apa yang berlaku, bila air hujan, banyak air hujan dan air itu terus masuk ke sungai dan lepas keluar. Dan hasil daripada air yang banyak, ada juga yang terkena banjir. Lepas tu, habis banjir, air dah tak ada, kemudian air pun tak cukup. Jadi ini akan kita selesaikan. Saya telah meminta beberapa pakar yang menyemak semula bagaimana polisi negeri mengenai ini. Dan jawapan ini sudah dibuat dalam satu buku yang dikeluarkan oleh Kementerian Air di bawah kelolaan Tun Lim Kim Yaik. Dia *have written the book* mengenai penyelesaian masalah ini. Sebab katanya dia mengkritik cara yang lepas dan kita mesti menyelesaikan dengan cara yang ada sekarang yang dipanggil *holistic approach*. Daripada yang mesti semua itu digabungkan balik semula. Buku itu juga menjadi panduan untuk menghasilkan Akta Air 2006. Jadi semua sudah ada. Jadi oleh sebab itulah kita kena selesaikan *the fundamental issue*. Kalau kita tidak selesaikan *the fundamental issue*, perkara ini tidak akan selesai. Maknanya kita hanya menyelesaikan masalah-masalah sampingan. Masalah sampingan sebagai contoh, Syabas tak ada cukup duit. Kita bagi duit, lepas tu, Syabas tak ada untung. Kita naikkan harga air, itu cara masalah sampingan. Lepas tu tak cukup lagi, kita bagi kontrak. Itu masalah sampingan. Tapi masalah yang besar ialah adakah kita mempunyai program daripada *dam* ke *treatment* pelan kepada saluran paip sampai kepada, apa yang dipanggil pengguna. Jawapannya belum. Dan ini telah diketahui. Saya tidak pergi melawat ke tempat-tempat di mana penswastaan itu berjaya. Sebab, saya rasa, saya hantar Yang Berhormat dari Dr. Xavier untuk pergi melihat contoh kejayaan yang dibuat di England. Bagaimana contoh kejayaan. Dan ini pernah dilawati oleh Lim Kim Yaik. Sekurang-kurangnya dia berada di sana, saya diberitahu hampir seminggu, tapi Dr Xavier hanya tiga jam sahaja, sebab tak ada masa. Dan kita telah tunjukkan bagaimana *the monitoring*, dia ada satu panel. Dia boleh tahu air-air digunakan dekat mana dan dia *monitoring* sebab soalan *Non Revenue Water* itu ia sampai ke satu peringkat dan ia boleh tahu tiap-tiap hari berapa *No Revenue Water*, itu yang dia punya kadar. Jadi bagi saya tidak hendak apa ini, bercakap tetapi perkara ini tetapi sekarang kita mula *test* sama ada kita mempunyai keupayaan atau tidak. Kita mula berbincang tentang mengenai Loji Rawatan Air Sungai Labu, KLIA. Projek ini dikendalikan oleh Pengurusan Aset Air Berhad dan loji rawatan air itu ialah 105 juta liter satu hari dan Sungai Selangor kita juga telah buat. Dan saya telah juga memantau tentang semua ini. Jadi, mengapa saya mengambil masa tentang usaha ini. Kenapa saya? Sebenarnya, saya mengambil masa sebab jumlah masyarakat yang terlibat dalam usaha ini lebih 5 juta, *i mind our success is for the billion*. kedua jumlah aset yang kita kena jaga ini ialah melebihi 12 000 Juta. Maknanya aset itu banyak, maknanya kalau kita tidak kawal aset ini bererti kita tidak mengawal harta yang dibeli. Itu jumlah aset. Ketiga, air ialah *the life lay* jadi kalau kita tidak mempunyai kuasa kepada air *life lay*. Jadi pada saya, kalau negeri yang berjaya ialah negeri yang dapat menguasai pengurusan ini. Soalan yang ditanya biasa

kepada saya. Kenapa saya menghalang penswastaan? Jawapannya ialah kalau penswastaan tidak menghasilkan yang terbaik untuk rakyat, tak usah buat. Jadi saya tunjukkan sebab ada orang menyatakan ada penswastaan berjaya. Jawapannya memang betul, memang betul ada tempat-tempat bukan di Malaysia, yang penswastaan itu berjaya. Apa kriteria ia berjaya? jawapannya ialah mereka yang dapat penswastaan ini mempunyai rekod pengalaman yang begitu lama. Rekod, rekod maknanya *the capacity in capality*, rekod. Kedua, mereka diberikan hanya dua (2) hingga tiga (3) tahun sahaja untuk memberikan hasil, kalau dia tidak lulus itu tidak boleh lagi, maknanya bukan dibagi sampai 20 tahun 30 tahun lepas itu, jadi, maknanya ia tidak boleh diambil kira beratus tahun tapi diambil kira. Ketiga, pemantauan kos dibuat oleh *very dependent group*. Ketiga-tiga ini tidak berlaku di Selangor. Dan juga saya rasa tidak berlaku di Malaysia. Itu sebab saya mengambil masa untuk sebagai satu penyelesaian mesti kita selesaikan. Jadi, saya bertanggungjawab kerana sebagai Menteri Besar kalau saya tidak dapat melihat penyelesaian ini bererti negeri Selangor *Fail Of Duty for self People*.

**TUAN SPEAKER:** Tidak hadir. Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker, soalan 70.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : PENGURUSAN HUTAN PAYA LAUT.**

70. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 muka surat 59-62.

Bertanya Kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mencegah kecurian kayu bakau?
- b) Apakah tindakan yang diambil terhadap kejadian kecurian kayu bakau meningkat dengan ketara selepas bulan Julai 2010 apabila Pulau Ketam diwartakan sebagai HSK.
- c) Berapakah kehilangan hasil royalti dan ses yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri akibat kecurian kayu bakau serta kemusnahan HPL (Hutan Paya Laut)?

**Y.B. PUAN ELIZABERTH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah melaksanakan beberapa langkah pencegahan kecurian kayu bakau setelah lesen pengusaha hasilan kayu bakau ini ditamatkan pada 1 Julai 2010 seperti berikut:

- i. Melaksanakan operasi bersepadu dengan Agensi Penguat kuasa Maritim Malaysia (APMM), Pasukan Gerakan Marin (PDRM) Selangor, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan melaksanakan rondaan secara bersama di kawasan hutan simpan Paya laut yang terletak dalam kawasan pulau di negeri Selangor.
- ii. Melaksanakan pemantauan melalui udara 6 kali setahun bagi mengesan aktiviti kecurian kayu balak.
- iii. Membuat perolehan sebuah bot ronda baru untuk Jabatan Perhutanan Negeri Selangor .
- iv. Menempatkan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor di semua jeti pendaratan kayu bakau bagi memeriksa kemasukan kayu bakau Import Indonesia dan kayu bakau Transit daripada negara lain.
- v. Menambahkan kekerapan rondaan di 25 buah hutan simpan paya laut yang berkedudukan pesisir pantai dan kawasan pulau.
- vi. Membuat hebahan media kes-kes tangkapan kecurian kayu bakau bagi meningkatkan kesedaran orang awam.
- vii. Melaksanakan kempen kesedaran tanaman bakau dan spesis-spesis terancam di pesisir pantai dengan kerjasama korporat, NGO dan orang awam.

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) telah membuat penandaan sempadan luar selepas ia diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal. Selain itu Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah memasang papan-papan tanda hutan simpan di sepanjang sempadan. Tindakan pemasangan papan tanda ini adalah sebagai satu daripada kaedah untuk memaklumkan kepada masyarakat setempat kewujudan hutan simpan. Sehingga 29 Februari 2012 tiada sebarang kecurian kayu bakau baru dikesan dalam kawasan Hutan Simpan Pulau Ketam selepas penangkapan seorang warganegara Malaysia yang menjadi ketua sedikit di Pulau Ketam pada tahun 5 Mei 2010. Operasi bersepadu yang dilaksanakan bersama Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM), Pasukan Gerakan Marin PDRM Selangor dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) secara berterusan telah memberikan satu kesan positif dan berjaya mengawal aktiviti kecurian kayu bakau di Hutan Simpan Pulau Ketam.

Kehilangan Hasil Royalti dan Ses yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri akibat kecurian kayu bakau serta kemusnahan Hutan Paya Laut (HPL) dalam kes tangkapan yang direkodkan dalam tempoh 1 Januari 2008 sehingga 28 Februari 2012 ialah sebanyak 249,393 batang dengan kehilangan hasil Royalti dan ses yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM41, 149.85.

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 71.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK : KOMPLEKS SUKAN PKNS**

71. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dikatakan telah menjual tanah Kompleks Sukan PKNS, Kelana Jaya bagi memberi laluan projek komersial.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pertimbangan dibuat tidak mengambil kira sumbangan PKNS membangunkan aspek sosial dalam bidang sukan?
- b) Apakah bentuk pembangunan dicadangkan dan apakah manfaatnya kepada penduduk setempat?
- c) Syarikat manakah yang bakal memajukan hartanah tersebut?

**TUAN SPEAKER:** EXCO tolong ambil soalan.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih. Kuil Kota Warisan. Kompleks Sukan PKNS. Soalan daripada Dusun Tua mengenai Kompleks PKNS yang, kerana Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dikatakan telah menjual tanah kompleks PKNS Kelana Jaya kerana memberi laluan projek komersial. Apakah pertimbangan dibuat tidak mengambil kira sumbangan PKNS membangunkan aspek sosial dalam bidang sukan? Apakah bentuk pembangunan dicadangkan dan apakah manfaatnya kepada penduduk setempat? Syarikat manakah yang bakal memajukan hartanah tersebut? PKNS telah diminta untuk melihat semua aset-asetnya supaya dapat dibangunkan dengan nilai yang sesuai dan juga mengambil kira kehendak kawasan pembangunan yang ditempatkan. Maknanya dari konteks bangunan kompleks sukan, bangunan itu boleh dibuat dengan cara menyediakan kemudahan-kemudahan sukan rekreasi dan tetapi sesuai dengan keadaan tanah di sana. Jadi bukan kita hanya buat satu kompleks sukan sahaja tetapi ini berlaku, bukan perkara yang tidak berlaku. Di Singapura di mana-mana bandar raya ia mula melihat pembangunan hartanah tapi *standard* mestilah cukup menyediakan tapak sukan dan juga membangunkannya. Jadi saya tidak menghalang pegawai-pegawai PKNS untuk memikirkan bagaimana pembangunan hartanah ini bukan untuk dijual. Jadi satu lagi polisi yang saya buat ialah kali ini PKNS tidak boleh macam dahulu. Dahulu ia buat *joint venture* maknanya



tanah itu dibagikan pada orang lain, orang lain buat kerja dan dia dapat tiga puluh peratus (30%), tidak ada. Jadi saya, oh! saya terlupa, sepatutnya saya minta PKNS tunjukkan pelan yang dibuat untuk dipamerkan supaya mereka-mereka yang berminat dengan usaha PKNS ini boleh melihatnya, pembikinan dan penelitian yang dibuat. Sebagai contoh kita tunjukkan untuk Yayasan Selangor bagaimana ia buat dan sebagainya. Sebab saya ingin melatih pegawai-pegawai PKNS, PNSB buat sendiri, belajar bagaimana membangunnya. Dulu caranya ialah, dia tidak buat, dia hanya menjadi apa yang dikatakan “orang tengah”, dia duduk orang lain yang buat. Sekarang, *engineer* PKNS mestilah turun padang saing-saing dengan tengok projek tersebut. Sebab itulah saya mula PKNS sudah beroperasi lebih 40 tahun hampir 50 tahun tapi tidak mempunyai keupayaan dalaman yang begitu megah sehinggakan orang luar negara kata kalau hendak buka bandar panggil PKNS, belum ada lagi, belum, sebab walaupun PKNS ada mempunyai rekod membuka Shah Alam, membuka Kota Damansara, membuka Bangi, membuka Sepang tetapi kalau dibandingkan sebab saya bagi contoh *Capital Land* ialah satu syarikat di Singapura yang mana ia wujud hampir sama dengan PKNS tetapi telah berada di 15 tempat di dunia. Dia dah. Maknanya pegawai-pegawainya pegawai-pegawai dia itu yang datang untuk membuka kawasan-kawasan itu bukan hanya pentadbir tetapi *Engenier*, Arkitek dan QS semua datang dan tunjuk dia boleh buat. Kemudian dia boleh buat *survey* semua itu, dia boleh lakukan itu, itu sebab saya minta mereka lakukan. Jadi dulu kita tidak lakukan sebab nama yang buat itu bukan nama PKNS, *is not PKNS brand, it is some body else*. Macam Kota Damansara yang banyak nama dikatakan yang membuat pembangunan tersebut bukan PKNS namanya ialah Sunway bukan. Kalau orang tanya dia, jadi itulah sebabnya saya pembentukan yang dicadangkan ini juga saya telah minta supaya ianya juga diluluskan, dibincangkan bersama-sama dengan penduduk-penduduk. Saya suruh apa yang dipanggil *town for comitee* takkanlah perkara ini tidak dibincangkan sebab ini untuk kebaikan bersama. Sebab PKNS akan mendapat hasil daripada pembangunan tersebut dan juga hasil tersebut boleh kita gunakan untuk pembangunan masyarakat, rumah mampu milik, program-program pembangunan, usahawan tapi mesti dilakukan dengan secara profesional. Walau bagaimanapun dalam usaha ini PKNS juga masih ikut cara yang lama tetapi saya akan betulkan sendiri supaya pegawai-pegawai PKNS yang menjalankan kerja ini dia telah mengadakan usaha sama dengan syarikat Bayu Melati Sdn. Bhd. dengan tujuh puluh peratus pulangan keuntungan itu kepada PKNS dan Bayu Melati mendapat daripada usaha tersebut 30% tetapi saya nak tegaskan di sini PKNS mesti pegawai dia mesti menjalankan kerja ini bukan Bayu Melati. Bayu Melati *is only investor, PKNS is the operator*. Jadi itu saya nak tengok jadi kalau tidak boleh jadi saudara Sri Serdang agak cemburu sebab gaji yang dibayar pada pegawai PKNS agak tinggi, saya tidak nak ceritalah lebih daripada Menteri Besar. Saya tidak ada nak *complain* dia buat sendiri projek tiga bilion dia dapat hasilkan, dia buat sendiri kita mesti bayar dia dengan ganjaran yang sepatutnya jadi yang paling penting. Konspen sekarang dia kena buat, bukan dia apa itu sub kontrak itu tidak boleh, itu sebab sekarang konsep yang paling yang kita nak usahakan ialah *owner operator*.

**TUAN SPEAKER:** Masa pertanyaan sudah tamat, urusan mesyuarat seterusnya.

### III. USUL

#### **Usul Menyembah Ucapan Terima Kasih Serta Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.**

**PENOLONG SETIAUSAHA:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Saya persilakan Batu Tiga untuk menyambung penggulangan.

**Y.B. TUAN RODZIAH BT ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN B. LIAS:** Boleh minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Penjelasan mana?

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN B. LIAS:** Penjelasan kepada Tuan Speaker, Saya ada isu nak bangkitkan. Saya minta penjelasan kepada Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Mengikut peraturan mana?

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN B. LIAS:** Penjelasan dari segi kelaziman Speaker sama ada dalam mengendalikan Dewan ini kita bagi pertimbangan kepada semua ADUN demi keadilan ataupun boleh memihak kepada mana-mana. Sebab saya bangkitkan ini kita dapat maklumat ada Tuan Speaker menghantar kepada EXCO-EXCO suruh supaya dok menerangkan kempen menjelaskan supaya menceritakan kebaikan kerajaan Pakatan Rakyat selama empat tahun jadi sama ada ini kelaziman kepada Tuan Speaker memihak kepada Speaker atau Tuan Speaker terus kepada semua ADUN-ADUN.

**TUAN SPEAKER:** Semasa saya menjalankan tugas di sini saya tidak memihak kepada siapa-siapa kalau ada pesanan saya kepada mana-mana ahli secara individu atau pun secara berkumpulan dalam melalui *email* saya, surat persendirian saya, kalau SMS saya kira tidak boleh dibawa ke dewan ini. Kalau saya duduk sini saya tidak adil maka sesiapa pun boleh bawa usul untuk menghukum saya. Jangan kacau hidup saya di luar ini.

**Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASSIM:** Speaker Peraturan 87.

**TUAN SPEAKER:** Ya

**Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASSIM:** Petua-petua Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya

**Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASSIM:** Tetapi bagaimana kita berbahas kalau Speaker bersikap yang memihak kepada yang lain melainkan *message* yang kita terima kita boleh baca *message* Speaker “*this is forcibly .....like way Yaakob doing now*” dengan izin. Jadi bagaimana hendak berbahas kalau Speaker sendiri tidak berlaku adil dan saya rasa ini Speaker telah menyalahi kuasa Speaker untuk mempengaruhi orang lain dalam membahaskan sesuatu isu. Saya rasa Speaker sebenarnya telah memalukan seluruh Speaker di dalam dunia kerana memihak kepada sesuatu parti dan tidak sepatutnya Speaker Yang Arif, Yang saya hormati ini berlaku tidak adil seperti ini Speaker. Kalau macam ini tidak perlu kita berbahas Speaker. Kita dah ada orang yang untuk mempertahankan, orang untuk dibela dan sebagainya apa guna kami berbahas rupanya selama ini ditipu oleh Speaker seolah-olah macam adil tetapi tidak adil atas apa yang telah Speaker telah lakukan. Saya hendak Speaker memohon maaf kepada Dewan pada pagi yang mulia ini Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Saya tidak nampak apa-apa masalah saya tidak buat ada apa pesanan di sini. Kalau saya seperti yang saya sebutkan tadi kalau saya bagi nasihat kepada sesiapa pun ataupun sama ada kepada EXCO atau pun pada ADUN, daripada Penyokong Kerajaan ataupun daripada Pembangkang, kalau saya bagi nasihat itu tidak boleh diambil kira kalau saya bagi nasihat. Seperti Kuang pun saya panggil ke pejabat saya bagi nasihat. Pernyataan itu tidak betul saya nasihatkan supaya membuat perlindungan diri. Itu diterima oleh Kuang dengan baik. Kuang melakukannya kalau Kuang tidak melakukannya saya tidak boleh paksa. Itu sama juga nasihat saya kepada EXCO ini saya ambil peluang ini buat itu cara nasihat yang baik. Kalau setuju kalau rasa saya melanggar apa etika dan tolong membawa usul sebagainya saya rela menerimanya saya menjawab di situ tidak ada masalah. Baik silakan.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Speaker

**TUAN SPEAKER:** Ya

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Speaker sering berkata bahawa Speaker melakukan cukup adil dan beri keadilan kepada semua. Kalau Speaker memberikan satu rangsangan kepada EXCO supaya menjawab dengan begitu baik apa yang berlaku selama empat tahun bererti Speaker *bias* kepada. Speaker selalu cakap kita berlaku adil, saksama kepada semua ini bererti Speaker telah melebihi pihak EXCO dan tidak menyokong kepada semua. Saya minta Speaker memberi penjelasan tentang SMS Speaker ini.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Minta penjelasan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Penjelasan kepada Sungai Burong dan Kuang sama ada pernah tak melihat dalam Dewan ini Tuan Speaker memperbetulkan atau mendisiplin pihak EXCO semasa memberi ucapan, kita pernah lihat tetapi Kuang

dan Sungai Burong pernah tak melihat Tuan Speaker memperbetulkan EXCO semasa ucapan.

**TUAN SPEAKER:** Seperti yang saya sebutkan tadi kalau tidak berpuas hati dengan Speaker bawa usul. Ya, Tidak ada masalah.

**Y.B. TUAN MOHD ISA B. ABU KASIM:** Saya nak minta Tuan Speaker minta maaf kepada sekalian Ahli Dewan yang ada SMS yang dia hantar. Itu permintaan kita. Kalau tidak.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat boleh membuat tuntutan tersebut Ya. Baik silakan Batu Tiga.

**Y.B. TUAN RODZIAH BT ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya menyambung penggulungan saya pada pagi ini tadi saya merasakan bahawa isu-isu yang di bawa oleh Sungai Pelek perlulah saya perelaskan di sini di mana Sungai Pelek menyatakan bahawa beliau tidak pasti sama ada pengumuman pada tahun 2005 Selangor jadi Negeri Maju. Jadi sebenarnya isu ini memang terbentang di dalam dasar kerajaan dulu yang menyatakan Negeri Maju tetapi persoalan daripada ini dia menyatakan bahawa dia hairan kenapa Negeri Selangor di bawah Pakatan dulu tidak isu kemiskinan menjadi permasalahan sedangkan pada saya ingin menjelaskan di sini pada tahun 2005 Negeri Maju itu telah umumkan bahawa kadar peratusan kemiskinan 0.05% sahaja. Yang kalau saya kira-kira kalau dalam konteks lima juta rakyat pada di ketika itu hanya 2,500 sahaja rakyat miskin, jadi isu yang ditimbulkan oleh Sungai Pelek sepenuhnya kenapa empat ratus ribu rakyat Negeri Selangor lima *brief* itu ingin saya di sini saya bahawa ada kaitan dengan apa yang perlu 2008 dan juga apa yang berlaku sekarang. Pada 2008 0.05 % rakyat Selangor miskin maksudnya hanya 25,000 orang miskin, bila saya teliti di bawah atau pun *underground* dengan izin hakikatnya tidak betul. Rupa-rupanya perkiraan itu boleh dikira kemiskinan tegar pendapatan RM450 sebulan sahaja. Jadi memang wajar perkara ini diperbetulkan sebab itu Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih kita terus menyatakan bahawa pendapatan RM1,500 ke bawah layak untuk menerima kebajikan. Jadi isu yang ditimbulkan pelik kenapa 400 ribu sahaja menerima BR1M saya lagi pelik sebab dalam perkiraan saya rata-rata rakyat Negeri Selangor 40% atau pun ini keseluruhan rakyat Malaysia 40% berpendapatan di bawah RM3,000 di mana kalau dikira di dalam Selangor 5.2% maksudnya ada 2.08 juta kalau kita bagikan dalam satu keluarga lima orang maksudnya 830,000 keluarga patut menerima BR1M, RM500. Kenapa Kerajaan Persekutuan hanya memberi 400 ribu sahaja jadi saya tidak faham apa masalah atau apa perlu dilaksanakan dengan baik. Silakan.

**Y.B. DATO IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR:** Boleh saya, Cuma saya tertarik apabila Yang Berhormat Batu Tiga mempersalahkan ataupun mempersoalkan BR1M untuk makluman kita pun tahu BR1M ini diberi peluang kepada semua yang ingin untuk memohon dan juga menerima skim layak di bawah tiga ribu dan kalau pun lapan ratus ribu satu juta orang di Selangor ini. Kita mohon kita lanjutkan sampai ke satu tahap maka BR1M ini juga telah diberitahu bahawa ini adalah

bajet Kerajaan persekutuan 2012 dan tidak ada masalah untuk Kerajaan Persekutuan untuk memberi berapa banyak yang boleh kerana kecekapan Kerajaan Persekutuanlah yang kita sanggup memberi ataupun telah meluluskan dalam Bajet 2012. Maka jangan dipersoalkan kurang atau tidak.

**Y.B. TUAN RODZIAH BT ISMAIL:** Saya mempersoalkan sebabnya kepelikan yang ditimbulkan oleh Sungai Pelek yang menyatakan bahawa Selangor ini maju tapi kenapa 80% lagi masih menerima BR1M. Saya tidak pelik isu ini di mana di Selangor ini ramai yang perlukan bantuan sebab kita tengok 80% rakyat Negeri Selangor ini hidup dalam bandar. Kemiskinan bandar itu begitu tinggi dan memang wajar Kerajaan Negeri Selangor dan rakyat Negeri Selangor mendapat perkara ini, itu adalah tanggungjawab sebab di dalam perlembagaan persekutuan ada menyatakan isu kebajikan ini adalah tanggungjawab bersama sebab itu saya kata tak pelik kalau 400 ribu itu yang pelik kalau 832 ribu orang tidak dapat. Jadi itu saya harapkan supaya ia jangan dipersoalkan kita rasakan isu kemiskinan ini, di Selangor ini saya nak sentuh isu kemiskinan, isu kebajikan Selangor ini, kita tidak ambil bahagian apakah mereka ini datang dari mana-mana golongan atau lapisan masyarakat selagi mereka ini layak, kita akan beri bantuan tersebut. Yang persoalannya yang menjadi isu besar kenapa pada 2005 semasa Kerajaan Selangor pada ketika itu mengumumkan tidak ada lagi kononnya *under* kemiskinan sifar telah hanya ujud 0.05% sahaja orang miskin. Sedangkan hari ini Sungai Pelek mengaku 80% daripada rakyat Selangor termasuk menerima BR1M. Jadi persoalannya adalah kredibiliti Kerajaan dulu dan sekarang di mana perkiraan itu tidak tepat. ADUN sekalian.

**TUAN SPEAKER:** Mana ada dua orang bangun, seorang sahaja. Kalau ikut sangat kelaziman, saya mengikut amalan. Kalau Pembangkang nak ikut sangat amalan yang betul yang senior depan dulu. Paya Jaras dulu.

**Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR:** Untuk makluman semua yang ada dalam Dewan yang mulia ini kita tahu dalam negara yang dah maju pun satu ketika dulu hari ini mundur dan begitu juga pada ketika itu 2005 diberitahu bahawa dalam kajian atau ketetapan yang telah dibuat bahawa Selangor telah mencapai satu tahap kemajuan iaitu tahun 2005. Maka, kalau kemiskinan itu berlaku selepas itu, ia macam kita jugalah ada yang berniaga berjaya, Yang Amat Berhormat Menteri Besar seorang korporat sebelum ini yang tahu satu ketika dia naik, satu ketika dia turun tapi masalah hari ini bahawa kalau itu pun dipertikaikan oleh Sungai Pelek cuma saya ingin memaklumkan bahawa, saya tak nak mempertikaikan berapa orang tetapi yang layak selagi di bawah pendapatan RM3,000.00 sekeluarga maka kita boleh beri termasuk di Negeri Selangor walaupun telah maju tetapi tetap ada kemiskinan di mana sahaja.

**Y.B. PUAN RODZIAH BT ISMAIL:** Saya rasa soalan ini layak dijawab oleh Menteri sebenarnya tetapi saya ingin ulang bahawa persoalan yang ditimbulkan oleh Sungai Pelek itu saya ingin jawab dalam konteks di mana Kerajaan Barisan Nasional pada 2005 tidak membuat perkiraan yang benar, yang betul bila mana ukuran kepada kemiskinan itu diberikan kelayakan hanya di bawah RM420 sedangkan kita pun tahu bahawa di Selangor ini kebanyakan rakyatnya duduk dalam lingkungan perbandaran

yang mana kos hidup itu tinggi yang mana patutnya ukuran kemiskinan ataupun mereka yang layak menerima bantuan kebajikan itu sepatutnya jauh lebih tinggi daripada RM420. Jadi persoalan tentang negeri maju boleh bankrap ataupun boleh patah ke belakang itu bukan persoalannya. Sebagai kerajaan sepatutnya kita layak dan *credible* dan *competent* dalam menentukan tahap yang wajar yang sebenar, yang refleks yang begitu menunjukkan apa yang berlaku di bawah. Jadi persoalannya kita akui di Negeri Selangor ini isu kemiskinan bandar adalah kemiskinan tinggi dan tahap atau kelayakan menerima kebajikan itu patut ditingkatkan. Sebab itu Kerajaan Negeri Selangor telah mulakan dengan RM1,500 tetapi dalam mana-mana ucapan kita sewajarnya sebenarnya pendapatan rakyat di Selangor ini sepatutnya dikira di bawah RM3,500 barulah selesa duduk di dalam Negeri Selangor yang dikatakan negeri yang begitu maju di kalangan negeri-negeri lain. Jadi saya ingin mengatakan bukan persoalannya terima atau tidak BR1M, persoalan yang saya timbulkan ialah bila mana ukuran kelayakan menerima kebajikan itu jauh silapnya dibuat oleh Barisan Nasional pada 2005 dibandingkan dengan apa yang ada sekarang. Sebab itu program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor sekarang ini kita mengambil kira banyak kategori dan pelbagai lapisan.

Izinkan saya Tuan Speaker untuk meneruskan penggulungan saya bila mana Subang Jaya telah pun menimbulkan beberapa persoalan yang mana ada unsur-unsur sabotaj yang telah berlaku bila mana Subang Jaya menunjukkan Skim Kesejahteraan Rakyat Selangor yang diuar-uarkan kononnya akan mendapat RM1,000 baucar jika mereka itu berada dalam Selangor. Ingin saya jelaskan di sini bahawa saya selaku EXCO yang bertanggungjawab telah mendapat banyak aduan dan kita telah membuat laporan polis bukan sahaja penipuan tentang Skim Kesejahteraan Rakyat Selangor yang kita tidak pernah umumkan tetapi isu-isu ini di buat secara berleluasa sama ada dalam Selangor kita atau Selangor terkini. Itu saya tak tahulah surat khabar siapa. Tetapi isu dia ini adalah dua medium yang sebenarnya sentiasa memberi fakta-fakta yang salah dan ada unsur-unsur untuk rakyat Selangor keliru dalam perkara itu. Bukan itu sahaja, dalam isu *Jom Shopping* kita dapat SMS mengatakan siapa pun layak untuk pergi dan ramailah warga-warga emas yang pergi yang sebenarnya ada juga yang bukan warga emas pun pergi dan akhirnya menimbulkan kacau bilau ataupun perkara-perkara yang tidak diingini di pasar raya. Saya sendiri pada program yang telah dipanggil oleh ADUN Paya Jaras iaitu pada dua minggu lepas di mana ramai beratur seawal pagi kerana dapat SMS kononnya dihantar oleh penyelaras Paya Jaras mengatakan bahawa anda semua akan menerima RM800 pagi ini. Jadi persoalannya yang saya ingin nyatakan di sini saya mencabar pembangkang supaya saya ingin juga melihat kalau berani sebagai anak jantan masuk gelanggang secara betul. Kita tengok nanti *Insyah-Allah* pada saya jangan mempermainkan, jangan ingat rakyat Selangor ini tidak pandai. Saya kesian melihat rakyat Selangor yang sentiasa dipertainkan dengan fakta yang tidak betul. Itu bukan wakil rakyat dan individu yang bertanggungjawab, kita mahukan supaya rakyat Negeri Selangor sekarang ini dapat informasi yang betul, tepat dan biar mereka menentukan siapakah yang patut mereka pilih untuk mewakili mereka di DUN masing-masing. Jadi isu putar belit dan sebagainya ini menjadi satu budaya yang sepatutnya semua rakyat Selangor renung-renungkan siapakah yang ada wajar dipilih akan datang.

Persoalan yang kedua yang ditimbulkan oleh Batu Caves, Batu Caves pula mengatakan bahawa saya ingin memperbetulkan sebenarnya Batu Caves mengatakan bahawa OSCC ataupun Pusat Krisis *Centre* hanya ada dua tempat di hospital tapi hakikatnya ada 6 hospital yang melaksanakan *One Stop Crisis Centre* iaitu di Sungai Buloh, di Hospital Selayang, Hospital Klang, Hospital Serdang, Hospital Ampang dan Hospital Kajang. Jadi saya harap perkara-perkara ini tidak lagi ataupun OSCC merupakan satu *centre* ataupun pusat yang begitu baik pelaksanaannya dan Alhamdulillah kita lihat disebabkan program kesedaran kepada rakyat Selangor khususnya kepada wanita berkaitan dengan keganasan rumah tangga ini kita lihat pusat-pusat ini telah dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh mereka. Jadi seterusnya saya ingin juga menyentuh tentang isu kemiskinan bandar yang saya katakan tadi Kajang telah pun memberikan saranan yang baik bahawa perlulah dilihat bukan sahaja dalam konteks menaikkan sara hidup tetapi perlu juga menyediakan beberapa perkara seperti tapak perniagaan mencukupi untuk mereka yang ingin menambah pendapatan yang mana juga mengusulkan supaya Geran Selangorku membuat atau menyediakan pusat-pusat asuhan di dalam komuniti *Insyah-Allah* memang akan dilaksanakan bermula daripada April tahun ini. Jadi pada saya, saya ulang sekali lagi bahawa kemiskinan bandar ini menjadi fokus utama bagi Kerajaan Negeri Selangor untuk menangani isu ini disebabkan itu banyak program-program yang telah kita laksanakan dalam konteks untuk menambah pendapatan sekeluarga antaranya program Mikro Kredit Bandar dan juga program daripada kebajikan kepada pekerja. Dan fokus kita juga untuk meningkatkan taraf hidup bukan sahaja individu untuk mendapatkan pendapatan tetapi keluarga mereka juga kita ingatkan. *Insyah-Allah* kita berikan tanggungjawab ini.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang isu wanita yang ditimbulkan oleh Bukit Antarabangsa. Isu wanita ini beliau telah menegaskan supaya daripada peruntukan RM300,000,000 itu perlu ada peruntukan untuk pembiayaan wanita. Memang Alhamdulillah kita dapati bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah pun memperuntukkan sebanyak RM30,000,000 untuk program pembiayaan wanita. Saya jangka program ini bukan sekadar ingin memberi peruntukan begitu tetapi memanglah ia berdasarkan perancangan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Tetap Wanita selama tiga tahun ini dan kita nampak bahawa program-program ini perlu dibantu dengan dana supaya akhirnya akan berjaya. Jadi untuk saya perjelaskan perkara ini beberapa bidang fokus yang kita akan timbulkan atau akan kita tekankan di dalam program pembiayaan wanita ini ada 12 bidang fokus iaitu fokus kesihatan wanita, keluarga, ekonomi, kerjaya, sukan, pendidikan dan latihan, sosial, budaya dan agama, hak keselamatan dan undang-undang, politik dan pembuat keputusan, melonjakkan daya upaya wanita intelektual dan profesional, mengaras utamakan gender dan bajet gender juga yang akhirnya kita fokus kepada teknologi sains dan alam sekitar yang mana bentuk pelaksanaannya akan dibuat dalam tujuh bentuk sama ada ia berupa satu kajian ataupun latihan ataupun program-program berupa setempat dalam komuniti ataupun dalam bentuk kempen ataupun dalam pilot projek atau projek-projek tertentu yang mana mengikut kumpulan sasaran yang telah diberikan. Dan dengan ini juga program pembiayaan wanita akan memberikan fokus kepada 12 kategori wanita tidak lagi hanya membincangkan ibu tunggal semata-mata tetapi 12 kumpulan sasaran ini adalah memberi fokus kepada wanita bekerja dan juga wanita yang bekerja dalam

sektor informal juga diambil kira seperti suri rumah, wanita muda, remaja perempuan, wanita orang asal, wanita luar bandar dan ladang, wanita warga emas, ibu tunggal, wanita industri, wanita miskin, wanita migran dan juga wanita OKU dapat kita rangkumkan dalam program kita ini. Tetapi pastinya cabaran untuk melaksanakan program ini adalah bila mana walaupun Kerajaan Negeri Selangor di bawah STANCO Wanita telah mengujudkan Majlis Permuafakatan Wanita Selangor sebagai pemikir untuk pelaksanaan ini tetapi yang menjadi persoalannya badan pelaksana untuk program-program yang membawa kepada 12 bidang fokus ini kita tidak dapat laksanakan begitu efektif kerana sebenarnya bila mana Kementerian Pembangunan Wanita tidak lagi menjadi penghubung ataupun jabatan yang bekerja sama dengan Kerajaan Selangor jadi program ini tidak dapat dilaksanakan selancar mungkin. Oleh itu tahun ini kerajaan akan menubuhkan sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bukit Antarabangsa iaitu perlunya ada penubuhan WDC ataupun dalam Bahasa Inggerisnya *Women Development Corporation* ataupun Unit Pembangunan Wanita jadi saya rasa pandangan itu memang wajar dan selari dengan apa yang Kerajaan Selangor ingin laksanakan. Jadi itulah beberapa perkara yang ingin saya buat dalam penggugungan ini, akhirnya saya ingin menyentuh apa yang ditimbulkan oleh Lembah Jaya tentang apa yang berlaku di Lembah Jaya akhir-akhir ini iaitu satu banjir yang luar biasa yang tidak kita sangka-sangka telah pun melibatkan 1,783 keluarga yang bukan sahaja yang terlibat di Lembah Jaya tetapi Dusun Tua juga. Jadi selain daripada sebenarnya RM300,000 yang telah diperuntukkan sebenarnya bantuan kerajaan kepada masalah itu ada empat kategori bantuan iaitu pertamanya bantuan tunai kepada mangsa mana-mana kerajaan telah pun bersetuju bagaimana yang telah diumumkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar setiap keluarga akan mendapati RM1000.00 yang telah di bayar RM300 pada hari berlakunya perkara tersebut. Yang keduanya RM300,000 yang telah diumumkan oleh Lembah Jaya itu adalah hanya untuk program memperbaiki rumah dan juga pembersihan yang mana 11 rumah kita dapati musnah dengan teruk dan ada beberapa individu dan agensi yang telah pun menghulurkan bantuan untuk program pembersihan termasuk MPKj dan juga MPAj atau Ampang Jaya. Selain daripada itu INSPEN telah membantu kerajaan untuk menurunkan murid-murid beliau untuk membantu mengenal pasti untuk membuat pendawaian semula rumah-rumah yang terlibat begitu juga badan-badan bukan kerajaan seperti NGO, Yayasan Amal, Pantas dan juga *Malaysian Relieve Association* telah datang membantu kita untuk membersihkan. Dan kita juga ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Masjid Jami'ul Huda Kampung Melayu Ampang yang telah pun menyediakan tempat pemindahan sementara begitu juga Surau Insaniah Desa Lembah Pantai, Lembah Jaya. Begitu juga dengan bantuan yang ketiga iaitu bantuan peralatan sekolah Kerajaan Selangor telah menyediakan bantuan setiap anak yang sekolah menengah kita memberi bantuan sebanyak RM200 dan sekolah rendah sebanyak RM100. Akhirnya pembinaan jambatan yang kita dapati musnah semasa banjir tersebut Kerajaan Selangor juga telah mengumumkan bantuan pembinaan sebanyak RM500,000 berdasarkan BQ yang telah dihantar oleh Jabatan Pengairan dan Saliran.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana meluluskan peruntukan segera



RM300,000 dan diisytiharkan tambahan RM700 lagi setiap keluarga menjadikan RM1000 dan ditambah dengan Lembaga Zakat RM300 dan pihak ADUN bagi RM200 bermakna jumlahnya seorang dapat RM1,000. Di samping bantuan sekolah yang kita akan berikan. Cuma apabila Perdana Menteri turun di Hulu Langat baru-baru ini saya rasa sepatutnya Kerajaan Federal beri lebih lagi sebab saya rasa dia bagi satu keluarga hanya RM500 sahaja berbanding dengan Kerajaan Negeri RM1,000 campur RM300 dan campur RM200. Jadi inilah negeri kebajikan yang kita buat. Cuma saya minta dalam projek jambatan itu saya minta kalau boleh pihak kerajaan tolong segerakanlah sebab saya difahamkan kita akan menggunakan Bajet Selangorku di bawah MBI. Saya harap Yang Amat Berhormat dapat terus segerakan sebab saya rasa itu satu keperluan sebab itu merupakan jalan utama untuk masuk ke Bukit Sungai Seputih. Sekarang ini mereka hanya menggunakan jalan alternatif yang tak boleh berselisih kenderaan sebab jambatan yang dibuat itu sebenarnya untuk motosikal tapi digunakan untuk ulang aliklah sebab tak ada jalan lain, saya harap dapat disegerakan.

**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI:** Puan Speaker, Timbalan Speaker saya mohon perjelasan sikit tadilah. Saya rasa kenyataan Lembah Jaya tadi mengatakan Kerajaan Persekutuan memberi RM500 sahaja tak tepat. Kita beri RM500 duit Majlis Keselamatan Negara, RM500 daripada Yayasan YMDB, RM300 daripada Bank Rakyat jadi kita dah beri RM1,300 dan hari ini kita masih mengerakkan dua tilam setiap rumah lebih kurang 7,000 ribu tilam kita gerakkan kepada semua mangsa banjir, satu dapur bagi setiap mangsa dan kita juga beri bantuan kepada anak-anak yang bersekolah untuk membeli peralatan mereka. Jadi saya rasa penjelasan itu lebih tepat.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Saya ingin menjawab atau pun memberi sedikit pandangan tentang isu ini. Bagi saya isu kebajikan ini kita tidak mengira siapa pun yang memberikannya baik Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau pihak-pihak NGO, kita alu-alukan. Kita sebagai seorang Islam kita juga memegang dasar *fastabikulkhairat* berlumba-lumbalah membuat kebajikan tapi persoalannya ...

**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI:** Puan Timbalan Speaker, saya tidak pertikaikan, saya cuma perjelasan apa tuduhan yang dibuat itu sahaja. Tak lebih dari itu saya mengalu-alukan apa jua bantuan, terima kasih.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Ya betul, betul sebab itu saya kata kita tidak menjadikan ianya isu tetapi saya ingin memberi sedikit pandangan sepatutnya kerajaan atau pun baik-baik mana pihak tidak menjadikan isu atau pun bencana yang berlaku ini sebagai medan politik untuk berlumba-lumba untuk menyatakan siapa yang lebih siapa yang kurang. Isu ini sepatutnya dipandang dalam konteks kebajikan kita memberikan mangsa yang terbaik supaya mereka boleh kembali, ya kembali kepada kehidupan yang biasa jadi itu bukan persoalan siapa lebih atau siapa yang kurang tetapi persoalannya dalam konteks yang begitu ....

**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI:** Y.B. minta penjelasan.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Puan Speaker, Puan Speaker...

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Saya bagi Lembah Jaya terlebih dahulu.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Lembah Jaya yang bangkitkan perkara ini.

**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI:** Yalah. Ok.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Sebab itu saya jawab dalam keadaan yang begini bagi saya persoalannya begitu, tetapi yang penting saya harap, saya harap perkara yang telah pun dibuat oleh Perdana Menteri sendiri, ya pada minggu lepas pada 25hb di mana beliau telah pun tahu Kerajaan Negeri Selangor memberi komitmen untuk membuat jambatan tersebut, beliau sekali lagi turun dan mengumumkan kononnya Kerajaan Persekutuan juga ingin melaksanakan program yang sama.

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Yang Berhormat Puan Speaker, Puan Timbalan Speaker minta laluan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Lembah Jaya dah berdiri lama dah.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Terima kasih Puan Speaker, cumanya saya nak sebut dari segi undang-undanglah apabila berlaku bencana alam Pegawai Daerah adalah pengerusi bencana alam di setiap daerah, cumanya apa yang berlaku saya nak sebut yang di Lembah Jaya bukan yang di Dusun Tua yang di Lembah Jaya saya terlebih dahulu turun seawal pukul 8.00 malam dan saya balik pukul 5.00 pagi pada hari kejadian dan saya terus menghubungi seluruhnya pihak MPAJ, Pejabat Daerah dan kita telah pun bersetuju kita buat meja bulat dan kita bincang kita telah setuju untuk buka bilik gerakan di bawah Kerajaan Negeri dan saya tidak mengguna satu pun lambang parti. Saya hanya meletakkan bendera Selangor dan bendera Malaysia di bilik gerakan cumanya keesokan harinya pihak sebelah lagi terus membuka bilik gerakan Barisan Nasional dengan lambang dacing dan lambang UMNO, jadi siapa yang cuba mengambil *political mileage* dekat situ. Kemudian apabila bantuan-bantuan yang diberi pihak saya turun tanpa memakai sebarang lambang, Yang Amat Berhormat Tan Sri sendiri pun turun di sana dan Y.B. Rodziah pun turun dapat menyaksikan bahawa kita tidak menggunakan apa-apa lambang, siapa persoalannya saya nak katakan sekarang ini siapa yang mengambil *political mileage* dalam keadaan bencana alam yang berlaku. Sehingga di tempat saya itu, bekas wakil rakyat terpaksa kena baling dengan lumpur. Ini saya nak sebut di sini sebab dia cuba nak berlakon dekat situ nak ambil ini, saya turun betul-betul buat kerja. Ini saya minta apa pandangan EXCO lah *waallahuallam*.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Saya tetap mengulangi pendirian saya bahawa isu kebajikan ini sepatutnya kita tak pandang dalam konteks untuk memastikan setiap keluarga atau pun individu yang terlibat kembali pulih keadaan asal, jadi isu sepatut ini tidak boleh dipolitikkan memang benar saya lihat di situ seolahnya

macam pilihan raya kecil pula yang berlaku ya bila-bila tengok bendera Barisan Nasional lebih lebat daripada bendera-bendera yang lain sedangkan Kerajaan Selangor telah pun hanya memastikan tidak ada lambang-lambang selain tersebut di situ. Apa pun saya ingin mengatakan bahawa yang ingin saya bawa adalah kerugian duit pembayar cukai atau rakyat bila mana kita tidak menguruskan isu duit ini dengan baik makna kita ingin tunjukkan siapa lebih siapa kurang, jadi pandangan saya ini saya tegaskan sebab dalam konteks apa yang saya *refer*, saya rujuk kepada berlaku kepada Perdana Menteri turun dan mengumumkan perkara ini memang wajar kalau dia nak bagi, tetapi konteksnya jangan buat dua kali benda yang sama. Ya duit ini adalah duit rakyat kita perlu uruskan sebaik mungkin supaya rakyat dapat lebih baik lagi kehidupannya daripada apa yang ada. Silakan.

**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI:** Puan Timbalan Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya sekali lagilah tadi Yang Berhormat EXCO menyebut tentang jambatan RM500,000 saya tak pasti jambatan yang mana Yang Berhormat EXCO sebut ini dan Perdana Menteri mengumumkan RM7.5 juta projek menangani masalah banjir khususnya sebenarnya kawasan Sungai Serai saya tak percaya jambatan yang disebut ini jambatan yang sama ya jadi saya berharaplah Yang Berhormat EXCO tolong pastikan jambatan mana yang disebut kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini mengumumkan peruntukan RM7.5 juta satu jambatan nak dibuat, dua pemetung di kawasan Sungai Serai saya rasa jambatan yang disebut ini jambatan lain, jadi saya haraplah Yang Berhormat EXCO tolonglah perjelaskan perkara ini.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Itu saya tak sentuh tentang apa yang berlaku di Hulu Langat saya kata tadi adalah jambatan yang berhubung daripada kampung Lembah Jaya ke seberang ya yang itu sebenarnya kita pun mengatakan bahawa kita berdasarkan BQ kita dapati kemungkinan ialah mencecah RM500,000 Jadi dalam konteks itu bagus kalau betul jambatan yang ada di Hulu Langat itu yang dibetulkan tetapi setahu saya Perdana Menteri adalah merujuk kepada jambatan yang menghubungkan antara dua kampung di Lembah Jaya. Jadi yang ....

**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI:** Saya mohon penjelasan. Saya rasa bukan, saya berada di tempat itu sebab itu dia mengumumkan dan saya melawat tapak yang diumumkan jadi saya rasa tak tepat ini. Jadi Yang Berhormat EXCO saya rasa kalau tak tepat jangan sebut sekali lagilah ulang sekali lagi nama Dato' Seri Najib kata mengumumkan jambatan yang sama, benda yang diumumkan tak sama.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tak apa nanti saya akan dapatkan.

**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI:** Saya menghadiri majlis itu berada di tempat itu bersama dengan Pengarah JPS Selangor jadi saya rasa tolong tarik baliklah. Jambatan yang diumumkan ini tak ada kena mengena dengan yang Lembah Jaya, jadi saya haraplah Yang Berhormat EXCO janganlah mengambil kesempatan ini untuk menyalahkan Perdana Menteri di atas pengumuman ini.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Dusun Tua tadi saya mengatakan bahawa saya mengulang sebab Dusun Tua tidak pasti jambatan mana tapi saya

mengatakan saya pasti jambatan yang kita nak buat adalah yang berhubung antara Lembah Jaya ke kampung yang sebelah. Jadi isu ini saya tak nak berpanjangan kita akan dapatkan maklumat yang lengkap daripada JPS ...

**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI:** Betul tapi Yang Berhormat EXCO selepas itu menyebut kenapa Dato' Seri Najib umum pula pasal jambatan seolah-olah mengumumkan jambatan yang sama sebab itu saya tegur.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Minta maaf tadi Dusun Tua sendiri tak pasti jambatan yang mana, saya pasti jambatan yang mana ....

**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI:** Sebab itu saya tanya balik jambatan mana?

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tak apa kita pastikan jambatan yang mana. Saya pasti jambatan yang itu ya, yang dirujuk sebenarnya. Tidak ada ...

**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI:** Bila *you* sebut jambatan. Jadi saya harap EXCO tolong tarik baliklah

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tidak ada jambatan yang musnah di dalam kes banjir tersebut kecuali jambatan yang menghubungkan antara Lembah Jaya dan kampung sebelah.

**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI:** Sekali lagi fakta tidak tepat ini masih ada lagi di Hulu Langat, di Kampung Batu 16, Dusun Tua satu jambatan lagi yang putus. Saya rasa Yang Berhormat EXCO kena buat *homework* sikitlah, terima kasih.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Saya buat *homework* sebab itu saya boleh tegas dengan apa yang saya cakapkan. Jadi untuk itu saya juga ingin mengatakan bahawa cukuplah ya cukuplah kita dalam isu kebajikan ini kita jangan membazir duit rakyat bila mana kita berlumba-lumba kononnya siapa yang banyak merekalah yang terbaik itu bukan persoalannya, persoalannya adalah sepatutnya permasalahan rakyat ini diuruskan dengan baik dan akhirnya wajar isu di bawah itu diselesaikan dengan sempurna. Jangan mengulangi perkara-perkara yang sebenarnya telah pun diumumkan oleh Kerajaan Negeri Selangor, kita berbesar hati kalau sebenarnya kerajaan Persekutuan ingin mengambil langkah yang proaktif tetapi yang membimbangkan kita kadang-kadang jadi jaguh berkokok sahaja mengumumkan di sana di sini tetapi hakikatnya peruntukan itu RM0.05 pun tak turun. Sebagai mana yang berlaku di Batu Tiga sendiri di Rimba Jaya bila mana Perdana Menteri turun di bawah mengumumkan beliau akan membaiki surau, membetulkan kuil yang diroboh kononnya tetapi hakikatnya itu semua kerajaan Selangor yang telah selesaikan. Tetapi kenapa kita sebagai Perdana Menteri atau pun pihak-pihak yang berwajib kita mengambil kesempatan itu semata-mata untuk menjadi jaguh mengumumkan tetapi tidak menyelesaikan masalah rakyat. Jadi kesimpulannya Puan Timbalan Speaker, ingin saya nyatakan di sini bahawa saya ingat cukup...

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Puan Speaker, minta laluan. Kajang.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kajang ingin....

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Silakan.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Baik terima kasih Timbalan Speaker dan juga EXCO. Baik Kajang ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah memberi bantuan bukan saja di Lembah Jaya, di Dusun Tua tapi di DUN Kajang juga yang terlibat juga Kampung Batu 10, Cheras. Dan Kajang mendapati kesemua kerja-kerja yang kita buat telah melalui Tok Penghulu di kawasan dan juga melalui Tuan DO. Dan kesemuanya memang kita ikut peraturan, selain itu Kajang juga ingin nak mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Badan-badan NGO termasuk yang *Buddhist Serchi* pun ada turut membantu bersama dengan sukarelawan kita. Dan Kajang ingin bertanya sama ada Kerajaan Negeri buat teguran kepada pihak Kerajaan Pusat apabila kerja-kerja naik taraf misalnya ada jalan yang rosak, ada jambatan yang runtuh nak diperbaiki sama ada pihak Kerajaan Pusat menyelenggarakan kerja-kerja ini melalui Pejabat Daerah berkenaan atau pun dia hanya buat sendiri. Jadi Kajang ingin minta penjelasan daripada EXCO, terima kasih.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih daripada Yang Berhormat Kajang. Perkara itu memang telah pun menjadi perbincangan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di mana kita ingin melihat semua tempat-tempat yang sewajarnya diperbetulkan ianya adalah bawah penyelarasan daripada Kerajaan Persekutuan patut dibuatkan atau pun patut diberikan satu penjelasan. Pernah kami memanggil pihak ICU untuk datang dan berbincang untuk mengemukakan mana-mana tempat yang perlu diperbetulkan, diperbaiki dan sebagainya tetapi hakikatnya mereka tidak hadir di dalam perbincangan ini. Tetapi Kerajaan Selangor tetap komited contohnya dalam bukan saja dalam persoalan berlaku di jalan utama yang menghubungkan Dusun Tua dan juga Cheras dan sebagainya tapi apa yang berlaku juga banjir di Sungai Rasau contohnya di kawasan saya, di mana peruntukan telah pun kononnya turun daripada Kerajaan Persekutuan tetapi akhirnya Kerajaan Negeri Selangor terpaksa mengeluarkan RM50 juta bajet daripada Kerajaan Selangor hanya semata-mata kita menunggu dan menunggu bendanya tidak turun dan kita keluarkan daripada bajet Kerajaan Selangor, itu pun pada kami ia tidak mencukupi tetapi pasti ianya membantu tempat tersebut.

Jadi persoalan yang ditimbulkan oleh Kajang, kita telah pun Yang Amat Berhormat telah mengatakan bahawa isu itu akan dilihat bersama antara Yang Berhormat Cempaka dan juga saya dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan banjir ini apa yang berlaku di Hulu Langat, Dusun Tua dan Lembah Jaya. Jadi itu saja ingin saya simpulkan Tuan Speaker, jadi Timbalan Puan Speaker jadi alhamdulillah empat tahun ini saya telah pun mengendalikan portfolio saya sebaik mungkin saya rasa tetapi jika teguran-teguran yang ada itu saya anggap ia sebagai satu cabaran dan satu pandangan yang baik dan *Insya-Allah* saya akan terus memastikan bahawa pengendalian empat-empat portfolio saya ini akan berjalan dengan baik jadi itu saja sekian terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya mempersilakan lagi pihak Kerajaan untuk menggulung.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih kepada Timbalan Puan Speaker. Assalamualaikum W.B.T. dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas segala pandangan dan dari Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, *Insyah-Allah* ianya amat bernilai dalam kami meneruskan usaha-usaha untuk terus membantu rakyat. Saya ingin menjawab suatu dakwaan yang tidak betul oleh Sungai Pelek bahawa di bawah Pakatan Rakyat tidak lagi dibina Rumah Kos Rendah seperti mana jawapan saya kepada pertanyaan daripada Permatang semalam RKR masih dibina di Selangor iaitu soalan No. 48, malah perkara ini juga telah saya sentuh pada sidang dewan yang lepas ketika menjawab soalan dari Lembah Jaya pada 17 November 2011 jawapan saya ketika itu sekarang ini ada 3,317 unit Rumah Kos Rendah yang sedang dibina. Sejumlah 10,338 unit pula dalam proses pemulihan dan sementara 8,579 unit RKR telah mendapat kelulusan untuk dibina. Jumlah unit RKR yang akan memasuki pasaran sekiranya, apabila kesemuanya telah siap dibina adalah 22,234 unit. Saya juga ingin menyentuh tentang pelaksanaan pembinaan Rumah Mampu Milik, yang telah disentuh oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat, ingin saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan Negeri tidak sama sekali, akan menghapuskan peraturan yang mewajibkan pemaju membina rumah kos rendah, bagi tapak-tapak melebihi 10 ekar, walaupun kita menggalakkan pembinaan, Rumah Mampu Milik Kerajaan Negeri hanya membenarkan pemaju menggantikan rumah kos rendah atau pun RKR dengan rumah mampu milik, RMM sekiranya kawasan tersebut, tidak sesuai untuk dibina RKR, contohnya bagi kawasan yang tidak dijangka tidak ada permintaan RKR, seperti tidak ada perkhidmatan awam, oleh itu, tidak ada semua permohonan akan diluluskan RMM atau Rumah Mampu Milik, di bina untuk rakyat berpendapatan di antara, RM2500 sehingga RM5000, RKR pula disediakan untuk pembeli yang berpendapatan kurang dari RM2500 kedua-dua kelompok masyarakat ini, akan diberikan perhatian dan diberikan perhatian oleh Kerajaan Negeri, Bangi telah membangkitkan isu permohonan, tanah penduduk Desa Seroja Kajang, permohonan ini telah dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ataupun MMKN, dan telah ditangguhkan untuk semakan saya, semakan akan dibuat untuk menentukan bilangan lot yang termasuk dalam *reserve* sungai dan bilangan lot yang disewa dan semakan telah dibuat saya akan melaporkan kepada MMKN, untuk keputusan kes Desa Seroja ini merupakan salah satu kes di mana kita hendak menyelesaikan masalah peneroka Bandar, dalam kerajaan ini kita di antara cara kita menyelesaikan masalah, peneroka Bandar adalah menerusi pemberimilikan tanah, ingin saya maklumkan, di sini bahawa setakat ini isu ataupun kes-kes peneroka Bandar yang telah selesai ataupun dalam penyelesaian adalah 1,785 keluarga di mana sebanyak 659 keluarga telah selesai dan 1126 dalam proses diselesaikan, dan sebanyak 1771 yang menunggu akan penyelesaian, oleh itu kalau kita nak melihat akan rekod kita menyelesaikan peneroka Bandar ianya adalah lebih sikit daripada 50 peratus tentang PKNS dan Rumah Mampu Milik, saya mengucapkan terima kasih kepada Bukit Antarabangsa tentang membangkitkan kebimbangan PKNS yang akan kerugian besar, menjual RMM di bawah RM100,000 ini ialah sebabnya kita melibatkan pemaju-pemaju swasta, kita nak

semua pihak bersama-sama, sekarang ini terdapat pemaju swasta yang sedang membina 136 unit RMM di Sungai Long, yang berkeluasan 850 kaki persegi, dan akan dijual dengan harga RM 80,000 terdapat pemaju, yang telah mendapatkan kelulusan membina 520 unit Rumah Mampu Milik di Shah Alam dengan keluasan 850 kaki persegi yang akan dijual dengan harga RM89,000 Kerajaan Negeri berharap PKNS akan berkongsi pengalaman dan teknologi dengan pemaju-pemaju swasta sebab sekali iaitu swasta dan kerajaan dapat menghasilkan Rumah Mampu Milik yang lebih murah, yang tidak akan dapat merugikan rakyat, ataupun tidak dapat merugikan pemaju yang terlibat PKNS pun telah mengadakan lawatan tapak ke salah satu, projek swasta tersebut, Kerajaan Negeri juga tidak boleh menaikkan semua melebihi RM100,000 contohnya jika harga Rumah Mampu Milik itu berharga RM150,000 maka setelah ditolak bayaran deposit 10 peratus, sebanyak RM15,000 ini bermakna pinjaman yang diperlukan adalah RM135,000 dan jika pinjaman 20 tahun maka bayaran bulanan secara kasar adalah lebih kurang RM115,000 oleh itu gaji minima pemohon mestilah RM3,045 sebulan, oleh itu kita juga perlu memikirkan tentang mereka yang berpendapatan kurang dari itu, untuk membeli Rumah Mampu Milik, kajian Rumah Mampu Milik Kerajaan Negeri Selangor di mana, kita telah membuat keputusan ataupun kita mendapati bahawa, perlu ada lebih banyak dipelbagaikan harga-harga bagi Rumah Mampu Milik tersebut mungkin dari RM80,000, RM100,000, RM120,000, dan seratus lima puluh ribu, tetapi bukan sehingga tiga ratus ribu, seperti mana yang dicadangkan atau dilancarkan oleh Kerajaan Persekutuan, saya juga ingin menjawab

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Puan Timbalan Speaker, saya tertarik harga yang diutarakan tentang Rumah Mampu Milik ini, dalam perbahasan saya juga membangkitkan di daerah Sabak Bernam, khususnya di Sekinchan dan sebagainya, ketandusan tanah dan sebagainya, tetapi permintaan Rumah Mampu Milik itu tetap ada di kawasan tersebut bagaimana cara kerajaan nak membantu rakyat di sekitar kawasan tersebut dapat Rumah Mampu Milik, sama ada melalui PKNS dan sebagainya, penggunaan tanah, oleh kerana tanah itu, katanya ada hak, bagaimana Exco dapat membantu dalam hal konteks ini?

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** apa yang boleh kita lakukan adalah sekarang ini adalah banyak syarikat-syarikat akan datang kepada Kerajaan Negeri untuk membuat atau membina Rumah Mampu Milik jadi apa yang boleh kita lakukan adalah kita melaksanakan bersama Kerajaan Negeri ataupun kita luluskan untuk dibina dan Rumah Mampu Milik dan saya kembali persoalan yang saya bangkitkan tadi iaitu bahawa Rumah Mampu Milik ini tidak boleh ada satu harga sahaja sebab dalam kajian kita bahawa masyarakat kita terdiri daripada bermacam-macam golongan jadi perlu kita ada suatu polisi untuk setiap masyarakat yang ada, Sungai Pelek telah membangkitkan bahawa kalau rumah itu berharga RM89,000 maka bayaran ansuran sebulan adalah , ingin tanya siapa yang boleh beli rumah yang berharga RM 89,000 ini? ingin saya nyatakan di sini bahawa kalau harga rumah itu 89,000 maka ansuran sebulan adalah RM602 makna gaji minima untuk mendapatkan pinjaman adalah lebih kurang, RM1,800 bermakna kalau rumah berharga RM89,000, RM89,000 ini bermakna bahawa mereka yang bergaji lebih dari 1,800 boleh membeli rumah-rumah tersebut, ingin juga saya mengumumkan di sini bahawa MMKN atau Mesyuarat Exco telah membuat keputusan

bahawa bagi rumah-rumah mampu milik yang akan ditawarkan 10 peratus kuota akan ditetapkan dikhaskan untuk para ibu bapa, peserta-peserta tawas, jadi kalau mereka ada anak yang menjadi peserta tawas maka sepuluh peratus dari Rumah Mampu Milik, ini akan dikhaskan ibu bapa-ibu bapa tersebut untuk membeli, Bukit Antarabangsa telah membangkitkan pertanyaan tentang kos tempat letak kereta yang tinggi, sebenarnya kita tidak akan kembali amalan sebelum ini yang menetapkan bahawa satu unit tempat letak kereta untuk dua unit kediaman RKR, Taman Medan telah membangkitkan masalah yang dihadapi oleh rakyat akibat dari tempat letak kereta yang tidak mencukupi, peraturan sekarang adalah satu unit tempat letak kereta untuk satu unit kediaman RKR, malahan untuk Rumah Kos Rendah sama ada RM72,000, ataupun yang RM100,000 pula adalah dua letak tempat kereta bagi satu unit, peraturan ini diguna pakai untuk Rumah Mampu Milik, walau bagaimanapun terdapat cadangan baru memandangkan kos pembinaan infrastruktur dan kos tanah yang tinggi, cadangan itu adalah bagi RMM untuk tempat letak kereta yang pertama, atau untuk Rumah Mampu Milik untuk tempat letak kereta yang pertama itu adalah termasuk, di dalam harga rumah tetapi untuk, tempat letak kereta yang kedua, pemilik rumah perlu membelinya, daripada pemaju ini yang sedang kita kaji, oleh kerana Rumah Mampu Milik sebenarnya, ianya di *subsidized*

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih, YB EXCO dan Puan Timbalan Speaker, Kajang ingin bertanya tentang Rumah Mampu Milik, yang diusahakan oleh pihak swasta adakah kawalan atau syarat-syarat yang dikenakan kepada pihak swasta dalam pembinaan Rumah Mampu Milik, supaya ia dapat dikawal, Kajang bermaksud hanya mereka yang layak sahaja dapat beli Rumah Mampu Milik ini, tidak ada peluang bagi mereka yang ingin beli dengan banyaknya dan dijual dengan harga yang lebih tinggi. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih kepada Kajang, sememangnya lah Rumah Mampu Milik ini kita akan kawal dari segi jualan seperti Rumah Kos Rendah, ini bermakna bahawa pemaju tidak boleh menjualnya dengan sewenang-wenang dengan siapa tetapi melalui Kerajaan iaitu melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Selangor, dan sistem yang kita buat sekarang ini kita pakai *point system* kita *based on* dengan izin beberapa kriteria-kriteria contohnya pendapatan, bermakna kalau pendapatan dia lagi tinggi lagi kurang lah peluang dia, kalau lagi rendah lagi banyak peluang dia, dan juga dari segi jumlah anak dari segi berapa lama menunggu menyewa atau telah ada rumah sebagainya, jadi perkara-perkara ini kita masukkan dalam komputer jadi mereka yang nama di atas akan diberikan rumah tersebut dari segi kawalan sekarang ini kawalan yang kita cadangkan adalah mereka yang membeli Rumah Mampu Milik mereka sebenarnya tidak boleh menjual dalam masa lima (5) tahun, tidak boleh menjual, dan kita akan menghalang sebarang tukar hak milik dalam masa lima (5) tahun ini untuk menghalang sesiapa dari mengeksploitasikan *speculate* dengan izin, pembelian Rumah Mampu Milik ini, seperkara lagi saya ingin menegaskan di sini, penyediaan kediaman untuk mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana adalah berdasarkan *cross-subsidized* ataupun saling sumbang ini adalah selari dengan konsep.



**Y.B. TUAN DR. SHAFEI BIN ABU BAKAR:** Timbalan Speaker, mencelah satu kategori rumah lagi itu rumah komersial dari segi untuk perniagaan di bawah Dun Bangi ada dua jenis rumah iaitu satu rumah kos rendah, yang dah terbengkalai, Teratai telah datang melawat lebih kurang dua tiga bulan yang lepas, rumah nya lebih rendah daripada kos harga rendah pada asalnya iaitu lebih kurang lima puluh ribu(RM50,000), tetapi telah terbengkalai begitu lama setelah melawat disitu apa pendapat Teratai dari segi membela nasib pembeli-pembeli yang telah terbengkalai begitu lama, harganya tidak begitu tinggi, yang kedua ada satu lagi iaitu Cybertel yang dekat dengan Sungai Tangkas itu juga, mereka ini membeli untuk menanam modal untuk dijadikan hostel bagi pelajar-pelajar yang tinggal di berbagai-bagai institusi pengajian di DUN Bangi tetapi oleh masalah yang dihadapi rumah, unit-unit yang dibeli lebih dari seribu (1,000) unit terbiar dan tertinggal begitu saja kerana pemiliknya begitu ramai beribu orang sukar untuk di *trace* dan saya cuba juga pergi tetapi nampak masalahnya serius lah sayangnya di tanah yang tiga ratus lebih kurang tiga puluh (30) ekar terbengkalai, di tepi German Malaysian Institute merosakkan pandangan dan apa ini hartanah itu terbiar begitu sahaja, kita pernah mencadangkan Kerajaan Negeri supaya mengambil alih sahaja tanah yang begitu baik berjumlah saya ingat lebih dari tiga puluh (30) ekar, boleh dijadikan satu kampus universiti kalau kita nak ataupun kita hidupkan dia menjadi asrama bagi semua pelajar di berbagai-bagai institusi di Bangi, kalau ada akta yang boleh diambil alihkan kalau nak selesai amat susah pemiliknya begitu ramai bukan sahaja negeri Selangor berbagai-bagai tempat jumlahnya beribu orang dan sakitlah kalau kita nak baiki, kita cadang ambil alih sahaja tanah itu dan kita gunakan untuk komisen dan bayar balik unit-unit itu yang tidak begitu mahal kalau kita bayar balik kepada pemilik-pemilik terima kasih,

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD:** Terima kasih kepada Bangi, bukan Teratai Bangi, Cempaka jauh beza, Teratai dengan Cempaka, pertanyaan tadi tentang, Rumah Kos Rendah di Sungai Tangkak, saya telah pergi melawat dan kita dapat satu jumlah *figure* dengan izin, dia punya deposit lebih kurang 7juta yang perlu ditanggung oleh sesiapa yang perlu memajukan ada banyaklah cadangan-cadangan di antaranya adalah mungkin kita merobohkan segala-galanya dan membangunkan supaya dapat konsep *cross-subsidized* di situ itu masih lagi dalam kajian kita, tentang Cybertel pun mereka yang terlibat, ataupun yang menjadi mangsa kepada skim tersebut telah datang kepada saya dari segi isu GMB, isu servis perkhidmatan dan sebagainya dan yang itu kita boleh masih lagi dalam kita punya penelitian lah, terima kasih Bangi, jadi bermakna yang seterusnya ingin saya tekan tadi bahawa menyediakan kediaman bagi mereka berpendapatan rendah dan sederhana adalah berdasarkan *cross-subsidized* ataupun saling sumbang, ini ialah selari dengan konsep Islam di mana dalam harta orang kaya ada bahagian orang miskin iaitu konsep zakat. Kalau kita lihat di negara-negara lain penyediaan kediaman rakyat berpendapatan rendah dan sederhana bukan, adalah bukan tempatnya untuk mengaut keuntungan. Saya mengambil contoh kepada, di Singapura, iaitu di mana *Housing Development Board* ataupun HDB iaitu Lembaga Pembangunan Perumahan, yang menyediakan perumahan lebih 80% daripada rakyat Singapura. Pada awal-awalnya, ia mengalami *defisit* setiap tahun dan memerlukan geran dari pemerintah republik tersebut . Contohnya HDB pada tahun 2004 telah *defisit* 931 juta *dolar* 2005 850 juta *dollar*, 2006 1406 juta *dolar* dan 2007 743 juta *dollar*

bermakna bahawa perumahan untuk mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana, merupakan satu tanggungjawab bukannya satu tempat untuk kita mendapat untung yang tinggi. Saya juga ingin menyentuh atau menjawab pertanyaan sekali lagi daripada Sungai Pelek yang membangkitkan tentang pembermilikan tanah di Taman Murni 1 Sepang. Ingin saya melaporkan di sini bahawa Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS), telah membuat kutipan bayaran premium dan upah sukat bagi 314 dari 448 unit rumah yang bernilai keseluruhan yang dipungut adalah RM155,000 dan 900 tetapi masih terdapat baki bayaran pemprosesan pengeluaran hak milik yang perlu dijelaskan oleh setiap pemohon di antara RM216 hingga RM610. Kerajaan Negeri berharap dengan, kalau kita, setakat ini ya, 26 Mac 2012 seramai 173 orang pemohon telah menjelaskan keseluruhan bayaran bagi proses pendaftaran dan pengeluaran hak milik sementara 141 orang pemohon masih belum menjelaskan baki bayaran yang dinyatakan dalam borang 5A. Pejabat Tanah dan daerah, pentadbir tanah dan daerah Sepang sedang dalam proses mendaftar hak milik bagi 173 plot yang telah menjelaskan bayaran penuh jadi bermakna bahawa yang telah menjelaskan bayaran penuh kita akan daftarkan hak milik mereka dan hak milik kan dikeluarkan dalam tempoh 1 hingga 3 bulan. Kita berharap mereka yang belum membayar akan dapat menyegerakan pembayaran. Banyak telah saya sentuh tentang ceria di dalam ucapan-ucapan atau dalam jawapan yang saya berikan dan ramai juga ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang ceria, pelaksanaan ceria. Ceria ini dapat membantu rakyat di negeri Selangor yang terutamanya duduk di perumahan bertingkat. Ingin saya di sini mengumumkan atau melaporkan satu lagi bantuan kerajaan negeri yang telah kita hulurkan kepada mereka yang duduk di perumahan bertingkat yang bukan tertakluk di bawah ceria iaitu mereka yang duduk di PPR Kota Damansara, dan PPR Lembah Subang. Seperti mana yang kita tahu bahawa YAB Dato' Menteri Besar telah melawat ke PPR Kota Damansara dan PPR Putera Damai Lembah Subang pada 23 Oktober 2011 dan hasil daripada lawatan tersebut kerajaan negeri telah bersetuju untuk memberi bantuan kewangan bagi membiayai kerja-kerja membaik, pembaikan lif, penggantian pam air yang telah rosak sejak sekian lama. Keseluruhan kontrak atau yang telah di belanja oleh kerajaan negeri adalah lebih daripada RM3.1 juta dan kerja-kerjanya sedang berjalan. Saya berharap penduduk di kedua-dua PPR ini dapat bersabar kerana ia akan di, ataupun kerja-kerja tersebut akan selesai ataupun akan siap tidak lama lagi. Akhir sekali saya ingin menyentuh projek terbengkalai yang juga ada disentuh oleh Ahli Yang Berhormat. Ingin saya memberikan satu laporan secara menyeluruh iaitu sepanjang 4 tahun kita menerajui kerajaan negeri Selangor, kita telah menyelesaikan sebanyak ataupun penyelesaian telah didapati untuk 13,066 projek daripada 43768 iaitu sama ada pemaju baru ataupun pemaju penyelamat. Bermakna 30% daripada projek terbengkalai yang kita warisi dari Barisan Nasional telah dapat kita adakan penyelesaiannya sepanjang 4 tahun dan daripada jumlah tersebut iaitu 9,179 atau 21% telah siap sepenuhnya. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih. Seterusnya.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Puan Timbalan Speaker, Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri, para Ahli Yang Berhormat, dan sidang dewan sekalian. *Alhamdulillah hirabbilalamin* segala puji dan syukur kepada Allah SWT, tuhan sekalian Alam, selawat dan salam buat junjungan Nabi Muhammad SAW, serta

keluarga dan sahabat baginda. Pertama saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan rasa kasih yang tidak terhingga di atas titah DYMM Tuanku Sultan sempena perasmian pembukaan mesyuarat penggal, mesyuarat pertama penggal kelima. Titah Tuanku akan menjadi perangsang kepada Kerajaan Negeri untuk terus mentadbir negeri Selangor dengan amalan kerajaan pintar, *smart government* dengan penuh dedikasi, efisien serta mengamalkan prinsip-prinsip urus kelola yang baik. Saya juga memanjatkan rasa syukur kerana mesyuarat pertama penggal kelima sidang dewan negeri yang berlangsung ini bukan saja merupakan permulaan tahun kelima amanah bagi wakil rakyat telah diberikan kepada kita tetapi dia juga menandakan lengkapnya sudah 4 tahun yang penuh dengan liku, sejak pilihan raya umu ke 12 sejak Mac 2008. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada seluruh ahli dewan yang telah mengambil bahagian dalam dewan ini sekali gus telah meraikan semangat demokrasi di negeri Selangor Darul Ehsan. Hujah para ahli dewan juga saya rasa semakin matang dan intelektual meskipun ada di antaranya cuba menyimpang dari fakta yang sebenar. Sepanjang sidang ini banyak juga telah diperkatakan, cadangan, kritikan, ada juga hujah-hujah nakal yang akan saya jawab dalam sesi penggulungan ini. Saya merasa bertanggungjawab untuk memberi maklum balas kepada sidang dewan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Berkaitan isu-isu yang telah dibangkitkan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya, Terima kasih Y.A.B Tan Sri Menteri Besar. Saya begitu terharu dengan jawapan daripada Menteri Besar apabila bahawa setiap tuduhan yang tidak benar itu akan dijawab tapi malangnya di dalam dewan yang mulia ini pada masa sekarang, Barisan yang sebelah lagi yang selalu mengeluarkan persoalan-persoalan yang *cynical* dan tidak bermakna terus menghilangkan diri sejak mungkin setengah jam yang lalu. Saya ingin bertanya bagaimana jawapan ini akan disampaikan ke dalam otak mereka kalau mereka, tubuh dan jasad mereka tidak ada di dalam Dewan ini.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, pada saya sebagai pejuang reformasi perkara ini tidak menjadi masalah bagi saya. Kalau saya bercakap dengan batu pun saya akan bercakap kerana pada saya yang penting ialah usaha kita, usaha kita untuk membetulkan apa yang perlu dibetulkan kerana kita diberikan kesempatan oleh rakyat melakukannya jadi kita akan tidak merasa tidak mempunyai keupayaan, kalau kita tengok kita tak ada orang nak menyokong kita. Itu bukan. Saya tahu semua ahli-ahli dewan dari Pakatan Rakyat khususnya telah dipilih dengan asas bahawa kita, percaya bahawa kita akan membuat perubahan dan ini nak kita tunjukkan bahawa perubahan ini berlaku. Jadi rintangan, halangan, ejekan ialah satu drama saja. Satu drama untuk biasanya merendahkan rasa jati diri kita jadi YB janganlah tidak mempunyai semangat sama ada dengan batu atau hantu pun saya akan....

Pertama saya nak menjelaskan, ada beberapa kekeliruan, terutama daripada Seri Serdang yang mengenai kestabilan politik dan juga pentadbiran kerajaan dan pertumbuhan ekonomi negeri Selangor. Saya nak jelaskan sebab saya dapati kefahaman beliau dan apabila beliau bercakap dengan orang ramai nampaknya kefahaman itu tidak betul dan itu perlu saya betulkan dan saya berharap beliau kalau ada masa membaca membacalah *handsard* untuk melihat dan meneliti penerangan yang saya berikan. Saya percaya dan saya faham bahawa politik ialah satu pergerakan, oleh sebab itu dalam pergerakan sudah tidak mestinya dalam keadaan lurus ataupun stabil, dia akan berolah-olah jadi oleh sebab itulah saya rasa tidak perlu kita bercakap tentang ketidakstabilan dalam dewan sebab saya juga cuba mengikuti perkembangan politik di, terutama di Keadilan dan Pakatan Rakyat dan juga perkembangan politik di Barisan Nasional. Saya nampak pergolakan di Barisan Nasional juga terutama UMNO di Selangor jauh lebih bercelaru daripada apa yang kita katakan. Jadi oleh sebab itulah saya tidak ingin membangkitkan perkara ini sebab perkara ini mungkin ada relevannya tapi yang penting nak saya tunjukkan ialah hasil yang kita lakukan dalam masa 4 tahun dalam pentadbiran yang dilihat sebagai *indicator* pentadbiran di dunia jadi bukan, bukan di Malaysia saja tentang apa yang dipanggil keluaran dalam negara kasar dan pertumbuhan ekonomi dan yang dinyatakan oleh Seri serdang, satu perkara ialah dia menyatakan tentang kesinambungan, maknanya *trend line*, maknanya daripada awal *trend line* itu, jadi Pakatan Rakyat menerima hasil daripada kesinambungan ekonomi. Jadi saya nak tunjukkan bahawa tidak semuanya benar, itu yang saya nak tunjukkan. Pada tahun 2005, pembangunan ekonomi Selangor, saya ambil 2005 sebab angka-angka sebelum itu agak lebih rendah tapi 005 Selangor 5.8% dan Malaysia 5.3% tetapi pada 2006 Selangor ialah 5.1% Malaysia 5.8%, saudara dengar tu ye.. Selangor 5.1% Malaysia 5.8%. 2007 Selangor 7.7 Malaysia 6.5, 2008 Selangor 8.4% Malaysia 4.7% 2009 Selangor -1% Malaysia -1.6%, 2010 Selangor 10.8% Malaysia 7.2%, apakah angka yang aneh. Yang aneh ialah pada 2006, pembangunan negeri Selangor adalah lebih rendah daripada pertumbuhan negara Malaysia. Jadi di Selangor pada masa tersebut, walaupun Malaysia bertumbuh 5.8% Selangor hanya bertumbuh 5.1% dan di 2008, 2009, 2010, 2011 Selangor konsisten, maknanya dia lebih tinggi daripada Malaysia. Jadi untuk nak mengatakan bahawa di zaman, pada zaman barisan Nasional ada kesinambungan, tapi ada juga graf yang turun lebih daripada Malaysia. Ha, ini Jabatan Perangkaan dan Unit Perancang Ekonomi dan laporan ekonomi bukan angka ini kita dapati. Jadi, itu maknanya, Sri Serdang bila dah buat komen itu dia tak baca. Dia tak tau. Itu sebab saya kata kita Selangor konsisten dalam Pakatan Rakyat melebihi apa pembangunan Malaysia. Kita melebihi. Konsisten empat tahun, tapi di bawah Barisan Nasional tak konsisten. Itu yang perangkaan. Kedua..

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Timbalan Speaker, boleh..Apakah faktor yang menyebabkan, apa dia ni peringkat Malaysia menurun berbanding dengan negeri Selangor mulai daripada tahun 2008 sehingga 2011? Adakah berlaku ketirisan yang amat serius ataupun kita katakan rasuah dan salah guna kuasa dan sebagainya?

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Soalan itu sangat sukar kalau Yang Berhormat dari Bangi untuk tanya seorang akademi lah dan maknanya kita tidak boleh, kita kena

buat *cluster study* tak ada..tapi yang penting, yang penting, yang kita boleh tunjukkan bahawa dalam usaha pembangunan negeri Selangor sejak Pakatan Rakyat masuk, trend nya ialah positif, positif yang lebih besar. Itu satu *indicator*. Tapi *indicator* yang paling penting menunjukkan Selangor ini ditadbir dengan lebih konsisten ialah pada, kita gunakan sumbangan Selangor pada keluaran negara kasar, sumbangan Selangor kepada negara. Sumbangan Selangor kepada negara sudah tentulah 21% pada 2005 dan menurun 21.5% dah menurun 21.5% dan lepas itu kita mula naik. Daripada 2008, kita naik 22% dan kita naik lagi 2009 dan 2010 kita sudah mencecah 23%. Maknanya, trend kita, yang paling penting ialah bahawa kita konsisten kenaikan, tidak turun naik turun naik. Kita konsisten, maknanya yang dinyatakan oleh pembangkang apakah *pattern* yang menunjukkan kestabilan. *Pattern* yang menunjukkan kestabilan ialah *consistent upward trend* tapi *pattern* yang turun naik tu tak ada. Jadi, kalau seorang pakar ekonomi yang melihat bahawa zaman, zaman Barisan Nasional tak konsisten tapi zaman empat tahun, kita belum lagi lama, dalam empat tahun, kita telah menunjukkan satu *trend consistency*, *both* dari segi pengagihan, keluaran negara kasar dan juga konsisten dari..sebab *trend growth* berbanding dengan keadaan pertumbuhan ekonomi.

Saya nak tunjukkan juga, ini yang saya rasa saya kena terangkan sedikit tentang apa yang berlaku, jadi orang akan tanya, ha ini biasa saja, ini memang satu keadaan yang biasa tapi apa yang berlaku iaitu kita kata pelaburan. Pelaburan kita yang disebut oleh Yang Berhormat dari ahli EXCO, yang pelaburan kita menunjukkan kita *the top* pelaburan. Itu untuk pembuatan. Tapi, Selangor menunjukkan trend pelaburan yang sangat tinggi dari hartanah. Ini tidak disebut sebab kita menggunakan hanya *indicator* yang kita katakan, tapi *indicator* yang buat, yang saya sebut, banyak rakan-rakan yang menyatakan tak ada projek mega, projek mega. Projek mega di Selangor sekarang dalam program melebihi 46 bilion. Itu sebab saya takut sebagai seorang yang menjaga ekonomi, itu sebab saya takut itu, apa yang dikatakan *over heating*. Kita sudah ada projek yang melebihi RM46 bilion dalam program hartanah dan pembangunan itu. Dan, antara lain, saya ada senarai yang menunjukkan jumlah-jumlah umpamanya IMP – Alam Impian, RM5.9 bilion, saya bagi contoh, saya bagi contoh apa, RM800 juta Tetuan Ever Rise Project Sdn. Bhd., RM800 juta. Saya tidak, saya mengambil daripada *random* ini adalah kemudian, Tetuan Kuasa Land Sdn. Bhd. sudah diterangkan kepada kita yang mana tempat di mana MRT bermula. Itu tak ada termasuk dalam kiraan MRT tetapi melebihi RM8,000 juta. Kumpulan Sime Darby, iaitu pusat perniagaan, dan perniagaan dan industri dekat U8 Bukit Jelutong dan seterusnya terus ke Guthrie Corridor, RM6.1 bilion dan perumahan SJ Properties, perumahan dan perniagaan 500 juta dan Tetuan Bandar Eco Setia Alam yang jumlah keluarannya, ekarnya, 612 dan jumlahnya ialah RM5 bilion. Tetuan Setia Alam Sdn. Bhd., RM6 bilion dan Tetuan Sime Darby Bhd. – Denai Alam Seksyen U16, RM3,000 juta. Dan PPC Glomac 500 juta. Saya sebutkan ni nak menunjukkan bahawa ada yang mengatakan bahawa, keadaan ini bahawa, Selangor ialah satu *trend* yang meneruskan, tidak, mereka sudah melihat kestabilan ekonomi negeri Selangor dan cara pembangunannya konsisten dan kelulusannya pun bertaraf antarabangsa maknanya kita tengok dengan betul dengan jelas dan mereka berani melaburkan beribu-ribu juta dalam program ini. Jadi, ini yang penting, jadi kalau tujuan pembangkang ataupun Sri Serdang untuk mengatakan

bahawa bezanya antara Pakatan Rakyat dengan apa yang katakan Barisan Nasional dan UMNO, bezanya sangat jauh. Itu yang saya nak tunjukkan. Bezanya sangat jauh..

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Puan Timbalan Speaker, boleh kah dibuat kesimpulan bahawa Perdana Menteri Malaysia yang juga Menteri Kewangan bukan sahaja tidak, kerana, bukan sahaja kerana mempunyai tugas yang banyak tetapi lebih banyak tidak memahami kaedah menggunakan kewangan negara yang banyak tu kepada, untuk kepentingan keuntungan, apa dia ni, dari segi kewangan bagi negara. Sebab itu, pendapatannya berkurang kalau dibandingkan dengan apa dilakukan oleh Selangor.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Puan Timbalan Speaker, saudara saya tadi, Bangi. Saya rasa itu yang diperjuangkan oleh Pakatan Rakyat sebab kita telah buktikan dalam masa empat tahun, negeri Selangor dengan cara pentadbiran yang telus, bertanggungjawab dan kompeten telah menunjukkan bahawa kita telah mengadakan satu keadaan yang dipanggil *very conducive for growth*, satu keadaan yang sesuai untuk pertumbuhan. Dan itu pula dapat dilihat. Tapi saya lihat, ini berbeza dengan kerajaan Persekutuan. Dia tidak memaparkan satu *keadaan conducive for growth*. Itu yang paling penting. Dan dia juga menyatakan oleh sebab itu cara jawapannya untuk menyelesaikan masalah Selangor ialah *take over* Selangor. Jadi terlalu pandai Selangor ni dia *just take over*. Itu caranya dan jawapannya. Jadi tak usah cakap cerita-cerita lain, *for hook or by crook, take it over*. Sebab, jawapannya tidak. Itu tidak jawapan yang bagus. Lepas tu, dia pula ceritakan Pakatan Rakyat *had cheated the people of* Selangor. Menipu rakyat Selangor. Jawapannya tak ada. Kalau kita menipu, maknanya statistik ni tak ada sebegini. Haa, jadi, boleh jadi, ini saya nak tunjukkan, itu sebab saya nak tunjukkan dalam masa lima tahun, saya nak tunjukkan dalam masa lima tahun, itu sebab saya lihat, saya daripada kumpulan saya anggap selain daripada ahli politik, sudah tentulah seorang profesional. Dalam masa lima tahun, saudara Anwar Ibrahim menjadi Menteri Kewangan dan juga Timbalan Perdana Menteri. Perangkaan pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah *consistently* dalam keadaan yang positif jadi itu jelas, angka tu ada, tak boleh dipertikaikan dan lebih baik dari apa yang dibuat oleh Tun Abdullah Badawi dan saudara Najib lebih. Itu *consistent* tak ada, tak ada boleh disorokkan angka itu ada. Itu sebab bila saudara dari Serdang membangkitkan tentang Penasihat Ekonomi negeri Selangor kenapa memilih saudara Anwar Ibrahim sebagai Penasihat Ekonomi negeri Selangor. Kalau Sri Serdang mempunyai kelayakan sebagai Menteri Kewangan lima tahun *consistent* daripada segi pertumbuhan saya boleh pilih dia. Saya boleh pilih dia.

Kedua, saya juga melihat dari segi rekod. Saya tengok rekod yang saya buka dalam *internet* apa dia, tapi, Yang Berhormat daripada Sri Serdang pun tak masuk dalam *internet*, itu sebab saya susah juga sikit nak terangkan. Tapi saya nak tunjukkan sedikit sebelum kita apa..saya nak tunjukkan dalam *internet*, saya tengokkan sama ada, saya bandingkan, sebab orang tanya kenapa kita negeri Selangor tak megah, kerana tidak buat sendiri, kena ada penasihat. Penasihat bukan dia buat kerja. Dia menasihati, dan apa yang telah dinyatakan di sini, dia ni ialah, telah menjadi Menteri Kewangan yang *consistent* dan juga pada 200..dia pada 2005, telah diterima untuk menjadi Menteri

Kewangan dan selepas daripada itu. Selepas daripada itu, saya juga tunjukkan *since his release from prison* ataupun daripada penjara, Anwar *has held a teaching position at St. Anthony College, Oxford*, ha kalau saya nak nyatakan di sini, kalau lah saudara Sri Serdang dapat jadi *teaching position* dekat Oxford, kita boleh ambil dia sebagai penasihat. Saya tak tau di mana PHD dia dapat tapi kalau dipanggil ke Oxford, maknanya kita boleh terima, kita boleh terima. Tapi tak tau Oxford mana yang dia ada lah. Dan dia, *he is also a Visiting Fellow at John Hopkins University of School of Advance International Study*. Kemudian, dia juga *Visiting Professor at Prince Al-Waleed Centre for Muslim-Christian Understanding at School of Foreign Service, Georgetown University*. Jadi, saya nak tunjukkan, itu sebab, kita perlu penasihat. Kita perlu penasihat untuk menerangkan jalan kita betul atau tidak. Penasihat tak payah buat kerja, dia hanya tak sampai dua minit dia kata, pengalaman saya menunjukkan benda ini tak betul. Umpamanya, sebagai contoh saya nak *push the idea of expanding Selangor* untuk melalui Klang River. Saya mula kata, saya boleh *raise billion dollar funds* untuk membangunkan Selangor. Dia jawab, dia..kita berbincang, jawapan dia, *the role of the State is not to hit the business, the role of the State*, hanyalah untuk membuat satu keadaan *conducive for business*. *Unless*, katanya, ada keadaan yang kita *'add as a catalyst'*. Maknanya kalau kerajaan ekonomi dah menjunam, jadi perlu kita membangunkannya, kita buat. Kalau tidak, kita tak boleh buat. Itu satu jawapan orang yang mempunyai pengalaman. Saya pun, terima itu sebab itu, dia kata *you are growing, you can't push growth so fast, you are growing*, jadi, apa nak saya tunjukkan, saya nak tunjukkan bahawa pengalaman macam ini adalah sangat penting. Itu sebab kita terima saudara Anwar sebagai penasihat ekonomi. Kemudian, dikritik satu ringgit tapi kalau Sri Serdang bagi saya nasihat, dia kena bayar saya untuk terima nasihat. Bukan kena bayar, sebab saya boleh nasihatkan dia lagi. Sebab itu sebabnya. Jadi, saya tak nak mengatakan perbincangan ini..

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Ijok, jam di dewan dah melebihi pukul 1.00. Dewan ditangguhkan dan akan disambung semula pada 2:30 petang ini. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)**

**(Dewan disambung semula)**

**(Puan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Penggulungan di pihak kerajaan di sambung semula.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin meneruskan penggulungan ini walaupun saya diberitahu bahawa pihak pembangkang tak mahu hadir atau takut hadir dan saya rasa mereka juga tak biasa mengadakan persidangan lebih daripada 3 hari jadi oleh sebab itulah mereka mencari jalan untuk bagaimana tidak dapat hadir lagi. Kedua saya ingin mengingatkan bahawa apabila saya mengutarakan tentang perbincangan pemilihan Penasihat Ekonomi dan mereka-mereka yang kita pilih untuk menasihati kita, kita mengambil kira tentang keupayaan dan kebolehan. Itu sangat penting dan oleh sebab itulah saya mengambil masa sedikit tadi untuk menerangkan tentang keupayaan dan kebolehan Yang Berhormat Saudara Anwar Ibrahim dalam usahanya untuk bersama-sama menentukan pengurusan negeri Selangor dari segi ekonomi dan sosialnya dapat dilakukan dengan sebaik-baiknya dan memberikan kita contoh kepada rakyat bahawa Selangor di bawah Pakatan Rakyat telah dapat mengurus negeri dengan penuh berhemah dan perancangannya bukan untuk hari ini tetapi untuk masa depan dan kita telah tunjukkan angka-angka di mana hasilnya walaupun dalam masa yang singkat kalau kita ambil dari segi ekonomi tetapi dalam masa yang singkat kita telah dapat membuktikan bahawa Selangor di bawah Pakatan Rakyat adalah dapat mengurus negeri lebih baik daripada apa yang dibuat oleh UMNO dan Barisan Nasional sebelum ini dan ini menunjukkan bagaimana kita mengurusnya dengan cara yang terbaik untuk rakyat. Saya juga nak menunjukkan satu contoh bagaimana kita menganalisis tentang rumah kos rendah sebagai contoh mengenai kebajikan rakyat rumah kos rendah yang kita perhatikan dan juga rumah mampu milik yang kita juga cadangkan. Jadi apabila kita membuat keputusan-keputusan, kita juga melakukan dengan ada asas-asasnya, sebagai contoh kita telah cuba meneliti penawaran maknanya *supply* dan juga permintaan *demand* or rumah kos rendah di negeri Selangor. Kita tidak buat dengan secara apa yang pernah dilakukan iaitu mereka buat keputusan-keputusan apa yang dikatakan asal ada sahaja dan keputusan-keputusan itu telah diubah beberapa kali sehinggakan kita dapati rumah kos rendah berada di tempat yang tak sepatutnya berada umpamanya rumah-rumah kos rendah lebih banyak di kawasan-kawasan yang tidak memerlukan rumah kos rendah tersebut. Jadi itu yang penawaran dan permintaan rumah kos rendah kita buat kaji umpamanya di Petaling ramai yang perlu rumah kos rendah tapi di Sepang tak begitu ramai walaupun sebagai contoh banyak rumah kos rendah dibina di Hulu Selangor yang juga tidak perlu dibuat saya ambil contoh di sini sebagai contoh Daerah Petaling kita bilangan unit yang ada 23,804 dan baki unit 1,000 pemohon masih lagi ada 3,000, di Damansara pemohon masih ada lagi 3,800, di Sungai Buluh pemohon ada 528, di Bukit Raja pemohon ada 1,243 dan saya bagi contoh ini nak tunjukkan bukan sahaja kita melihat dari segi angka keseluruhannya tetapi kita telah lakukan secara tertentu umpamanya ini satu contoh di mana bilangan unit dan juga baki unit yang mana di Kajang di bandar kawasan Kajang dah terlalu banyak rumah kos rendah pula jadi tidak



perlu kita buat di sana dan juga rumah-rumah kos rendah di Sepang yang ada di kawasan-kawasannya yang tidak perlu kita bangunkan jadi oleh sebab itu kita mesti mencari jalan umpamanya untuk menyelesaikan perkara ini di samping perangkaan-perangkaan yang dibuat semasa dulu juga masa perangkaan itu masa awal projek itu bermula tapi apa nak saya tunjukkan di sini perangkaan-perangkaan itu tidak menerangkan keadaan yang sebenar. Keadaan yang sebenar umpamanya sekarang terdapat rumah kos rendah yang terbengkalai sejumlah 5,947 unit. Dulu dimasukkan dalam kira-kira kita tapi terbengkalai memang sangat sukar untuk menyelesaikannya apabila rumah kos rendah sebab pengusaha itu sanggup menggulung syarikat daripada melakukan rumah kos rendah kerana mereka dapati syarikat itu akan rugi jadi lebih baik dia tidak buat kerja itu dan lari. Ini telah kita tunjukkan dan rumah yang siap dibina rumah kos rendah 95,785 unit dan dalam pembinaan 15,000 unit dan nampaknya cukup kalau dibuat dalam masa tapi apa yang jelas juga kita mendapat pengalaman yang paling perlu kita lihat. Kawasan-kawasan rumah kos rendah dibina di kawasan-kawasan yang agaknya tidak ada lain boleh dibuat maknanya pemilihan itu *on the marginal racist* jadi oleh sebab itulah kita juga menghadapi masalah sosial, rumah-rumah kos rendah yang dibuat terpencil dan prasarana pengangkutan yang tak ada dan ke semua ini sekarang menjadi kesan yang sangat teruk untuk kita menyelesaikannya. Jadi saya jangkakan pengalaman kita 4 tahun ini kita mestilah menilai semula perancangan-perancangan yang dibuat dahulu sebab saya rasa perancangan-perancangan yang dibuat dulu tidak mengambil kira tentang apa yang akan berlaku dalam masa 10 tahun yang akan datang. Itulah sebabnya saya rasa program yang dikatakan peneroka sifar maknanya tak ada lagi orang-orang yang menduduki cara tidak betul itu akan diselesaikan sebenarnya dia bukan menyelesaikannya tetapi dia menambah masalah masa depan yang itu saya dapati satu keadaan yang menyebabkan beban untuk kita menyelesaikan masalah ini sangat besar dan saya juga lihat yang dibangkitkan oleh Ahli EXCO yang menjaga kebajikan dan juga wanita telah tunjukkan keadaan di bandar, kehidupan di bandar dalam keadaan kawasan-kawasan kos rendah ini agak meruncing oleh kerana mereka-mereka ini tidak dapat meneruskan kehidupan yang mereka dapat lakukan sebelum ini dan ini perlu mendapat sokongan-sokongan sosial atau kebajikan untuk mereka menjalankan kehidupan dan ini akan memberi kesan saya rasa kepada generasi kita yang akan datang, oleh sebab itu kita mesti memikirkan satu lagi gerakan sosial untuk menyelesaikan masalah ini yang itu saya nak tunjukkan ini ialah saya nak buktikan bahawa apa yang dibuat oleh Barisan Nasional sebelum ini yang dikatakan megah tentang pembangunannya saya buktikan bahawa ini pun tidak betul dan ini yang saya tunjukkan masalah-masalah yang ada saya tunjukkan masalah penyusunan semula air, pembinaan rumah kos rendah, setingan sifar itu pun menimbulkan masalah buat masa depan dan juga program-program penswastan yang telah dilakukan sebelum ini terpaksa disusun semula supaya kita dapat menyelesaikan masalah pentadbiran negeri dan negara. Jadi saya nak tunjukkan ini supaya jangan lagi rakan-rakan ataupun pembangkang ataupun dari Barisan Nasional yang datang menyatakan kepada kita bahawa mereka telah mengadakan satu tapak yang kukuh untuk senang kita mentadbir negeri dan negara. Sebenarnya ini merupakan satu perkara yang perlu kita ingatkan kepada rakyat bahawa Barisan Nasional bukan menyediakan tapak yang kukuh tetapi telah menjalankan beberapa program-program yang akibatnya menimbulkan satu perkara yang sangat

negatif masa depan itu sebab saya ingin menegakkan di sini dan contoh-contoh yang kita beri bagaimana ini menyebabkan kita terlalu banyak masa untuk menyelesaikan masalah dari menjalankan usaha pembangunan seterusnya sebab tapak yang diasaskan oleh mereka itu tidak kukuh dan tidak mempunyai perancangan jangka panjang. Kedua, mereka mengkritik manifesto Pakatan Rakyat 2008. Saya telah cuba menilai manifesto yang dibuat oleh UMNO dan Barisan Nasional dan manifesto sebelum ini maknanya 2004 dan 1999, saya dapati memang apa yang dibuat yang dijanjikan oleh mereka pun tak pernah dilakukan oleh mereka. Dia menyatakan kerajaan bersih, kerajaan cekap, kerajaan amanah, langsung bukan dibuat tapi tak ada dibuat langsung. Itu yang katakan penipuan, ini kita bila Sri Serdang agak malu juga mengatakan kita ada buat memastikan EXCO sentiasa bersih apa semua dia kata *okay but not to okay* macam itu tapi sekurang-kurangnya kita buat dan yang lain itu tak buat langsung. Menubuhkan badan khas untuk menyiasat penyelewengan yang berlaku berkaitan dengan pentadbiran tanah sumber-sumber negeri, kita buat. Kita buat, kita adakan SELCAT, Enakmen FOI dan klasifikasi dokumen OSA dan seterusnya, dan memberhentikan projek-projek membazir yang merugikan dan tidak memberi manfaat kita lakukan. Jadi bila saya tengok senarai yang kita buat, berbanding dengan senarai yang ada dibuat oleh Barisan Nasional, itu barulah ada perbandingan tapi mereka semua turun padang, turun padang hanya menyatakan dia janji ini ada yang tidak ditunaikan oleh sebab itu mereka mungkir janji. Itu saya rasa satu perkara yang kita kena perbetulkan. Jadi walaupun saya tengok dari semua, daripada sosial dan kebijakan daripada usaha-usaha kesihatan rakyat dan juga saya tidak nak membacanya dan menunjukkannya sebab saya nak masukkan saja dalam *hansard* sebab yang mendengarnya ialah rakan-rakan dari kerajaan, mereka dah dengar selalu tapi kita masukkan dalam *hansard* dan kita tunjukkan bahawa jauh, jauh lebih baik, jauh lebih baik kalau dibandingkan Sg. Panjang dengan kita. Saya juga esok akan membuat perbandingan bukan lagi pada segi mikro-ekonomi dan juga projek. Saya nak tunjukkan projek yang nak dibuat, projek yang dikatakan skim mesra usia emas. Skim mesra usia emas bukan dia panggil skim usia emas, satu skim yang lain yang dibuat, tapi yang sebenarnya rekod skim itu pun tidak teratur kemudian skim yang dibuat tu, kita nak *call back* untuk semak orang-orang yang dibuat akan memakan masa tujuh atau lapan bulan baru kita dapat data-data itu semula kalaupun ada. Dan kita cuba bandingkan dengan apa yang kita lakukan oleh yang kita sekarang. Skim mesra usia emas kita sudah ada rekod, *database* yang boleh kita tengok dalam masa seminit, dua minit senarai mereka yang dapat dekat mana umpamanya YB. Batu Tiga telah tunjukkan dekat mana, maknanya Sg. Pelek berapa orang yang dapat di Sg. Pelek, berapa orang yang dapat di Permatang, berapa banyak yang dapat di Jeram, semuanya ada dalam rekod kita. Itu menunjukkan pentadbiran kita lebih kemas, lebih teratur daripada mereka, itu jelas, tak payah kita.. mana dia ingin menyatakan apa bezanya. Bezanya ialah walaupun kita mempunyai pendirian politik tetapi kita mengutamakan juga pentadbiran yang telus dan berwibawa dan terus membawa Selangor ke satu tahap yang lebih tinggi lagi.

Kedua, saya juga rasa terkilan dengan pendapat Sri Serdang tentang dasar ekonomi baru dan untuk menolong masyarakat Melayu. Saya rasa antara mereka, saya tidak pernah nak tunjuk, apa tu, tunjuk bahawa, tunjuk sombong saya tentang perkara ini.

Tapi saya berkecimpung dalam usaha pembangunan orang-orang Melayu dan juga masyarakat Bumiputera ini lebih awal daripada mereka-mereka yang di dewan ini. Dan saya rasa mereka boleh jadi tidak faham. Dasar ekonomi baru ini sudah tidak dipakai apabila sampai pada 1990 dasar ekonomi baru walaupun dibuat pada tahun 70 tapi bila sampai ke 90 diadakan satu perhimpunan ekonomi yang mana termasuk pembangkang, ahli-ahli masyarakat, kerajaan mengadakan majlis perancangan ekonomi negara dan di sana kita telah bincangkan dan di situlah dulunya dasar ekonomi itu berasaskan kepada *people century* maknanya dasar ekonomi kepada rakyat bumiputera rakyat Melayu yang teramai tapi apabila habis tempohnya dia ditukar kepada dasar pembangunan nasional. Dasar pembangunan nasional di bawah Dr. Mahathir telah mengubah bentuk dasar ekonomi baru dan perubahan inilah yang sekarang kita menghadapi masalah dari segi kerana pelaksanaan itu tidak betul sehinggakan negara terpaksa mengubah dasar-dasar yang telah dilakukan. Oleh sebab itulah kita lihat banyak dasar-dasar itu termasuk juga saya nak inginkan oleh kerana dasar tu mementingkan individu tak mementingkan seluruh masyarakat. Dasar itu tidak mementingkan *bahawa conflict of interest* atau pun perselisihan keinginan itu sangat-sangat penting diutamakan dan kita lihat saya telah menyatakan dalam penggugungan belanjawan 2012 saya tunjukkan Sri Serdang terlibat dalam usaha mendapat tanah kerajaan dan lepas itu cepat-cepat menjual kepada orang lain yang saya nyatakan tanah *design spark two*. Lepas itu tak ada tindakan. UMNO merasakan kelakuan yang dibuat oleh Sri Serdang ialah satu kelakuan yang biasa, maknanya dia satu contoh yang tidak perlu dipersoalkan dan kemudian menjadi Ketua Pembangkang jadi macam mana kita nak tunjukkan macam mana *standard*. Ya silakan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih YAB Ijok. Saya tertarik dengan apa yang diperkatakan oleh YB. Ijok berkenaan dengan tingkah laku daripada YB. Sri Serdang. Soalan saya ialah apakah pada pandangan YAB Ijok, kelakuan itu adalah kelakuan yang kebanyakannya dilakukan oleh hampir kebanyakan Ketua-ketua UMNO dan juga wakil rakyat di seluruh negeri Selangor kerana bukti-bukti yang kita ada menunjukkan perbuatan itu adalah perbuatan yang dilakukan oleh hampir kebanyakan wakil-wakil rakyat UMNO. Jadi saya minta sedikit penjelasan daripada YAB.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Itulah jawapannya. Rakyat sudah memberitahu mereka sepatutnya dia sudah berubah itu sebab kita menang negeri Selangor. Rakyat sudah berubah, itu sebab kita dapat diberikan kerajaan dan saya rasa rakyat mempunyai membuat pilihan yang baik. Sekarang rakyat boleh menilai apa yang dibuat oleh Barisan Nasional dan UMNO 2004 sampai 2007, apa yang dibuat oleh Pakatan Rakyat daripada 2008 sampai 2012, boleh dilihat. Itu sudah jelas, hari ini saya ingat YB. dari Sekinchan tak pernah dengar perbincangan macam ini sebelum beliau juga sudah lama di sini di Dewan, tidak ada perbincangan mengenai mempersoalkan usaha yang dilakukan. Kalau Sekinchan bangun boleh jadi semua orang bangun menyuruh Sekinchan duduk...tidak mengacau, tetapi yang sebenarnya ini karakter, karakter, itu sebab saya terangkan ini sebagai rekod *hansard* supaya ini perbezaan pemilihan rakyat kali ini pada 2008 adalah lebih tepat dan tibalah masanya untuk dia menilai dan kita mesti gunakan usaha ini supaya menerangkan kepada rakyat

perbezaan. Saya tahu saya, saya tidak hendak, sepatutnya, saya menulis buku tentang *The politic of business, business in politic*. Saya tahu satu daripada masalah yang utama dalam politik ialah duit dan bagaimana *business* memberikan apa yang dipanggil *enfolds* kepada politik. Dan saya harap satu hari nanti ini dapat diselesaikan sebab negara yang berjaya ialah dapat mengurangkan tekanan-tekanan yang dikehendaki supaya penggubal undang-undang itu bebas daripada apa dipengaruhi walaupun pada dasarnya itu satu *idealisme* yang saya rasa tidak 100 peratus boleh dilakukan tapi dia menunjukkan bagaimana cara kita membuka ruang, jadi oleh sebab itulah bila kita jadi Kerajaan Selangor kita terus pentadbiran kita menjalankan usaha ketelusan dan pertanggungjawaban dan terus kita lakukan dan perkara ini saya rasa macam satu perkara biasa sudah 50 tahun, satu perkara biasa. Saya tengok kes, saya tidak nak membangkitkan dalam dewan tapi saya tengok kes MFC tu, *National Feedlot Corporation* maknanya dia ingat rakyat macam lembu juga jadi itu sebab saya pun tak nak mengatakan sebab saya tak nak termasuk dalam kumpulan lembu itu. Jadi oleh sebab itulah saya tengokkan, maknanya tak ada perasaan malu, tak ada perasaan bertanggungjawab, macam hak dia, dia tak kira, ini yang berlaku. Jadi dari sekarang kita mesti ubah *culture* budayanya, budaya yang sebegini dan budaya inilah yang budaya yang saya rasa perlu kita selesaikan. Dan untuk mengingatkan saya, terima kasih Seri Setia untuk mengingatkan saya. Inilah satu budaya yang saya rasa perlu kita hapuskan iaitu budaya orang lain kalau saya buat orang lain buat dan jadi bentuknya Y.B dari Gombak Setia telah menyatakan bahawa dia buat pengubahsuaian dan membuat pejabat walaupun dari segi peraturan dia ikut peraturan tetapi kalau dia memperjuangkan rakyat sudah tentulah dia melihat dari segi *value for money* ataupun perlu atau tidak. Dan saya telah tunjukkan dalam saya mengkaji semula sebab sudah menjadi berita polemik, politik yang tidak sepatunya berlaku iaitu Dato' Hasan pada untuk ruang pejabat, menggunakan 329,000, saudara Ean Yong menggunakan RM146,000 YB Rodziah menggunakan RM190,000, Dr. Xavier yang dikatakan melebihi Dato' Hasan rekod menunjukkan RM70,000, saudara Iskandar RM61,000 saudara Ronnie Liu RM53,000, saudara Yaakob Sapari RM32,000, Teresa Kok dan saudari Elizabeth Wong kurang daripada 25 ribu tak tahu apa yang dibuatnya, Y.B. Dr. Halimah Ali bercadang untuk membuatnya tak jadi buat jadi tak ada rekod dia buat menunjukkan tak ada. Jadi, saya nak tunjukkan daripada perangkaan ini yang saya terkilan bukan kerana ini, orang lain buat saya buat itu bukan prinsip pemimpin bukan berasaskan pada itu. Prinsip kepimpinan apa yang betul itu betul, apa yang salah bukan mengikut orang lain, itu yang prinsip. Tetapi daripada angka yang diberikan ini menunjukkan beliau jelas menggunakan dana tersebut. Saya tidak menghalang sebab kalau betul digunakan, gunakan tapi jangan menggunakan asas itu orang lain buat lebih banyak saya pun kena buat, tak boleh *that's principe* kepimpinan. Jadi saya juga nak bangkitkan iaitu sebab itu saya pun...

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kajang ingin mencelah.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Jadi apa ini, jadi....Kajang ingin mencelah...

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Kajang minta mencelah. Ya, Kajang minta penjelasan sama ada pihak audit ada mengaudit kan perbelanjaan yang ubahsuai pejabat ini.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat dari Kajang, saya rasa jumlahnya kalau ikutkan jumlah 3,889 kaki persegi, kalau ikut RM100 sekaki dia angka itu agak munasabah. Jadi kalau kita pun dah suruh audit buat itu sebab saya rasa tidak perlu terlalu banyak kita pergi kepada *detail* nya tetapi prinsipnya, tapi saya rasa *in term of value for money* yang kita gunakan nampaknya asasnya ada, tapi kalau dia buat keluasan pejabat tu hanya 500 kaki persegi tapi dia jumlahnya RM329,000 maknanya itu *raise a flat* apa pula yang di taruk kan, *marble* dari mana yang dia pakai itu, tapi tak ada. Dia punya angka agak munasabah sebab harga karpet lebih kurang antara RM15 sekaki persegi. Jadi kita boleh ambil kira tentang itu, tapi saya nak membangkitkan kalau apa ini Dato' Hasan ini berjiwa rakyat dan mengamalkan konsep ketelusan dan juga pertanggungjawaban. Kita ada satu kes yang mana kita telah cuba menyelesaikan perkara-perkara tentang kontrak-kontrak ini beliau sebagai Ahli EXCO mengenai prasarana dan Ahli EXCO ini ada hubungannya dengan apa yang kita katakan dengan menentukan siapa kontraktor-kontraktor ataupun subkontraktor yang dipilih untuk mendapatkan kontrak dan pada kebiasaannya untuk kita supaya tidak ada *conflict of interest* kita tidak campur dalam pemilihan nama-nama kontraktor tersebut. Sebab, itu sebab disiplin kita, tata kelola kita, kita tidak campur, kalau kita campur maknanya kita terlibat dalam kontrak itu dan saya telah menerima laporan audit menunjukkan Dato' Hasan campur dalam hal tersebut. Maknanya dia telah cuba bukan selain daripada mencadangkan tetapi menentukan siapa yang sepatutnya dapat. Ini contoh yang kita akan, saya akan menemu duga kontraktor-kontraktor yang dapat supaya saya dapat tahu apa yang dilakukan untuk yang mereka dapat kontrak-kontrak ini dan saya rasa ini berlaku sudah tentu orang akan tanya saya mengapa tidak dibuat dahulu. Sebenarnya sebab tidak dibuat dulu sebab dia yang menjadi EXCO tersebut. Saya baru dapat lagi satu beban ini, jadi saya kena buat dan beban ini saya dapat buktikan dari beban ini bahawa tata kelola yang dilakukan oleh Dato' Hasan tidak mengikut tata kelola yang dipanggil *good governance*. Jadi itu sangat penting dan saya rasa ini tidaklah saya rasa tidak senang seperti jumlah-jumlah ruang pejabat. Saya telah beritahu masyarakat ramai bahawa saya tidak mempersoalkan tentang pengubahsuaian dan kos-kosnya sebab saya rasa kita tidak perlu mengambil masa untuk itu sebab apa yang ditinggalkan dia bukan bawa pejabat bila dia berhenti dari jadi EXCO. Jadi maknanya aset itu masih ada lagi. Jadi tak payahlah dipertikaikan dan saya juga rasa dia mengikut tata kelola yang ditetapkan, tapi saya mendapati urus niaga yang dibuat, kontrak yang dibuat ini saya dapati tidak mengikut tata kelola yang sepatutnya dilakukan dan ini akan memberi kesan kepada rakyat bahawa kita tidak menjalankan tugas kita dengan sepatutnya. Itu sebab bangkitkan perkara ini sebab kontrak panjang penyelenggaraan jalan-jalan negeri Selangor di bawah Syarikat KPSSCM itu dibuat berasaskan Kerajaan Negeri memilih *consult contractor* dan pemilihan subkontraktor itu mesti dipilih secara pilihan tender bukan pilihan tunjuk. Sebab pilihan tunjuk ini tidak menunjukkan tata kelola yang baik dan walau bagaimanapun dua perkara yang berlaku satu perkara ialah dia tunjuk, kedua dia sepatutnya dia kalau dia tidak mengikut tata kelola yang dibuat oleh Kerajaan yang dipanggil *treasury instruction* dia kena minta kelulusan Pegawai Kewangan Negeri daripada *report* yang saya bagi dia tidak pergi kepada Pegawai Kewangan Negeri, dia pergi kepada pegawai yang lebih rendah daripada Pegawai Kewangan Negeri untuk mendapat kelulusan yang sebenarnya dari

segi tata kelola yang dibuat oleh Perbendaharaan. Pegawai-pegawai lain tidak boleh, dia atas nama *position* ataupun pangkat. Hanya Pegawai Kewangan Negeri, serupa juga hanya Menteri Besar hanya Pegawai Kewangan Negeri yang boleh memberikan kelulusan yang bertentangan dari *instruction*. Jadi itu saya hendak tunjukkan bahawa dalam usaha...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Puan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan silakan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ya, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, saya ingin mencelah sedikit. Saya nak ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana begitu bersemangat memberi penggulungan dan jawapan walaupun berhadapan dengan kerusi-kerusi yang kosong tetap bersemangat. Inilah contoh Menteri Besar yang berjiwa rakyat, ini yang kita semua bangga tapi saya rasa kesal kerana sebelum ini saya telah menyatakan bahawa pihak pembangkang mesti menunggu sampai penggulungan daripada pihak Kerajaan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar barulah mereka beredar. Tetapi mereka tidak melakukan ini semua, pada hari ini mereka lepaskan peluang peluru kosong tetapi tidak berani berhadapan dengan Kerajaan. Jadi, apa pandangan Yang Amat Berhormat tentang sifat, sikap dan perangai pembangkang seperti ini yang kosongkan kerusi walaupun seluruhnya satu kerusi pun tak ada orang. Seluruhnya, apa pun teman-teman tak ada satu pun. Ini yang berlaku. Yang keduanya sebagai seorang bekas EXCO daripada Gombak Setia yang beras JATI tak sejati itu Yang Amat Berhormat tentang bagi kan kontrak dengan tunjuk jari dan melanggar dengan etika tatacara kerajaan, apakah seorang yang berjuang untuk Islam, Melayu, Raja ini padan dengan apa yang di cerita. Apa komen Yang Amat Berhormat Tan Sri.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Pertama seperti yang saya nyatakan pagi tadi, saya akan menjalankan tugas walaupun bercakap depan batu, tak jadi masalah pada saya sebab saya menjalankan tugas. Tugas itu ditugaskan oleh rakyat. Saya akan memberitahu kepada rakyat bahawa pemilihan rakyat kepada pembangkang adalah tidak tepat. Sebab dia takut untuk mempertahankan rakyat, jadi saya rasa itu jawapan kita. Kedua dia lebih senang tidak dalam dewan kerana dia rasa dalam keadaan tertekan oleh sebab perkara yang kita nyatakan ini dan saya telah lihat banyak perkara yang kita nyatakan di sini ialah berasaskan fakta. Satu perkara yang saya nak beritahu dalam ucapan saya ini saya juga menyentuh tentang Yang Berhormat dari Kuang yang cuba mempertahankan tentang tata kelola dan juga pengurusan yang baik dan bermakna. Rupanya apabila saya lihat Kuang juga pernah menjadi Ahli Lembaga Pengarah sebuah syarikat di bawah PKPS yang mana Ahli Lembaga Pengarah dan beliau telah yang termasuk dalam mereka-mereka yang telah membuat keputusan yang sehingganya PKPS dan Kerajaan dan rakyat telah kehilangan lebih daripada RM35 juta dari segi keuntungan dan juga mereka sudah tahu yang syarikat-syarikat yang dikelolakan oleh mereka ini iaitu menguruskan operasi Kompleks Pasar Borong, Bazar Rakyat dan seterusnya membuat operasi projek salad, jus buah-buahan yang dinamakan premium *sanity size product*. *Sanity size* yang mana beliau juga Ahli

Lembaga Pengarah nampaknya beliau tidak ada perubahan dari segi iman untuk mengatakan saya bersalah dalam usaha ini dan tak ada. Tapi hanya mengatakan dari segi dia mengatakan masalah mengenai pasir saya pun dia kata salah ada rasuah ada salah guna kuasa tapi saya pun minta *transparency international* untuk pergi berjumpa dengan Yang Berhormat dari Kuang supaya terangkan dan saya pula ingatkan pada *transparency* untuk mengingatkan Kuang bahawa Kerajaan Negeri ada peruntukan yang untuk menolong mereka untuk peruntukkan kos guaman kalau mereka nak bangkitkan perkara ini kepada pihak yang berkuasa. Saya telah buat tapi tak ada dilakukan dan saya telah tunjukkan ini dan saya harap Yang Berhormat dari Kuang akan bersedia untuk menghadapi SELCAT ataupun sesiapa untuk menerangkan adakah beliau terlibat dalam perkara ini ataupun beliau hanya satu pengarah yang tak tahu langsung dan tak tahu apa nak buat dan terjerumus dalam hal ini. Sekurang-kurangnya dia bersalah dan beritahu rakyat saya tidak akan menjadi Wakil Rakyat lagi sebab saya tidak reti kerja saya, itu sebab yang kita mesti lakukan. Jadi saya harap perkara ini dibangkitkan dia pergi jumpa *Teknano Korean Consortium* apa semua. Saya belum tengok rekod berapa kali dia berjalan keluar negeri ni untuk melihat dan belajar tentang perkara ini. Ada boleh jadi ada yang pergi ke Dubai, ke Korea dan ke mana-mana untuk belajar tentang melawat sambil belajar untuk membuat salad yang tak laku. Macam mana, jadi ini semua saya harap beberapa contoh yang saya nak berikan tentang bagaimana sekarang kita nak tunjukkan bagaimana yang kita lakukan dan saya untuk pasir, silakan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Ijok. Saya ingin berbalik sebentar sebab sebelum Yang Amat Berhormat pergi kepada pendedahan tadi ada disebutkan pelantikan kontraktor-kontraktor yang dilakukan sebelum ini oleh bekas EXCO daripada Gombak Setia. Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menamatkan kontrak itu kerana terbukti sejak daripada tahun 2008 sehinggalah sekarang ini kerja-kerja penyelenggaraan jalan yang di bawah bidang kuasa EXCO terlibat tidak menepati kebanyakan standard yang diperlukan dalam memperbaiki jalan. Jadi saya mintak penjelasan Yang Amat Berhormat Ijok.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Hari itu saya mula selesaikan, sekarang mintak JKR untuk menjalankan tender terbuka dan juga melihat bagaimana *value for money* yang dibuat supaya kita tidak lagi diberitahu tentang apa perkara-perkara yang tidak dapat lakukan dan kemudian kita juga ada apa yang dikatakan program kalau kontraktor-kontraktor itu tidak menjalankan tugas dan dibagi *warning* selama tidak lebih daripada tiga kali akan kita hentikan. Jadi, kita ada program sekarang. Jadi saya *stop* apa yang telah dilakukan sebelum ini dan saya *stop*, apabila kita hentikan kita akan buat audit ini baru audit hasilnya dan saya buat cara yang sepatutnya dilakukan dan kita boleh pantau tentang kegunaan-kegunaan dan hasil-hasilnya jadi kita boleh pantau sekarang. Jadi dan saya telah mintak saya beritahu JKR, saya bukan yang sepatutnya melakukan perkara ini, pihak JKR yang mesti lakukan perkara ini sebab dia bertanggung jawab tentang keputusan hasil-hasil daripada kerja ini. Jadi kita mesti apa yang di katakan *deligate* berikan mereka yang sepatutnya melakukan perkara ini melakukan. Jadi dia kalau mereka tidak sampai ke tahap yang kita atau pun kualiti yang kita inginkan kita boleh hentikan. Jadi tak payah kita ada *wasted interest* dalam

perkara ini. Perkara ini untuk 2012 tidak berlaku lagi. Daripada sekarang tidak berlaku lagi. Itu sebab kita hentikan cara-cara yang dibuat dahulu dan saya juga sebagai seorang profesional mengambil masa untuk mengkaji apa yang dibuat dan saya berani bercakap di Dewan ini kerana kajian itu sudah selesai dan saya dapati tata kelolanya tidak menepati apa yang berlaku mengikut *treasury instructions* itu saja.

Dan saya juga ingin menarik perhatian tentang usaha yang dilakukan oleh PKNS dan secara ringkas saya rasa PKNS tidak dibiarkan pengurusan PKNS tidak boleh dibiarkan mengurus mengikut sebagai sebuah jabatan kerajaan. Saya rasa ini bertentangan dengan konsep pengurusan satu organisasi yang bersifat komersial. Jadi, oleh sebab itu kita mesti menggalakkan atau pun menentukan PKNS menjalankan tatacara perniagaannya mengikut usaha komersial, sudah tentu rakan-rakan akan bertanya kepada saya oh kalau macam itu rugilah kita sebab PKNS tidak boleh memberikan sumbangan kepada masyarakat. Jawapannya biar PKNS buat secara komersial tetapi keuntungan PKNS kita agihkan secara kebajikan. Itu yang perlu, kalau tidak bagaimana dia boleh bersaing, bagaimana dia boleh mendapat keuntungan atau pun apa yang hasilnya keuntungan itu tidak terlihat dan itu yang menyebabkan terdapat beberapa pegawai PKNS yang menjalankan *business* tidak telus sebab dia tahu keuntungan itu tidak perlu hanya asal untung saja cukup. Jadi oleh sebab itu polisi kita kalau orang nak buat *business* biar dia buat *business* dan keuntungan itu yang kita mesti agihkan kepada masyarakat. Sebab kalau Kerajaan Negeri nak buat hasil untung PKNS, sekolah, masjid, pembahagian kebajikan berikan. Oleh sebab itu kita dapat mengukur kecekapan, kewibawaan dan hasil yang dilakukan oleh PKNS ini lebih baik. Saya nak bagi contoh, Kompleks PKNS. Kompleks PKNS sewanya bukan sahaja sewanya terendah, Kompleks PKNS setengah daripada sewa yang diberikan adalah apabila sewa termasuk air, api dan penyelenggaraan, jadi kalau dia sewa RM1.00 tapi air, api, penyelenggaraan RM1.20 sen maknanya orang itu bayar kepada dia menyewa RM1.00 PKNS kena bayar lagi 20 sen lagi. Maknanya ini bukan *business* itu baik masuk kumpulan zakat apa.. jadi tak, ini bukannya *business*, yang ini kalau *business* patutlah tak berjaya. Dia kata *be fair business*. Orang sebelah menyewa dua kali, tiga kali ganda PKNS sebelah juga menyewa dengan harga yang tidak sepatut disewakan, jadi sebab itulah saya katakan betulkan, betulkan. Ini tidak boleh. Itu sebab saya pernah menyatakan kalau ini berlaku PKNS tidak akan membangun sebagai sebuah syarikat yang ternama.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Yang Amat Berhormat Ijok, saya terdengar sebut tadi bahawa tadi kita kena betulkan keadaan-keadaan yang seperti yang berlaku dengan PKNS dan sebelum itu saya masih lagi teringat yang Yang Amat Berhormat Ijok juga menyatakan bahawa bekas EXCO yang terlibat tidak telus dalam melaksanakan tanggungjawabnya melantik kontraktor-kontraktor yang pembaikan jalan. Jadi apakah tindakan Kerajaan Negeri kepada beliau dan juga pegawai rendah yang terlibat yang meluluskan permohonan itu. Terima kasih.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Yang sebenarnya yang berlaku ialah PKNS sebagai contoh jadi struktur yang membuat keputusan, jadi kita mesti faham struktur membuat keputusan. Apa pun keputusan yang dibuat sama ada betul atau tidak



apabila diluluskan oleh Lembaga Pengarah dianggap betul. Itu yang satu perkara yang paling sukar, itu sebab ada kes-kes yang mengatakan ini walaupun tidak mengikut tata kelola yang baik tapi jawapannya jika diluluskan oleh Lembaga dia dikira sah. Jadi apabila saya dapati yang dibuat sebagai contoh Kompleks PKNS, dia kata ini sudah diluluskan oleh Lembaga, boleh jadi Lembaga pun tak tahu tapi dia kata dah diluluskan oleh Lembaga, jadi apa yang sebab yang berlaku sebabnya kita tahu perkara ini hanya bila kata eh berapa pulangan bangunan PKNS jawabnya tidak lebih daripada 1 % dan kalau orang yang biasa berniaga kalau bangunan biasanya lebih daripada 4 ke 5 %. Jadi kita tanya barulah kita kata dulunya memang caranya memang begini, jadi kita tidak dari segi undang-undangnya tidak boleh. Kita tidak boleh dapat katakan awak salah sebab dia ada rekod dalam Lembaga Pengarah yang meluluskan akaun-akaun tersebut. Itu yang saya telah nyatakan. *White collar client* atau pun kesalahan *white collar* sangat sukar dibetulkan sehingga kita tahu proses-proses yang dibuat tapi jawapan saya, alasan saya pada perkara ini ialah, alasan saya ialah kita selesaikan *the business first not the problem*. Itu *problem* akan sudah wujud tapi betulkan. Kita betulkan dulu sebelum kita selesaikan perkara yang lain seperti juga pasir kita betulkan dulu kita *sign* dengan *pack integrity pack* kita betulkan dulu baru kita selesaikan, kalau tidak kita tidak ada masa. Umpamanya dalam masa 4 (empat) tahun kita diberi *bottom line* nya rakyat mahu tahu hasil, bukan rakyat mahu tahu masalah. Kalau kita beritahu, jadi Cempaka katakan tak selesai-selesai masalah peneroka, Cempaka cakap peneroka tak betul atau pun pemaju tak betul, rakyat tak nak dengar, rakyat nak dengar berapa banyak sudah diselesaikan itu saja. Oleh sebab itu, fokus kita penyelesaian bukan fokus kita. Walau bagaimana pun, dalam masa tersebut kita gunakan, saya ingat Kuang kena beritahu apa yang berlaku. Kalau Kuang bertanggung jawab dia beritahu, dia datang beritahu, ini bukan kerja saya tapi saya mintak ini mereka-mereka yang telah melakukan perkara ini. Jadi Kuang sendiri mesti tampil ke hadapan untuk menunjukkan bahawa dia mengutamakan rakyat, menolong rakyat untuk menyelesaikan masalah ini. Bukan, itu sebabnya Yang Berhormat daripada Gombak akan turun padang mengatakan ini mengapa saya lakukan perkara ini, apa sebab saya melakukan perkara ini dan kita dengar dan bererti kita mengamalkan satu tata kelola yang terbuka dan baik sebab dia membetulkan perkara-perkara yang tidak betul dilakukan. Jadi, inilah yang kita, contoh-contoh yang mana kita telah dapat buktikan yang kita akan membuat beberapa perubahan dalam pembangunan negeri Selangor dan apa yang jelas ialah itu sebab dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor ia menganalisis bahawa kita tidak boleh katakan *good governance*. *good governance* tu senang saja *is good* tapi kita bezakan itu sebab itu dia ingatkan Dewan dan juga penjawat awam, kita mesti *establish smart government, why smart?* Sebab tidak maknanya keadaan itu statik berubah-ubah, jadi kalau smart tu dia sesuaikan dalam keadaan perubahan. Jadi beza dengan *bad government*, jadi apa yang dilakukan oleh UMNO dan Barisan Nasional ada sebabnya boleh dikatakan *bad government*. Tapi Pakatan Rakyat walau pun dapat menerima apa yang diberikan, oleh kerana kita *smart government* kita dapat menyelesaikan masalah-masalah tersebut di samping membetulkan perkara-perkara yang tak betul, *that's why* kita call *smart government*. Itu sebab saya nak ingatkan Tuanku Sultan telah menunjukkan kebijaksanaan untuk melihat *we must at all state* dalam apa keadaan *to develop the concept of smart government* dan *smart government* ini termasuk penggunaan

teknologi untuk mempercepatkan proses pentadbiran yang cekap dan juga dapat menyelesaikan masalah yang diberikan. Saya

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Juga nak ke?

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Yang Amat Berhormat menyebut tentang *smart government* dan saya dapat salah satu cabaran yang mana Kerajaan Negeri Selangor perlu mengatasi ialah pengumpulan semua data dan maklumat berkenaan dengan geran-geran tanah di Selangor ke dalam satu pangkalan data *internet*. Saya masih ingat beberapa tahun yang lalu cadangan ini sebenarnya pernah dikemukakan dan juga di bahas dalam Dewan yang mulia ini tetapi sampai sekarang saya rasa mungkin belum ada apa-apa perkembangan terbaru mengenai perkara ini dan saya berpendapat ini adalah satu cabaran yang sangat-sangat tinggi terhadap Kerajaan Negeri Selangor dan kerana sehingga sekarang saya rasa tidak ada satu pangkalan data yang sedemikian. Adakah kerajaan akan melaksanakan tugas ini dalam tahun ini juga ataupun sekurang-kurangnya kita memulakan sesuatu supaya kerajaan boleh memanfaatkan daripada sistem *internet* ini, terima kasih.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya ingat perkara ini saya akan dalam bulan depan bulan April, saya akan jemput Ahli-ahli Dewan Negeri supaya melihat program yang telah dibuat *that's mean the database has been start* dan kita nak tunjukkan sejauh mana yang kita lakukan dan tetapi *if insist an involving process* data makin lama makin datang *updated* sehingga ke satu masa tak ada lagi fail. Apa yang berlaku ialah fail-fail yang lepas sudah, bila dah siap dan kita akan mula habiskan fail tersebut jadi *is a continue process* tetapi yang sebenarnya sudah berlaku, sudah berlaku sekarang. Jadi kita akan tunjukkan kepada Ahli-ahli Dewan Negeri untuk melihat apa yang telah dilakukan bagaimana secara praktikalnya kita boleh gunakan.

Jadi saya juga ingin membangkitkan isu dalam yang dibangkitkan oleh Gombak Setia, tetapi nak saya terangkan ialah jumlah RM390 juta ini dan nilai hasilnya daripada penggunaan wang dan tanah tersebut saya ringkasan penyusunan semula dalam dan apakah hasil daripada RM390 juta ini. Selain kita dapat kumpulan wang yang untuk penyelesaian masalah ini, sekarang jumlah keseluruhan tanah yang telah diambil alih dan juga diselesaikan sudah sekarang jumlah nilai pembangunan yang ada dalam MBI dan syarikat-syarikat PNSB melebihi RM4,000 juta. Jadi daripada RM390 juta kita telah nilaikan, jadikan tanah itu tanah-tanah tersebut bernilai mengikut *gross development value* sebanyak RM4.100,000 juta. Jadi kalau kita nak jual kita boleh dapat RM4,000 juta, jadi itu saya nak tunjukkan. Tetapi saya tak hendak cerita banyak sebab lagi banyak ada duit lagi seronok kita bercakap, jadi itu sebab kita sediakan, itu sebab *we must set a very strong platform* satu asas yang kukuh supaya negeri Selangor tidak lagi meminta sedekah untuk menjual tanah untuk membuat pembangunan negeri, itu sebab

saya nak lakukan dan saya rasa itu satu perkara yang mana geran Selangorku akan berterusan tiap-tiap tahun supaya dia ada jumlah dana yang digunakan untuk membangunkan masyarakatnya.

Terima kasih dan saya berharap penjelasan saya ini akan memberi makna yang sangat penting bahawa terdapat perbezaan yang nyata antara pengurusan pentadbiran Kerajaan Negeri sebelum 2004, sebelum 2008 dengan 2008.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Ijok. Dalam ucapan perbahasan saya hari Selasa lepas, saya ada bangkitkan berkenaan dengan, oleh kerana Yang Berhormat-yang Berhormat daripada Kuala Kubu, daripada Batang Kali, daripada Kuang terlalu membangkitkan persoalan berkenaan dengan ketelusan pasir. Jadi dalam ucapan saya, perbahasan saya, saya ada mencadangkan supaya Kerajaan Negeri, oleh kerana kita tidak takut kepada ketelusan, kita sebuah kerajaan yang telus, sebuah syarikat yang telus, apakah pandangan Kerajaan Negeri kalau boleh kiranya kita melantik walaupun daripada wakil rakyat daripada pembangkang kita boleh cadangkan untuk mereka salah seorang, Kuang tu saya tak fikir ada kelayakan sebab Yang Berhormat sebutkan tadi pun pernah jadi Ahli Lembaga Pengarah di PKPS tetapi rugi RM30 juta lebih. Jadi mungkin Ahli-ahli Dewan daripada Barisan Nasional ataupun daripada pembangkang ini boleh dipertimbangkan untuk masuk sebagai salah seorang Ahli Lembaga dalam kumpulan ataupun syarikat Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Ini supaya kita boleh ajar mereka terutamanya yang kedua supaya mereka tahu bahawa ketelusan kita ini bukan setakat di peringkat Kerajaan Negeri tetapi sehingga ke semua anak-anak syarikat Kerajaan Negeri.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Yang sebenarnya saya tidak ada halangan sebab untuk Ahli-ahli Dewan untuk menjadi Ahli Lembaga Pengarah. Tetapi saya akan dipersoalkan kalau mengapa tidak kita pilih daripada Pakatan Rakyat, kenapa juga kita pilih daripada pembangkang yang ramai daripada kita juga, juga berminat untuk menyertainya. Jadi itu akan menjadi persoalan. Tetapi kalau, kalau setuju kita boleh lihat dan pilih, tetapi pada saya kita boleh ramaikan daripada kumpulan kita sebab kita mempunyai perasaan bukan sahaja menjaga syarikat tetapi membangunkan negeri. Jadi itu sebab perkara yang, sebab itu saya tidak sentuh sebab kita mesti perbincangan kesannya.

Kedua; saya nak terangkan. Kerajaan Persekutuan sangat *discriminatory* sangat membeza-bezakan umpamanya sebagai Ahli Parlimen Kinrara dan saya tidak dapat apa-apa sokongan daripada Kerajaan Persekutuan tetapi Kerajaan Persekutuan memberikan peruntukan kepada Ahli-ahli Parlimen dan kes ini telah dibawa ke mahkamah dan masih lagi dalam dipersoalkan. Tetapi jelas nampaknya kita berbesar hati, dia kecut hatilah, tak ada hati langsung, jadi itu yang. Pada saya kita boleh teruskan usaha ini dan saya pernah menyatakan kalau Kerajaan Persekutuan berikan peruntukan, dia, jawapannya ialah RM1 juta untuk satu kawasan Parlimen, Kerajaan Negeri akan ikut serta, maknanya kita buka untuk kepada mereka *that mean quick crocus* maknanya kita boleh. Jadi, tapi nampaknya Kerajaan Persekutuan tidak

mengambil apa indah, apa yang kita katakan dan ini, saya rasa kita perlu bincangkan adakah pembangkang dalam Dewan Negeri Selangor betul-betul ikhlas dalam usaha pembangunan negeri. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Yang Berhormat Ijok. Cadangan tadi dikemukakan berasaskan kepada titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, yang juga menyarankan supaya kita mengetepikan soal politik kepartian dan oleh kerana wakil-wakil rakyat pembangkang ini terlalu menyerang Pakatan Rakyat, menyerang Kumpulan Semesta, menyerang Kerajaan Negeri, kononnya wujud penyalahgunaan kuasa, rasuah dan sebagainya maka itu saya mengemukakan cadangan supaya pertimbangan ataupun titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku itu boleh dipertimbangkan untuk kita menjadi pelopor kepada perubahan ini kerana kita sedia maklum di peringkat Pusat memang Kerajaan Pusat mendiskriminasikan ramai ataupun 100% Ahli Parlimen daripada Pakatan Rakyat. Tetapi apakah mungkin Kerajaan Negeri Selangor sebagai usaha kita untuk menolak politik kepartian yang berlebihan, kita memulakan satu langkah baru dengan memulakan satu ruang dan tempat kepada wakil-wakil daripada pembangkang yang banyak cakap ini, itu duduk dalam itu membuktikan kemampuan mereka, terima kasih.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Dato' Speaker. Sudah tentu rakan-rakan juga akan mempersoalkan adakah hasil daripada kita memberikan ruang kepada mereka, mereka akan tutup mulut, jawapannya pun, itu pun kita belum tentu lagi. Jadi itulah sebabnya kita mesti membincangkan perkara ini bersama-sama sebab dengan keikhlasan kita boleh jadi mereka tidak juga mengindahkannya. Jadi macam bagi bunga kepada buruk, jadi maknanya apa akan jadi, jadi itu sebab saya agak kekhawatiran saya. Jadi itu sebab saya ada.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat, terima kasih kepada Speaker. Kajang berpendapat sama dengan Yang Amat Berhormat iaitu kesudian pihak pembangkang memang belum, belum lagi bersedia untuk menyertai. Kita nampak dalam jawatankuasa-jawatankuasa pilihan khas juga kekurangan minat mereka dalam penglibatannya. Bagaimana kalau kerajaan di dalam kes seperti ini, Kumpulan Semesta kita ajak *transparency international* untuk memberi pengiktirafan ataupun melibatkan mereka untuk menjamin bahawa kita ini memang telus dan ada akauntabiliti, terima kasih.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Kajang. Rakan kita daripada Seri Setia dah akan beritahu transparensi sudah dalam Kumpulan Semesta dan semalam kita ada upacara menandatangani apa yang dipanggil *integrity pack*, jadi maknanya sudah ada. Itu sebab Seri Setia tidak takut, siapa pun nak masuk boleh, jadi tak ada, tak ada

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Sri Muda

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Sri Muda, Seri Muda semua boleh, dah, dah boleh. Jadi kita dah buat asas tinggal lagi saya boleh jadi *cynical* daripada segi *cynic*

daripada segi pendirian kita yang seperti saya kata, kita beri dia bunga tak tentu dia terima bunga itu secara yang baik iaitu, jadi saya boleh jadi minta maaf kadang-kadang bagi bunga beruk tu nampak selalu apalah... tetapi itu pepatah Melayu ada juga bukan-bukan, bukan saya petik dari apalah dia, dia. Jadi akhir sekali jadi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Dewan, kalau difahamkan pilihan raya melebihi bulan Jun saya dengar dalam surat khabar menyatakan hingga ke September jadi kita boleh jadi akan mengadakan sidang dewan lagi sekali lagi untuk mengadakan perbincangan dan saya rasa kita merasakan kita seperti yang dinasihati oleh Tuanku Sultan, kita gunakan forum ini. Ini forum yang sangat baik untuk kita berbincang, bertukar pandangan, menceritakan hasrat, ideologi dan pemikiran seperti yang kita terangkan, hubungan di antara produktiviti dengan gaji. Hubungan bagaimana cara kita melihat pembangunan rumah kos rendah dan rumah kos mampu milik. Jadi, dengan cara ini kita membuka minda kita bersama dan bagaimana pembangunan negeri Selangor ada hubungannya dengan pembangunan negara Malaysia.

Jadi, semoga saya berdoa kita akan terus diberikan keikhlasan, kebijaksanaan dan kekuatan untuk terus berkhidmat bagi kepentingan yang sah untuk manfaat kepada semua. Terima kasih Dato' Speaker. Saya mengusulkan.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada pun di hadapan dewan ini ada satu usul yang berbunyi seperti berikut; "Ampun Tuanku. Patik-patik sekalian iaitu Speaker dan Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor yang berhimpun di dewan ini memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Persidangan Dewan Negeri Selangor yang ke-12". Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan usul mesyuarat seterusnya. Usul seterusnya. Usul nombor satu tahun 2012, usul pelantikan Y.B. Ahli Dewan Negeri kawasan Kajang sebagai pengerusi dan Y.B. Ahli Dewan Negeri kawasan Meru sebagai ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam.

### **Usul nombor satu tahun 2012**

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut; "Bahawasanya Peraturan 68 (Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor), dewan yang mulia ini membuat keputusan bahawa Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Ahli Dewan Negeri kawasan Kajang) dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa menggantikan Y.B. Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Hj. Lias (Ahli Dewan Negeri kawasan Sungai Burong) dan seterusnya mengekalkan Y.B. Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Hj. Lias sebagai ahli jawatankuasa dan Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman (Ahli Dewan Negeri kawasan Meru) dilantik menjadi ahli jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Ahli

Dewan Negeri kawasan Sijangkang) dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Kerajaan”.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan sekiranya ada. Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya, terima kasih Y.B. Speaker. Saya ingin berdiri untuk membahaskan satu usul yang berkaitan dengan nombor satu (pelantikan Ahli Yang Berhormat Kajang sebagai Pengerusi PAC dan juga Y.B. Ahli Dewan Negeri Meru sebagai ahli jawatankuasa PAC) ini. Usul ini akan membenarkan Y.B. dari Kajang (kawan saya) sebagai pengerusi PAC di mana jawatan ini pernah dipegang oleh beliau pada tahun 2008 sehingga ke Julai 2010. Sementara itu Ahli Yang Berhormat dari Sungai Burong yang juga merupakan pengerusi dalam PAC selepas Julai 2010 dikekalkan sebagai ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam iaitu wakil pembangkang yang pertama dalam sejarah Dewan Negeri Selangor yang dilantik sebagai pengerusi PAC sebelum ini. Sementara itu, Kampung Tunku juga ingin mengucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat dari Sijangkang kerana telah dilantik sebagai ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dan kekosongan beliau akan digantikan dengan oleh Yang Berhormat dari Meru.

Tuan Speaker, PAC memberi sejarahnya tersendiri sebagai sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan buat kali pertama di dalam parlimen UK pada tahun 1861 atas ilham Menteri Kewangan UK pada masa itu iaitu Sir William Ewart Stone. Tujuan penubuhan PAC pada masa itu bertujuan untuk mempertingkatkan pemantauan dan penyemakan kira-kira wang awam selain daripada sesi persidangan parlimen kerana parlimen UK melihatkan pada masa itu ada keperluan untuk mengadakan satu jawatankuasa parlimen yang diberi tugas khusus bagi memantau dan menyemak cara penggunaan wang kerajaan. Tugas dan fungsi PAC adalah berkait rapat juga dengan Jabatan Audit Negara. Di UK, hubungan yang rapat ini terlihat apabila ibu pejabat Ketua Audit United Kingdom berada berdekatan dengan bangunan parlimen. Ini dilakukan agar pihak audit dapat memberi khidmat nasihat yang cekap dan pantas kepada parlimen khususnya kepada jawatankuasa-jawatankuasa parlimen di UK. PAC di UK juga mempunyai tiga fungsi utama iaitu sebagai satu pihak yang perlu menurunkan tandatangan bagi meluluskan pemindahan wang daripada kumpulan wang yang disatukan untuk kegunaan kerajaan. Sekiranya tiada tandatangan daripada pegawai audit negara, wang ini tidak akan dipindahkan dan tandatangan dari PAC juga diperlukan untuk memindahkan wang ini. Tetapi malangnya ini tidak berlaku di Malaysia.

Yang kedua, Ketua Audit di UK juga bertugas untuk menyemak dan memantau semua akaun jabatan kerajaan, badan-badan berkanun dan anak-anak syarikat kerajaan. Dan yang ketiga juga ditubuhkan juga di maktub supaya Ketua Audit Negara menyemak kecekapan penggunaan wang kerajaan. Walaupun Ketua Audit Negara di UK sentiasa bekerjasama dengan PAC, tapi mereka tidak mengambil arahan daripada *PAC Town House of Commerce* di UK. Dan dalam konteks Dewan Negeri Selangor, peranan

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam atau kerajaan telah pun diperuntukkan di bawah Peraturan-peraturan Tetap 68. Ada peranannya di mana jawatankuasa ini saya memetik daripada Peraturan-peraturan Tetap Jawatankuasa PAC ditubuhkan untuk memeriksa :-

- a) Kira-kira Kerajaan Negeri Selangor dan peruntukan wang yang dibenarkan oleh dewan kerana menepati perbelanjaan negeri;
- b) Apa-apa kira-kira badan-badan pentadbiran raya tanpa pertubuhan-pertubuhan lain yang menguruskan wang negeri yang dibentangkan dalam dewan;
- c) Penyata-penyata Juruaudit Negara dibentangkan dalam dewan menurut Perkara 107(sub 2) dalam Perlembagaan Persekutuan; dan
- d) Apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh jawatankuasa itu patut diperiksa atau apa-apa perkara yang diserahkan oleh dewan kepada jawatankuasa itu.

Dan Tuan Speaker, dari sini kita dapat melihat bahawa PAC mempunyai peranan dan tanggungjawab yang amat berat untuk memastikan supaya setiap perbelanjaan kerajaan dibelanjakan dengan berhemah dengan bertanggungjawab dan menepati matlamat asal yang ditetapkan. Malangnya selama 50 tahun Barisan Nasional menjadi kerajaan, Dewan Negeri Selangor dilihat sebagai *rubber stamp* untuk eksekutif dan peranan yang sepatutnya dimainkan oleh dewan termasuk Jawatankuasa PAC ini telah diabaikan. Apabila Pakatan Rakyat mula mengambil alih Kerajaan Negeri Selangor, pembangkang tidak dilantik menjadi pengerusi PAC kerana jika ini berlaku akan berlakunya percanggahan kepentingan atau *conflict of interest* di mana PAC dari Barisan Nasional mungkin tidak akan menyemak perkara-perkara yang melibatkan Kerajaan Negeri yang lalu.

Justeru itu, pengerusi yang dilantik pada masa itu ialah Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kajang. Apabila kerajaan Pakatan Rakyat masuk ke tahun pentadbiran yang kedua iaitu pada tahun 2009, barulah dewan membuat keputusan untuk melantik wakil daripada pembangkang menjadi pengerusi PAC. Kampung Tunku masih ingat terdapat beberapa orang Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional yang mengatakan pada masa itu bahawa pelantikan wakil pembangkang sebagai pengerusi PAC tidak ada guna kerana beliau akan menjadi seorang pengerusi yang tempang kerana majoriti anggota-anggota dalam PAC adalah daripada Pakatan Rakyat. Kenyataan ini jelas menunjukkan kebuntuan fikiran Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan kerana setiap anggota di dalam mana-mana jawatankuasa dewan harus berfungsi dengan bebas dan tidak diganggu oleh apa-apa agenda politik kepartian. Selain daripada itu, keanggotaan dalam PAC perlu mencerminkan nisbah kerajaan kepada pembangkang di dalam dewan yang mulia ini.

Biarpun begitu Tuan Speaker, pengerusi PAC bukanlah satu jawatan boneka. Beliau mempunyai kuasanya yang tersendiri untuk memulakan apa-apa siasatan terhadap mana-mana badan kerajaan. Pengerusi PAC seperti pengerusi jawatankuasa-jawatankuasa dewan yang lain perlu merancang sebarang bentuk lawatan, memanggil

pendengaran saksi, menentukan soalan-soalan terhadap saksi dan memberi cadangan-cadangan penyelesaian dan menyediakan penyata untuk dibentangkan ke dalam dewan yang mulai ini. Kampung Tunku tidak mengetahui sebab mengapa Y.B. Sungai Burong meletakkan jawatan sebagai pengerusi PAC sedangkan ini sebenarnya merupakan tradisi di semua parlimen negara-negara Komanwel.

Walaupun begitu, jika keputusan ini dilakukan semata-mata budaya politik sempit Barisan Nasional, Kampung Tunku berasa kecewa kerana minda Barisan Nasional masih belum berkembang dan terbuka untuk menerima idea-idea baru seperti pelantikan Ketua Pembangkang sebagai pengerusi PAC. Kalau Barisan Nasional mempunyai cita-cita besar untuk menawan semula Selangor daripada Pakatan Rakyat dan sekiranya Barisan Nasional betul-betul hendak menyelamatkan Selangor daripada kezaliman PR, maka wakil daripada Barisan Nasional haruslah memegang jawatan ini dan menjalankan tugas ini dengan tulus ikhlas untuk membantu menyemak, memantau pengurusan kewangan Kerajaan Negeri. Dengan melepaskan jawatan ini kepada PR, adakah ini bermakna laungan Barisan Nasional untuk menawan Selangor daripada PR hanya hangat-hangat tahi ayam sahaja?

Apa pun sekali, Ahli Yang Berhormat Sungai Burong telah meletakkan jawatannya sebagai pengerusi PAC dan dewan perlu memilih seorang pengerusi yang baru. Sementara itu dengan pelantikan Ahli Yang Berhormat daripada Sijangkang sebagai anggota MMKN, kekosongan yang ditinggalkan oleh beliau juga perlu diisi dengan segera supaya tidak mengganggu perjalanan tugas PAC.

Kampung Tunku ingin mengucapkan selamat bertugas kepada Y.B. Meru. Sememangnya tugas yang ada pada Meru adalah sangat berat dan Kampung Tunku percaya Meru dapat menjalankan tugas ini dengan sempurna. Oleh itu, Kampung Tunku menyokong usul ini sepenuh hati. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Kajang ada kepentingan ke nak isytiharkan ini?

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Ada kepentingan.

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Tidak boleh?

**TUAN SPEAKER:** Boleh, boleh. Boleh. Kena isytiharkan ya.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Perbahasan seharusnya tidak ya.

**TUAN SPEAKER:** Kena isytiharkan.



**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Ya. Kajang memang tidak ada kepentingan dalam perbahasan ini kerana selaku seorang ADUN (wakil rakyat) daripada mewakili rakyat ada hak untuk menyuarakan terhadap perkara ini.

**TUAN SPEAKER:** Ada kepentingan. Siapa dilantik ni? Bukan lain.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Sebenarnya Kajang tidak hendak menyandang jawatan ini. Oleh itu, Kajang ingin meluahkan kenapa Kajang terpaksa. Ya, terpaksa.

**TUAN SPEAKER:** Terpaksa itu akhirnya menyandang juga. Sila, sila.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Boleh tak, sebenarnya Kajang tidak. Memang seperti yang dinyatakanlah ya agak segan dan memang tidak begitu hendak menyandang, menyokong usul ini kerana Kajang merasa seperti yang disebutkan oleh Kampung Tunku iaitu jawatan pengerusi bagi PAC seharusnya (ikut amalan Komanwel) memang pihak pembangkang yang harus menyandang jawatan ini. Oleh itu, Kajang terpaksa menyatakan pendirian bahawa jawatan ini sebenarnya sewaktu sepanjang tahun pelantikan oleh dewan bagi melantik Y.B. Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Hj. Lias (Ahli Dewan Negeri kawasan Sungai Burong) sebagai pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam bagi setahun yang lepas, memang dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam ini memang tidak ada pengerusi. Dan pengerusinya dilantik sewaktu bermesyuarat setiap kali. Jadi, ini menyebabkan jawatankuasa ini agak sukar untuk menjalankan tugasnya. Dan Kajang ingin menyatakan bahawa sepanjang mesyuarat PAC sejak 2008, pihak pembangkang yang diwakili dengan Sungai Burong dengan Semenyih hanya hadir satu atau dua kali sahaja. Maka sebenarnya Kajang juga berpendapat pihak pembangkang harus juga mungkin mencadangkan ya atau pihak negeri mencadangkan calon untuk pertukaran ahli dalam PAC supaya ia dapat berjalan dengan lebih lancar. Dan memandangkan PAC juga seperti jawatankuasa yang lain di Dewan, mempunyai tugas dan peranan yang penting dalam sebagai satu unit *security* ini satu unit untuk memantau perbelanjaan Kerajaan Negeri dan ia perlukan kepakaran-kepakaran untuk menyokong jawatankuasa ini. Dan Kajang merasa selama ini sejak 2008 memang Jawatankuasa PAC menghadapi masalah dan juga kekurangan dari segi masa dan tenaga untuk menyediakan laporan-laporan dan juga mengatur aktiviti-aktiviti di bawah PAC. Dan oleh itu Kajang juga selain daripada tidak membantah usul ini tapi menyeru bahawa pihak kerajaan dan pihak Dewan untuk menguatkan lagi pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam menyokong PAC ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Jawapan daripada EXCO jika ada. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi

“Bahawasanya Mengikut Peraturan 68 Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia Ini Membuat Ketetapan Bahawa:

1. YB Tuan Lee Kim Sin Ahli Dewan Negeri Selangor Kawasan Kajang Dilantik Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Menggantikan YB Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sg. Burong

Seterusnya Mengekalkan YB Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias Sebagai Ahli Jawatankuasa Kira-kira Awam

2. YB Dato' Dr. Abdul Rani bin Osman, Ahli Dewan Negeri Kawasan Meru dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan YB. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Khairi Ahli Dewan Negeri Kawasan Sijangkang di dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Kerajaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Tidak Bersetuju, Sila Kata Tidak. Dipersetujui.

## **Usul No.2 Tahun 2012**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya Usul No.2 Tahun 2012. Usul Pelantikan YB Ahli Dewan Negeri Kawasan Subang Jaya. Sebagai Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan. *Special Select Committee On Competence, Accountability And Transparency – SELCAT* dengan izin.

**Y.A.B DATO MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

Bahawasanya Menurut Perenggan 72(2) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor Dewan Yang Mulia Ini Membuat Ketetapan Bahawa YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan, Ahli Dewan Negeri Subang Jaya Dilantik Menjadi Ahli Jawatankuasa Menggantikan Mendiang YB Tuan Edward Lee Poh Lin, Ahli Dewan Negeri Kawasan Bukit Gasing Di Dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban Dan Ketelusan *Special Select Committee On Competence, Accountability And Transparency - SELCAT*.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Tuan Speaker, saya ingin menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong saya buka usul ini untuk dibahaskan, Ya, Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Dato' Speaker, Saya berdiri untuk menyokong usul bagi melantik Ahli Yang Berhormat dari Subang Jaya bagi menggantikan mendiang Ahli Yang Berhormat dari Bukit Gasing di dalam Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan ini. Pelantikan ini adalah perlu memandangkan SELCAT memerlukan kerjasama erat dari pada semua anggotanya bagi menjalankan fungsi yang dipertanggungjawab kepada SELCAT oleh Dewan Yang Mulia ini. Di sini saya ingin berkongsi satu pengalaman yang saya menimpa semasa menghadiri Seminar *Practised and Procedure* di Parlimen yang dianjurkan oleh Commonwealth Accosiation CPA pada 4 hingga Mac 2012 Yang lalu. Dan saya memetik apa yang saya diberitahu daripada *Standing Order Of The House of Command UK* bahawa pelantikan sebenarnya keanggotaan bagi setiap jawatankuasa pilihan di dalam Parlimen UK adalah dipilih oleh

Ahli-ahli Dewan mengikut nisbah parti kerajaan kepada pembangkang melalui undi rahsia. Jadi kalau kita bandingkan cara ini dengan cara ini di Malaysia dan Selangor memang ianya berbeza kerana di Malaysia kebanyakan agak di mana keanggotaannya ditentukan oleh parti-parti politik masing-masing. Adalah menjadi harapan Kampung Tunku pada masa akan datang keahlian dalam semua jawatankuasa khas di bawah Dewan Negeri Selangor ini juga boleh dijalankan melalui pemilihan secara undi rahsia. Menunggu sedih dan kesal juga baru-baru ini terdapat individu-individu yang membuat tuduhan liar terhadap SELCAT. Dan ada di antara mereka menuduh jawatankuasa ini sebagai mahkamah Kanggaru sedangkan SELCAT meminta mana-mana individu yang mempunyai bukti tentang kes-kes pencurian pasir di Selangor untuk tampil memberi keterangan. Ada yang di kalangan mereka ini begitu lantang sehingga mereka mencabar kesahihan kedudukan SELCAT di Mahkamah. Ini sebenarnya percanggahan dengan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri kerana telah dinyatakan dengan jelas bahawa sebarang keputusan dan prosiding Dewan Negeri Selangor tidak boleh dicapai di mahkamah. Malangnya individu-individu ini tidak berani tampil ke hadapan. Ini menimbulkan satu persoalan yang besar sama ada mereka ini pernah mempunyai bukti atau mereka hanya berminat untuk mengaut keuntungan politik sahaja. Kampung Tunku faham ada mereka yang bercita-cita besar untuk menjadi Menteri Besar di sebelah yang satu lagi dapat juga yang ingat dia akan menjadi EXCO. Nasib tidak menyebelahi mereka apabila cita-cita mereka ini tidak kesampaian pada tahun 2008. Apa pun sekali kegagalan individu-individu ini untuk mengemukakan apa-apa bentuk bukti menunjukkan betapa temberangnya hujah-hujah politik mereka. Malahan Kampung Tunku bahawa mereka masih belum membuat laporan Polis atau laporan dengan SPRM untuk membendung gejala ini. Negara sedar bahawa adalah menjadi satu kesalahan bagi mana-mana individu untuk tidak melakukan sesuatu perbuatan rasuah yang diketahuinya kepada SPRM bagi siasatan lanjutan. Apa pun sekali Tuan Speaker, mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan mengingatkan kepada semua SELCAT bukan sebuah Mahkamah. SELCAT seperti Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas yang lain tidak ada kuasa untuk menghukum mana-mana individu. SELCAT ditubuhkan oleh Dewan Negeri Selangor pada tahun 2008 untuk menyemak, menyiasat sebarang salah laku pihak kerajaan dalam perkataan-perkataan lain peranan yang dimainkan oleh SELCAT adalah untuk menyemak, memantau dan mengimbangi pihak eksekutif. SELCAT mempunyai kuasa untuk memanggil mana-mana saksi untuk memberi keterangan secara terbuka melalui pendengaran awam bagi mana-mana isu yang mempunyai kepentingan awam. Pemberian keterangan secara terbuka ini dapat membantu dalam mempertingkatkan tahap ketelusan dalam pentadbiran awam kerana saksi-saksi yang dipanggil akan terletak di bawah pemantauan awam ataupun *public opportune*. Konsep jawatankuasa pilihan ini merupakan satu pembaharuan dalam menjalankan fungsi-fungsi Parlimen di kebanyakan Negara Komanwel dan ianya dipelopori oleh Parlimen Britain sehingga semasa lawatan saya di United Kingdom saya nampak dengan mata saya sendiri Perdana Menteri Britain pun boleh dipanggil untuk memberi keterangan di hadapan Jawatankuasa dan keterangan sesi pemberian keterangan ini dilakukan secara *live* terakas sama ada melalui televisyen ataupun melalui *internet*. Justeru itu Kampung Tunku menggesa mereka yang tidak bertanggungjawab ini untuk menarik balik semua tuduhan yang tidak berasas dan memohon maaf kepada Dewan secara

terbuka. Pada masa yang sama Kampung Tunku juga menasihatkan mereka menyerahkan sebarang bukti dalam pegangan mereka jikalau mereka ada kepada SELCAT kalau mereka benar-benar ikhlas. Akhir sekali Kampung Tunku mengucapkan Selamat Bertugas kepada Ahli Yang Berhormat Subang Jaya. Sememangnya tugas yang ada pada beliau adalah berat dan Kampung Tunku percaya Subang Jaya pasti akan menjalankan tugas ini dengan sempurna. Oleh itu Kampung Tunku menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah dihadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi:

“Bahawasanya Menurut Peraturan 72(2) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor Dewan Yang Mulia Ini Membuat Ketetapan Bahawa YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan, Ahli Dewan Negeri Kawasan Subang Jaya Dilantik Menjadi Ahli Jawatankuasa Menggantikan Mendiang YB Tuan Edward Lee Poh Lin Ahli Dewan Negeri Kawasan Bukit Gasing Di Dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan “

Ahli-ahli yang Berhormat yang Bersetuju, Sila kata Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Tidak Bersetuju, Sila Kata Tidak. Usul Dipersetujui.

### **Usul No. 3 Tahun 2012**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya. Usul No. 3 Tahun 2012. Usul Pelantikan YB Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Air Tawar. Sebagai Ahli Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (JP PADAT)

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

Bahawasanya Menurut Peraturan 68A(ii) dan 68(ii) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan Yang Mulia Ini Membuat Ketetapan Bahawa Yang Berbahagia Dato' Raja Ideris Bin Raja Ahmad, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Air Tawar Dilantik Menjadi Ahli Jawatankuasa Menggantikan YB. Dato' Sri Subahan bin Kamal, Ahli Dewan Negeri Kawasan Taman Templer Dalam Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah Dan Tanah Dengan Ayat Pendeknya “PADAT”

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan. Ya, ya Batu Caves.

Terima kasih Dato' Speaker, Menteri Besar dan seluruh Ahli-ahli Dewan yang saya kasihi sekalian. Sebagaimana yang pernah disebut oleh rakan-rakan Ahli Dewan khususnya daripada *Backbenches* dan juga Pakatan Rakyat, usaha kita melakukan reformasi ini harus bermula daripada harus yang *pander mental* dengan izin iaitu

kepada usaha pembuatan dan keputusan kerajaan. Salah satu reformasi yang sepatutnya dicatatkan dalam sejarah ialah dalam usaha kita menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa tertentu seperti PADAT ni yang tidak lain dan tidak bukan untuk memeriksa dan mengemas kini maklumat-maklumat serta seterusnya dapat menjadi saluran kepada proses semak dan periksa kepada usaha-usaha eksekutif dan kerajaan. Namun begitu saya mengalu-alukan pelantikan yang telah dicadangkan ini khusus untuk Ahli Dewan Negeri Sungai Air Tawar berkebetulan pula beliau merupakan di antara Ahli Dewan yang agak lama dalam Dewan ini dan sudah pasti pernah terlibat sebagai EXCO Kerajaan Negeri dan sebagainya. Namun begitu harapan itu mungkin tidak akan kesampaian jika Barisan Nasional masih memandang remeh terhadap usaha pengukuhan fungsi Dewan Undangan Negeri sebagaimana yang ditampilkan dalam sesi pada hari ini dan saya sesi-sesi sebelum ini. Cuma gesaan dan harapan kita sebagai Ahli Dewan yang merentasi semua kawasan yang tidak hanya tertumpu hanya kawasan Batu Caves tidak semestinya bercakap tentang Batu Caves sahaja. Sebaliknya kita adalah Ahli Dewan Negeri Selangor yang harus berfungsi untuk memperbaiki serta memulihkan beberapa kerosakan-kerosakan terdahulu termasuk isu tanah yang saya kira merupakan satu isu yang sangat melebar dan sangat menjolok mata di depan mata. Beberapa usaha Kerajaan Negeri seperti *Task Force* tanah menyenaraikan semula ataupun memasukkan fail-fail dan juga maklumat tanah di dalam maklumat berkomputer dan sebagainya itu haruslah disemak agar ia benar-benar mengikut prosedur dan sebagainya dan fungsi inilah sewajarnya dan sepatutnya bergerak untuk memperbaiki fungsi kerajaan dan memberi kebaikan kepada semua. Dengan itu saya menyokong dan perbincangan ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada pun masalah di hadapan dewan ini adalah satu usul yang berbunyi bahawasanya mengikut Peraturan 68A (2) dan 68 (2) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa Yang Berhormat Dato' Raja Haji Ideris bin Raja Ahmad Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Air Tawar dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Yang Berhormat Dato' Sri Subahan bin Kamal Ahli Dewan Negeri Kawasan Taman Templer di dalam Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT).

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

#### **Usul No. 4 Tahun 2012**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, usul no. 4 tahun 2012. Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Teratai.

**TUAN SPEAKER:** Ya Teratai.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

Bahawasanya mengikut perenggan lima dalam Peraturan Tetap 76 bagi Dewan Negeri Selangor, Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya syor-syor yang terdapat di dalam penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Berkuasa Tempatan JP PBT berkenaan pelantikan Ahli Majlis bagi Pihak Berkuasa Tempatan seperti Kertas Mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2012 diterima.

Tuan Speaker, minta izin untuk teruskan isu yang Teratai ingin bawakan adalah pelantikan ahli Majlis PBT. Tahun ini merupakan tahun kali empat Kerajaan Negeri Selangor melantik Ahli Majlis. Tidak boleh dinafikan bahawa proses pelantikan sering berubah dalam beberapa tahun yang dulu, proses tapi sampai hari ini proses pelantikan masih belum diperbaiki. Pada setakat ini pelantikan Ahli Majlis adalah tertumpu di tangan parti pemerintah. Tetapi proses pelantikan haruslah telus dan profesional. Ahli Majlis Pihak PBT yang dipilih bukan sahaja perlu memahami peranan masing-masing, tetapi sudi bekerjasama dengan Kerajaan Tempatan dan Kerajaan Negeri Selangor. Oleh itu satu sistem pemantauan perlu diujud dengan segera. Kaedah terkini yang digunakan telah dicatat dalam penyata PBT yang saya tidak akan ulang lagi. Ada enam proses yang dijawab oleh pihak EXCO tetapi kita berasa Teratai berasa ini tidak menyeluruh. Sebab Jawatankuasa JP-PBT Jawatankuasa PBT kena mengadakan satu sesi konsultasi tertutup dengan menjemput semua ADUN dengan memberi pandangan pada 2hb. Mac 2012. Dan secara kesimpulan dalam sesi pendengaran awam yang tertutup, pendengaran tertutup ada empat kelemahan diwujudkan iaitu :

- 1) Tiada prosedur standard yang ditetapkan;
- 2) Pelantikan yang tidak telus;
- 3) Tiada kaedah pemantauan yang di lakukan; dan
- 4) Terdapat banyak campur tangan dari pelbagai pihak.

Saya agak setuju dengan kelemahan-kelemahan di atas. Walaupun kita diberi borang penilaian setiap tahun untuk menilai Ahli Majlis, prestasi Ahli Majlis, tetapi pandangan yang dicatat merupakan satu rekod sahaja. Namun Ahli Majlis yang berprestasi tidak memuaskan terus dilantik. Selain itu setelah proses penilaian sudah tamat, borang penilaian sepatutnya di simpan untuk rujukan atau merupakan satu dokumen rahsia. Tetapi juga di dapati se setengah Ahli Majlis boleh baca isi kandungan. Saya berharap EXCO atau pegawai yang bertanggungjawab harulah mengambil perhatian dalam perkara ini. Oleh itu Teratai menyokong penuh syor-syor daripada Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan iaitu merujuk muka surat enam di dalam penyata JP-PBT. Izinkan saya bacakan syor tersebut.

- 1) Menerima cadangan nama calon-calon Ahli Majlis dari pelbagai pihak;
- 2) Membuat saringan latar belakang calon- calon Ahli Majlis yang dilaksanakan oleh Polis Di Raja Malaysia, Suruhan Pencegahan Rasuah Malaysia, dan Jabatan Insolvensi Malaysia;

- 3) Menjalankan temuduga bagi calon-calon Ahli Majlis yang layak;
- 4) Menetapkan penggal perkhidmatan Ahli Majlis;
- 5) Pelantikan Ahli Majlis hendaklah mengikut jadual yang ditetapkan;
- 6) Dicadangkan supaya tempoh pemantauan dan penilaian prestasi selama tiga bulan dilakukan ke atas Ahli Majlis yang telah dilantik;
- 7) Satu ujian melalui soal selidik diberi kepada calon yang akan ditemu duga yang bertujuan mengenal pasti calon tersebut memahami peranan atau kerja-kerja yang berkaitan dengan Ahli Majlis;
- 8) Senarai calon Ahli Majlis yang akan ditemu duga dipamerkan di dalam *internet*;
- 9) Ahli Majlis yang dilantik mestilah mampu berkhidmat; dan
- 10) Ahli Majlis mesti bermesyuarat sebulan sekali dengan Ahli Dewan negeri kawasan masing-masing.

Kalau seorang nak cari kerja kena ditemu duga, begitulah Ahli Majlis PBT yang berkhidmat untuk rakyat, perlu juga ditemu duga supaya kelayakan mereka disemak. Dalam pemerhatian saya dalam beberapa tahun ini, didapati bahawa di antara Ahli Majlis yang tidak tahu peranan mereka. Ada yang menganggap mereka salah seorang pegawai yang bekerja di dalam PBT dan ada yang memainkan peranan sebagai ADUN atau Ahli Parlimen. Oleh sedemikian, selepas pelantikan Ahli Majlis PBT, pihak EXCO perlulah memberi satu hala tuju yang jelas kepada mereka. Perjumpaan di antara Ahli Majlis dan ADUN setempat adalah penting untuk menyelaraskan program dan kerja-kerja yang kemungkinan bertindih. Kita faham Pihak Berkuasa Tempatan merupakan Kerajaan Tempatan yang mempunyai kuasa masing-masing. Tetapi pada setakat ini Ahli Majlis PBT masih dilantik dan bukan dipilih. Ahli Dewan Negeri bagi kawasan tempatan merupakan wakil yang *accountable* kerana masih ramai orang menganggap kesemua Ahli Majlis PBT di lantik oleh ADUN tempatan. Jadi hubungan Kerajaan Tempatan dengan Kerajaan Negeri adalah sangat rapat kerana satu pembangunan tempatan memerlukan kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Oleh sedemikian, Ahli Majlis perlu memahami hala tuju dan dasar Kerajaan Negeri Selangor supaya kerja-kerja mereka tidak bercanggah dengan hala tuju negeri Selangor.

Teratai menyokong penuh dengan mengujudkan satu sistem penilaian yang lagi menyeluruh supaya pandangan semua ADUN boleh di ambil berat dalam proses ini. Proses pemilihan sekarang terlalu subjektif dan perlulah diisi dengan penilaian secara objektif atau pun secara agregat. Contohnya pandangan parti 50%, pandangan wakil rakyat 30%, kehadiran mesyuarat dan kerja-kerja dalam zon 20%. Itulah cadangan sahaja. Maka pandangan kesemua pihak dapat di masukkan dalam penilaian dalam

pemilihan Ahli Majlis. Dengan ini Teratai ingin mengesyorkan supaya dewan menerima cadangan yang dikemukakan seperti yang tercatat dalam penyata JP-PBT. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker,

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih, terima kasih Dato' Speaker. Kampung Tunku berdiri untuk menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Teratai ini dan saya amat tertarik dengan beberapa cadangan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Teratai berkenaan dengan pemilihan Ahli Majlis ini dan saya ingin pergi kepada satu *point* yang saya rasa perlu diberi perhatian serius oleh eksekutif iaitu pemilihan pemantauan atau pun proses saringan yang harus diadakan diperingkat Jawatankuasa Pilihan Khas PBT ini di mana saya rasa cadangan ini telah pun dibincangkan berulang kali. Saya rasa tahun ini atau tahun depan bila kita menjadi kerajaan semula *Insyah-Allah*, kita akan dapat melaksanakannya iaitu Jawatankuasa Pemilihan Khas PBT harus di beri peluang untuk memantau, menyemak dan memilih Ahli-ahli Majlis di Selangor ini di mana mereka yang dilantik oleh Kerajaan Negeri sebelum pelantikan akhir atau pun rasmi dilakukan, Jawatankuasa Pilihan ada kuasa untuk menyemak kesesuaian setiap satu calon itu dan jikalau didapati mana-mana calon tidak sesuai ianya harus ditolak dan pihak eksekutif menimbang semula melantik semula seseorang yang lebih sesuai dan mendapat kelulusan daripada pihak Jawatankuasa Pemilihan Khas. Itu adalah satu yang saya rasa harus dilakukan. Yang Berhormat Teratai juga menyebut tentang satu cara pemilihan secara objektif dan atau pun secara agregat iaitu pandangan parti 50%, pandangan wakil rakyat 30%, kehadiran mesyuarat dan kerja-kerja zon 20 %. Saya rasa ini mungkin merupakan satu Benchmark yang boleh kita gunakan secara saintifik untuk menilai prestasi seseorang Ahli Majlis itu kerana sering kali kita menerima aduan bahawa seseorang Ahli Majlis itu tidak berfungsi. Jadi saya rasa kalau ada cara-cara penilaian seperti ini saya rasa ianya akan mengurangkan perselisihan faham di pelbagai peringkat terhadap prestasi seseorang Ahli Majlis itu. Akhir sekali saya ada satu, semasa lawatan saya ke United Kingdom di bawah program CPA saya berpeluang untuk meninjau perjalanan *local council* di Colchester dan saya tertarik dengan satu cogan kata yang ada di situ di mana *Like to say in English*, dengan izin, *A Councilor is a person work for the people in the council not a person who work in the council against the people*. Jadi saya rasa itu adalah satu cogan kata yang saya ingin berkongsi dengan rakan-rakan di sini dan saya berharap cadangan-cadangan yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat Teratai dapat di terima, dipertimbang di terima dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor satu hari nanti. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya Bangi.



**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Ya, Tuan Speaker Bangi berdiri untuk membahaskan usul no. 4 tahun 2012 usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Teratai. Pelantikan Ahli Jawatankuasa dalam PBT sebenarnya adalah bertujuan untuk mengukuhkan pentadbiran pada peringkat Kerajaan Tempatan dan juga sebenarnya mengukuhkan pemerintahan Kerajaan Negeri. ADUN dalam satu kawasan tidak dilantik dalam Ahli PBT ialah untuk mengelak daripada berlakunya penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Tetapi dari satu segi, pelantikan Ahli PBT sebenarnya mempunyai hubungan yang rapat dari segi mereka seharusnya bekerja, bekerjasama bagi kepentingan ADUN di mana dalam kawasan mereka pernah bekerja yang diwakilkan oleh yang mereka sebenarnya mereka duduk di bawah ADUN bagi kawasan mereka yang dilantik.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, boleh berhenti sebentar. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan dewan ini masih panjang, maka dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan YAB Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

Bahawasanya dewan yang bersidang pada hari ini mengikut peraturan 11 dan Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah dilanjutkan sehingga selesai semua aturan-aturan urusan mesyuarat hari ini.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun di sokong, saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Di persetujui. Bangi ya sila.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Oleh kerana Ahli PBT mempunyai hubungan yang rapat dengan Ahli Dewan Negeri yang dilantik di dalam kawasan dalam mana dia berkhidmat, jadi sepatutnya Ahli PBT ini mempunyai kerjasama yang erat antara Ahli PBT dengan ADUN sendiri sebab itu benda itu seharusnya mereka yang dilantik ini mempunyai kriteria-kriteria yang sesuai dengan keperluan negeri dan juga keperluan PBT juga keperluan ADUN yang menjadi wakil rakyat di dalam kawasan di mana Ahli PBT itu dilantik. Begitu juga untuk kita memastikan bahawa pelantikan Ahli PBT ini benar-benar menurut kaedah dan aturan bagi kepentingan rakyat setempat. Lebih-lebih lagi umpamanya kalau kita lihat sekarang ini elaun Ahli-ahli PBT telah dinaikkan daripada 600 dulu kepada 1,000 dan ini ertinya tanggungjawab seharusnya lebih besar dan sebagainya. So, tugas khidmat yang melibatkan tugas PBT dan juga melibatkan Ahli Dewan Negeri di kawasan itu perlulah diselaraskan, perlu kerjasama di dalam berbagai-bagai kegiatan kerana kalau tidak ia akan menjadi sebagai sesuatu implikasi dan dapat, kalau dapat kerjasama penyelarasan dapat

menggunakan tenaga sama dan mengurangkan dari segi perbelanjaan dan sebagainya. Dan kita tidak mahu berlakunya percanggahan antara Ahli PBT dengan Ahli Dewan Negeri yang dilantik. Dan kalau ini berlaku sebenarnya sesuatu yang malang kerana dia bekerja untuk menentang bukan sahaja Ahli Dewan Negeri yang dilantik tetapi juga bermakna kalau dianggap dia sebagai satu tugas yang bebas dan sebagainya dia boleh membawa kepada penentangan terhadap polisi Kerajaan Negeri dan juga ADUN yang membawa polisi Kerajaan Negeri. Sebab itu pemilihan perlu dilakukan secara cermat sebagaimana yang disyorkan, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Teratai tadi. Dan kalau kita lihat umpamanya dari segi kerja kerjasama ialah penggunaan kewangan. Kadang-kadang ahli PBT ni memerlukan peruntukan yang ada di bawah, apa dia ni. Ahli Dewan Negeri yang dilantik so kalau dia tidak, apa benda ni.. selari, bekerjasama, akan memasalahkan dari segi kegiatan dan boleh membawa pertentangan antara bukan sahaja Ahli Dewan Negeri dan ahli PBT tetapi juga mungkin melibatkan penduduk atau masyarakat setempat di mana kedua-duanya, apa benda ni berada, so, benda ni.. sebab itu, apa benda ni.. kita perlu meneliti seseorang ahli PBT yang hendak dilantik supaya, apa benda ni.. mereka tidak bekerja bersendirian, apa lagi bercanggah atau bertentang dengan polisi Kerajaan Negeri yang didukung oleh Ahli Dewan yang dilantik. Kerjasama antara kedua pihak amat penting antara ADUN dan ahli PBT yang dilantik, sebab itu, kita menyokong perlunya ada, apa benda ni peraturan-peraturan yang seharusnya dipatuhi oleh ahli PBT sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Teratai, so, Bangi menyokong usul No. 4 Tahun 2012. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Pihak kerajaan, sila menjawab kalau ada. Ya, Bukit Melawati. Sila.

**Y.B. TUAN IR. MUTHIAH A/L MARIA PILLAY:** Terima kasih Tuan Speaker. Bukit Melawati memang menyokong usul dibawa oleh Yang Berhormat Teratai berkenaan dengan Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan. Dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan, Sultan telah mengatakan kerajaan perlu menjadi sebuah kerajaan pintar atau *Smart Government*, yang mampu memenuhi amanah dan *mandate ....* dengan sebaik-baiknya. Cara kerja kerajaan perlu mengambil manfaat daripada teknologi, inovasi, dan penemuan-penemuan terkini yang relevan dari seluruh dunia. Saya akan lari dari sedikit dari tajuk pelantikan Ahli Majlis dalam PBT. Ekonomi menjadi pusat pemikiran kita apabila timbul isu-isu. Apabila kita berbincang tentang pertubuhan atau pembangunan kita biasanya tumpu kepada pengagihan dan aliran wang. Pembangunan sebuah negara biasanya diukur berasaskan keluaran dalam negara kasar (KDNK) iaitu *Gross Domestic Product* (GDP). KDNK adalah pengukur standard aktiviti ekonomi dan ia adalah kunci pengukur utama untuk polisi kerajaan dalam kebanyakan negara. Pembangunan dalam KDNK menyifatkan aktiviti ekonomi dan ini dianggap, dianggap rakyat yang berbelanja wang akan menaikkan kualiti hidup mereka. KDNK ataupun GDP ini tidak boleh digunakan untuk berfungsi sebagai pengukur kesejahteraan ataupun kebahagiaan negara. Ataupun dalam PBT juga, ahli ekonomi, Simon Kuznets, seorang pengasas dalam ciptaan GDP memujuk kongres United States dalam tahun 1934 untuk mengingatkan bawah kebajikan sesebuah negara tidak boleh ditentukan dengan pengukuran pendapatan negara sahaja. Pada tahun-

tahun kebelakangan ini dunia sedang mencari pelbagai alternatif untuk mengukur kebahagiaan sesebuah negara. Satu alternatif adalah *Indicator Gross National Happiness* ataupun Kebahagiaan Negara Kasar. Soalan utama ditanya kepada rakyat adalah, adakah kerajaan anda membuatkan anda lebih bahagia? *Is your government making you happier?* Kerajaan negeri Selangor semasa empat tahun ini telah membawa banyak program untuk rakyat. Kita berasa kita dalam politik anggap ini telah membawa kebahagiaan kepada rakyat. Ini kita kena tanya rakyat adakah mereka *appreciate* atau menghargai kerajaan, kerja kerajaan ataupun *happy* dengan kerajaan. Tetapi, kita tak ada satu *indicator* untuk menunjuk kepada rakyat kedudukan kebahagiaan mereka. Saya mencadangkan kerajaan Selangor menubuhkan satu organisasi *independent* atau bebas untuk *monitor* kebahagiaan rakyat di seluruh negeri dalam Malaysia. Kita boleh mula dengan Pihak Berkuasa Tempatan minta PBT ataupun organisasi *independent* temu duga kata lebih kurang 20% penduduk dalam kawasan mereka untuk mendapatkan satu *indicator*. *Gross National Happiness* atau Kebahagiaan Negara Kasar berasaskan atas premis bahawa pengiraan harta harus mempertimbangkan aspek-aspek lain selain daripada perkembangan ekonomi. Ia harus terlibat pemeliharaan alam sekitar dan kualiti kehidupan manusia. Matlamat masyarakat haruslah mengindikasikan perkembangan *material* dengan psikologi, kebudayaan dan aspek rohani. Semuanya berharmoni dengan bumi kita ini.

Sembilan dimensi dalam GNH atau *Gross National Happiness* adalah satu, kesejahteraan psikologi, *Psychological Wellbeing*. Ini akan menganalisis sanjungan diri atau pun *self esteem* seseorang individu. Tekanan atas kegiatan rohani, kewujudan emosi positif dan negatif sebagainya. Kedua, kesihatan ..., ketiga penggunaan masa. Ini menganalisis masa digunakan untuk rekreasi, bergaul dengan keluarga dan kawan-kawan, masa kerja, masa dibelanja dalam kesesakan trafik, masa dalam aktiviti pendidikan dan sebagainya. Keempat, daya hidup komuniti, *community vitality*. Ini bertumpu kepada perhubungan dan interaksi dalam komuniti. Kelima pendidikan, keenam kebudayaan, ketujuh alam sekitar, *environment*. Ini mengukur persepsi rakyat atas kualiti air, udara, tanah, keluasan hutan dan lain-lain. Kelapan, tadbir urus *Governance of the government*. Ini menilai bagaimana penduduk memandang kerajaan, media, sistem kehakiman, polis dan lain-lain. Kesembilan, taraf hidup, *standard of living*. Ini mengukur pendapatan individu dan keluarga, sekuriti kewangan, sekuriti pekerjaan, kualiti perumahan dan sebagainya. Untuk panduan kita boleh menggunakan indeks yang dicipta oleh asas ekonomi baru ataupun *The New Economics Foundation of United Kingdom*, yang dikenali sebagai *Planet Index* Bahagia ataupun *Happy Planet Index*. *Recommended Reasonable Ideal Index* adalah 83.5. Untuk makluman, Malaysia ditempatkan nombor 44 dalam 178 negara dalam dunia dengan *Happy Planet Index* (HPA) 52.7. Indonesia ditempatkan nombor 23, dia lagi atas dari kita. China nombor 31, India 62, United Kingdom 108, Singapura 131, Amerika Syarikat 150 sebagainya. Yang lebih itu tak berapa baik, dia bukannya *happy*. Untuk, sungguhpun GDP negara maju itu tinggi tetapi kedudukan HPA adalah rendah. Untuk perbandingan dari *World Bank Report 2010*, GDP per kapita Malaysia adalah RM44,000 setahun. United States adalah RM141,600, Libya, *and I compare* dengan Libya, RM51,000 satu tahun. Ini kekayaan dari minyak tetapi adakah rakyat Libya *happy*? Tengok apa yang terjadi dalam Libya? Harap Malaysia dapat belajar dari

peristiwa yang berlaku dari dalam Libya ini. Harap Selangor dapat tubuhkan satu organisasi untuk 'monitor' *Happy Selangor Index* di semua 12 PBT di Selangor. Lepas itu, kita boleh tubuhkan satu organisasi untuk ukur *Happy Malaysia Index* kalau perlu dalam semua negeri-negeri dari Perlis ke Sabah. *Are the people happy with the government?* Adakah rakyat bahagia? Tugas kerajaan adalah beri kebahagiaan kepada rakyat. Dengan itu Bukit Melawati menyokong usul ini, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan dewan ini, ialah satu usul yang berbunyi, bahawasanya mengikut Perenggan 5 dalam Peraturan Tetap 76 bagi Dewan Negeri Selangor, Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya syor-syor yang terdapat dalam Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) berkenaan pelantikan Ahli Majlis bagi Pihak Berkuasa Tempatan seperti di Kertas Mesyuarat Bil. 2 Tahun 2012 diterima. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya, (suara ramai ya), Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui.

### **Usul No. 5 Tahun 2012**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, usul No. 5 Tahun 2012, usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, bahawasanya mengikut Perenggan 5 dalam Peraturan Tetap 76, Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya syor-syor yang terdapat dalam Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pejabat Daerah dan Tanah yang dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 4 Tahun 2012 adalah diterima. Tuan Speaker, sepanjang tahun 2011, Jawatankuasa Pilihan mengenai Pejabat Daerah dan Tanah telah mengadakan sebanyak tujuh kali mesyuarat dan lawatan. Pada setiap mesyuarat yang diadakan, Jawatankuasa Pilihan PADAT menjemput Pegawai Daerah dan pegawai-pegawai yang terlibat supaya hadir memberi penjelasan dan taklimat terhadap isu-isu yang berbangkit. Kita sedia maklum peranan Jawatankuasa PADAT adalah untuk memantau-selia perkhidmatan dan pengurusan Pejabat Daerah dan Tanah di seluruh negeri Selangor dan kemudiannya menyediakan satu laporan yang mengandungi fakta penemuan dan kisah benar sesuatu isu yang berlaku serta cadangan dan syor-syor penambahbaikan untuk dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingin menghuraikan beberapa isu dan permasalahan yang timbul termasuk pembermilikan geran hak milik individu di Taman Murni Sepang yang sering dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Pelek pada 17 Februari 2011, Jawatankuasa Pilihan PADAT telah turun padang membuat lawatan ke Pejabat Daerah dan Tanah Sepang di samping mengadakan mesyuarat dan taklimat mengenal pasti permasalahan apakah punca sebenar yang berlaku dan kekangan terhadap isu Taman Murni yang melibatkan seluas 30 ekar tanah yang diluluskan oleh MMKN Bil. 10/89 pada 14/6/1989 kepada Tetuan Syarikat Asas Tani Sdn Bhd bagi tujuan pembangunan bercampur dengan syarat-syarat seperti berikut:

- i. Pembangunan pembinaan rumah kos rendah

- ii. Hak milik blok diluluskan dan penyerahan oleh pemaju berdasarkan Pelan Pembangunan yang diluluskan
- iii. Premium sebanyak RM200 seekar.

Walau bagaimanapun setelah pembangunan dijalankan, pihak syarikat hanya menjelaskan sebahagian daripada bayaran premium dan masih mempunyai baki tunggakan sebanyak RM181,129.10 maka hak milik individu tidak dapat dikeluarkan dan tertangguh sehingga kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih tampuk pemerintahan barulah permasalahan tersebut ditimbulkan untuk penyelesaian. Tuan Speaker, setelah Jawatankuasa Pilihan PADAT membuat penelitian dan mesyuarat dengan Pejabat Daerah dan Tanah Sepang serta jabatan-jabatan yang berkaitan termasuk Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor telah mendapat di dokumen permohonan hak milik tanah yang dikemukakan tidak lengkap termasuk borang 12A tidak disempurnakan oleh tuan tanah iaitu Syarikat Asas Tani Sdn Bhd. Sementara itu, perkara yang paling penting adalah pihak tuan tanah tidak melangsaikan cukai tanah yang tertunggak sebanyak RM181,127.10 dari tempoh 1996 hingga 2010. Justeru itu Jawatankuasa Pilihan PADAT telah mengesyorkan agar masalah tunggakan cukai tanah ini dapat dipanjangkan Pejabat Daerah dan Tanah Sepang ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk dipertimbangkan. Memandangkan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar memang prihatin dan mengambil sikap kepedulian terhadap masalah rakyat maka pada mesyuarat MMKN Bil. 42/2010 telah bersetuju melupuskan tunggakan cukai tanah sebanyak RM181,127.10 supaya tindakan susulan untuk pemberimilikan geran tanah dapat diberikan kepada penduduk Taman Murni demi kepentingan dan kesejahteraan mereka. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setelah segala urusan *beres* dan pada 29 September 2011 mesyuarat MMKN telah menimbang dan meluluskan permohonan berkelompok pemberimilikan tanah di Taman Murni 1 bandar Sepang tambahan sebanyak 314 pemohon telah menerima notis 5A pada 13 Januari 2012. Walau bagaimanapun masih terdapat sebahagian kecil pemohon yang masih mempunyai masalah belum lagi mendapat kelulusan notis 5A tetapi jelas terbukti dalam konteks ini bagaimana kerajaan Pakatan Rakyat menyelesaikan masalah rakyat dengan penuh amanah dan bertanggungjawab tanpa meminggirkan mana-mana kawasan walaupun ini adalah isu yang berlaku di kawasan yang diwakili oleh Sungai Pelek daripada pembangkang. Tuan Speaker, isu seterusnya adalah berkaitan dengan kes aduan oleh Syarikat H&L Multi-Trans Sdn Bhd yang bersabit dengan 3 buah lori milik syarikat telah ditahan dan diperiksa oleh pasukan penguat kuasa Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor pada 14 Julai 2010, lebih kurang jam 4.45 pagi. Setelah diperiksa didapati ketiga-tiga lori tersebut tidak mempunyai doket ataupun kupon pengeluaran pasir yang sah. Maka dengan itu ketiga-tiga lori dirampas dan ditahan serta dibawa balik ke Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor untuk tindakan selanjutnya. Pada 2 Ogos 2010 kes ini telah dirujuk kepada Pegawai Undang-undang Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor dan seterusnya dipanjangkan kepada Pegawai Undang-undang dan Timbalan Pendakwa raya Kamar Penasihat Undang-undang untuk mendapatkan pandangan dan semakan. Selepas menunggu daripada

pihak Pejabat Tanah dan Daerah lebih kurang 10 bulan pengusaha syarikat berkenaan telah mengadu masalah kelewatan tersebut kepada Jawatankuasa Pilihan PADAT. Memandangkan telah wujud kelewatan yang sangat serius, maka Jawatankuasa PADAT telah mengadakan satu mesyuarat bersama dengan jabatan yang berkaitan termasuk Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor dan juga Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor bagi memperhalus apakah punca sebenar wujud kelewatan membuat keputusan yang sedemikian. Sehubungan itu Jawatankuasa Pilihan PADAT memang menyokong langkah Kerajaan Negeri berusaha keras membanteras kegiatan-kegiatan mencuri pasir di negeri Selangor demi kepentingan rakyat negeri Selangor kerana apabila sesuatu kes kecurian pasir dapat diminimumkan dan pengurusan pasir dapat dijalankan oleh Kumpulan Semesta dengan sistematik. Justeru itu sudah pasti keuntungan hasil pasir negeri akan meningkat. Tuan Speaker, walau bagaimanapun dalam konteks kes Syarikat Multi-Trans Sdn Bhd ini keputusan sama ada kes mengangkut pasir tanpa doket ini dapat dihadapkan ke mahkamah atau diberi tawaran membayar kompaun tidak diputuskan oleh jabatan-jabatan yang berkaitan. Masing-masing cuba tidak mahu mengambil tanggungjawab dan kata putus ekoran terdapat arahan daripada pihak Kerajaan Negeri bahawa mana lori yang disabitkan dengan kecurian pasir akan dirampas tetapi arahan tersebut samar-samar dan tidak jelas. Wujud kelemahan dalam konteks ini. Persoalan yang timbul adalah walaupun kita sedia maklum mengangkut pasir tanpa doket dan mencuri pasir itu jelas salah dan bertentangan dengan undang-undang tetapi Jawatankuasa Pilihan PADAT mendapati kita juga wajib berlaku adil kepada pengusaha-pengusaha lori kerana mereka juga bergantung pada lori-lori tersebut untuk mencari nafkah hidup. Adalah tidak wajar sekiranya pihak kerajaan terus melengah-lengahkan masa untuk membuat sesuatu keputusan dan seterusnya menyebabkan pada pengusaha terus menunggu. Ini akan menyebabkan kesulitan dan juga kerugian kepada pengusaha-pengusaha lori. Jangan kita pandang remeh, ini adalah kes yang kecil dan tidak perlu diberi perhatian kerana kes yang sedemikianlah berlaku setiap hari, setiap masa dan kelewatan yang sedemikian serius sudah pasti akan mencemarkan imej Kerajaan Negeri dan seterusnya menghakis keyakinan rakyat terhadap keberkesanan dan keupayaan sistem pentadbiran dan pengurusan Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, setelah Jawatankuasa Pilihan PADAT sekali lagi membuat mesyuarat pada 15 September 2011 dan memanggil pihak Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor untuk memberi taklimat dan penjelasan apakah langkah-langkah penyelesaian terhadap isu tersebut. Akhirnya walaupun lambat tetapi kes ini sudah diselesaikan melalui mesyuarat MMKN ke-41/2010 pada 24 November 2010 dengan menawarkan kompaun seperti berikut;

Kategori kesalahan mengangkut bahan batuan di atas jalan raya kapasiti bilangan tayar lori

- i. 6 tayar RM5,000,
- ii. 10 tayar RM7,500,
- iii. 12 tayar RM10,000.

Setiap penambahan 2 tayar, tambah RM2,500.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Sekinchan, sama ada keputusan oleh keputusan ini adalah satu keputusan *accross the board* ataupun keputusan untuk kes khusus yang dibangkitkan Yang Berhormat kerana saya difahamkan banyak pengusaha-pengusaha lori yang cuba mengadu bahawa lori mereka ditahan dan mereka tidak tahu apa yang perlu dilakukan oleh mereka untuk mendapat lori mereka kembali daripada Pejabat Tanah dan Daerah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Kampung Tunku kerana memberi *info*. Saya memang setuju dengan pandangan Kampung Tunku memang terdapat bukan sahaja pengusaha yang saya *highlight*kan dalam penyata ini yang diberi perhatian oleh Jawatankuasa Pilihan PADAT, banyak juga pengusaha-pengusaha yang lain juga menghadapi masalah yang sama. Lori mereka disita dan ditahan mengambil masa yang terlalu panjang untuk urusan seterusnya saya tidak menghalang pihak kerajaan mengambil tindakan keras kepada mereka yang mencuri pasir supaya mereka dapat kembali ke landasan yang asal, tidak terlibat dalam kegiatan aktiviti mencuri pasir tetapi pada masa yang sama, penjelasan kita adalah perlu memberi keadilan kepada mereka supaya apa langkah keputusan yang kita buat sama ada kompaun sama ada yang tawar mereka ke mahkamah dibuat dalam masa yang terdekat. Jangan mengambil dalam konteks kes ini lebih daripada 10 bulan ataupun 1 tahun. Ini satu penganiaya, satu ketidakadilan kepada mereka. Saya harap pihak kerajaan dapat meneliti dalam persoalan ini supaya segala urusan keputusan ini dapat dipercepatkan. Pada masa yang sama, Jawatankuasa PADAT juga mendapati dan mengesyorkan ditambah bilangan anggota-anggota penguatkuasaan khususnya dalam konteks untuk mencegah kecurian pasir dan bahan batuan di setiap Pejabat Daerah dan Tanah termasuk skuad elit di Pejabat Tanah dan Galian (PTG) kerana memang terdapat masalah kekurangan anggota penguatkuasaan dan juga kelengkapan serta peralatan semasa menjalankan operasi menangkap mereka yang mencuri pasir. Ini amat penting memandangkan sindiket-sindiket yang mencuri pasir memang terkenal dengan kekerasan dan ala gengster. Maka dengan itu sekiranya berlaku serangan dan sebagainya agak sukar untuk anggota kita mempertahankan diri. Harus kita sedar bahawa kerja-kerja mencekup sindiket kecurian pasir memang berisiko tinggi dan berbahaya dan sekali gus mengancam keselamatan. Justeru itu seperti syor-syor dalam Jawatankuasa Pilihan PADAT, kalau boleh anggota penguatkuasa kita ini dibekalkan senjata dan peralatan yang canggih seperti sistem telekomunikasi yang canggih dan terkini dan kenderaan pacuan 4 roda yang dilengkapi dengan teknologi tinggi dan sekali gus diberi perlindungan insurans nyawa yang lebih komprehensif yang sesuai dengan tugasnya yang berisiko tinggi dan sangat mencabar. Tambahan pula wajar disediakan ganjaran-ganjaran tertentu yang bersesuaian difikirkan untuk menggalakkan pegawai penguatkuasa kita bekerja keras dengan gigih untuk membendung kegiatan mencuri pasir. Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang isu permohonan pemberimilikan tanah kerajaan di Lot PT 18908, Taman Sri Muda, Bukit Kemuning, Mukim Klang, Selangor seperti dalam kandungan Penyata PADAT yang dibentangkan dalam isu kelulusan tanah ini sekali lagi terbukti bahawa kerajaan Barisan Nasional dahulunya memang mengambil kesempatan dengan kuasa yang ada untuk

meluluskan tanah milik kerajaan kepada parti UMNO serta kepentingan UMNO tetapi bukan kepentingan rakyat dengan erti kata yang lain guna kuasa yang ada di tangan mereka untuk sapu tanah rakyat berdasarkan penemuan Jawatankuasa Pilihan PADAT, bahawa terdapat perbezaan keputusan MMKN Bil. 3/2007 dan Bil. 27/2007 dengan kertas ringkasan asal dari Pejabat Daerah dan Tanah iaitu MBSA. Kelulusan diberikan 4 ekar kepada MBSA dan 3 ekar untuk UMNO Kota Raja. Apa yang memeranjatkan kita ialah setelah kertas ringkasan asal dari Pejabat Tanah dan Daerah Klang telah diubah kemudiannya oleh MMKN akhirnya MBSA dapat 3 ekar manakala 4 ekar untuk UMNO Kota Raja dalam konteks ini jelas peranan Jawatankuasa Tanah dan Daerah yang diwujudkan dulu memang banyak menimbulkan masalah daripada menyelesaikan masalah rakyat seluruhnya Ahli Dewan Yang Berhormat ketika itu ialah ahli dalam Jawatankuasa Tanah dan Daerah sepatutnya mereka berada di jawatankuasa tersebut adalah untuk membantu menyelesaikan masalah tanah yang dihadapi oleh rakyat jelata tetapi keadaan sebaliknya pula berlaku dalam kes kelulusan tanah kepada UMNO Kota Raja. Ini mereka yang duduk di dalam jawatankuasa adalah Ahli Yang Berhormat ketika itu sebagai contoh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman Palil ADUN Yang Berhormat daripada Sementa, Yang Berhormat Dato' Ahmad Nawawi bin Dato' Mohd Zain bekas ADUN Kota Anggerik pada ketika itu, Yang Berhormat Teh Kim Poh ADUN Pandamaran yang dulu, Yang Berhormat ADUN Sri Muda tetapi bukan yang Sri Muda sekarang, ADUN Sri Muda yang dulu Dato' Haji Hamzah bin Omar dan lain-lain lagi seperti dalam cabutan minit mesyuarat yang saya ada ini. Oleh yang demikian langkah kerajaan Pakatan Rakyat pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dengan tegasnya mengarahkan semua Ahli Yang Berhormat Pakatan Rakyat tidak dibenarkan duduk dalam Jawatankuasa Tanah dan Daerah. Inilah bukti ketelusan dan kebertanggungjawaban kerajaan Pakatan Rakyat yang jauh berbeza dengan Barisan Nasional yang hanya mencari peluang untuk sapu tanah rakyat demi kepentingan suku sakat mereka sahaja. Tuan Speaker, selain daripada itu Jawatankuasa Pilihan PADAT juga memantau dan mengenal pasti bagaimana kaedah-kaedah dan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh setiap Pejabat Daerah dan Tanah di seluruh negeri Selangor khususnya tentang prestasi kutipan cukai semasa dan kutipan tunggakan hasil cukai. Pada keseluruhannya prestasi kutipan cukai semasa adalah memuaskan di mana sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri adalah 90% bagi kutipan cukai semasa dan 75% bagi kutipan cukai tunggakan. Memandangkan banyak Pejabat Daerah dan Tanah berjaya mencapai sasaran, matlamat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri maka saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada seluruh pegawai dan kakitangan warga Pejabat Daerah dan Tanah kerana telah bekerja keras untuk mencapai matlamat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Sehubungan dengan itu saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan PADAT yang telah memainkan peranan yang aktif dan melaksanakan tanggungjawab dengan gigih sepanjang tahun 2011. Tidak saya lupa juga bantuan daripada Jabatan Audit Negeri Selangor, Pegawai Kewangan Negeri dan juga urus setia Pejabat Dewan Negeri Selangor dalam menjayakan semua program lawatan dan taklimat serta penjelasan terhadap apa pun isu dan persoalan yang berbangkit. Namun begitu, saya juga berharap wakil rakyat daripada pembangkang yang menyertai Jawatankuasa Pilihan Padat, iaitu Yang Berhormat Sg. Pelek dapat memainkan peranan dalam dengan lebih



aktif dan dapat hadir bersama pada setiap mesyuarat dan lawatan yang dilakukan. Bukan hanya dalam rekod dalam 7 mesyuarat, beliau hanya hadir sekali tetapi mengatakan beliau hadir. Hah! Ini peranan begitu cukup hambar ini tidak selaras dengan peranan sebagai Ahli Jawatankuasa Dewan dan seterusnya saya juga.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Yang Berhormat, minta penjelasan. Bukan ke Yang Berhormat tahu sebenarnya kehadiran satu kali itu pun kiranya sudah cukup cemerlang kerana dalam Jawatankuasa-jawatankuasa yang saya merupakan anggota tak ada satu kali pun Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional yang menghadiri mesyuarat.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Kg. Tunku. Memang dalam Jawatankuasa Pilihan PADAT hanya ada satu kali sahaja, satu kali dalam setahun, 7 kali mesyuarat, satu kali sahaja Sg. Pelek datang. Ia itu pun, kita turun ke kawasan Pejabat Daerah dan Tanah, Sepang di kawasan DUN beliau. Hah! Beliau sekali datang yang lain seluruhnya tak datang, tak datang apa pun. Saya pun tak tahu. Inilah antara contoh-contoh dan sikap, perangai pihak pembangkang yang tidak mahu berperanan, memberi kerjasama seperti dalam Titah Ucapan Tuanku, kita walaupun boleh berpandangan, berbeza pandangan dalam konteks politik tetapi soal urusan Dewan, memikul tanggungjawab, amanah daripada rakyat kita harus berperanan untuk menjayakan tetapi mereka ternyata hambar dan menghampakan rakyat lesu dalam keadaan ini dan akhir sekali saya mohon mencadangkan Penyata Jawatankuasa Padat adalah diterima. Sekian sahaja, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Speaker, saya berdiri untuk menyokong Usul yang dibawakan oleh Sekinchan berkenaan dengan Jawatankuasa Pilihan Pejabat Tanah. Pejabat Daerah dan Tanah ataupun PADAT. Sepanjang berada dalam Jawatankuasa ini memang mesyuarat dan juga lawatan-lawatan yang dilakukan telah pun mencakupi saya rasa lebih daripada 7 Pejabat Tanah dan Daerah yang mana kita secara tidak langsung mengambil beberapa aduan-aduan yang dikemukakan oleh pengadu-pengadu dan juga rekod-rekod yang dikemukakan yang ada dalam simpanan Pejabat Daerah untuk diteliti dan sepanjang tempoh mengadakan siasatan itu, kita mendapati terdapat banyak beberapa kelulusan-kelulusan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sekinchan. Kelulusan-kelulusan yang boleh dipertikaikan. Kelulusan-kelulusan yang diputuskan berasaskan kepada kepentingan-kepentingan politik semata-mata.

Yang Berhormat Speaker, pada hari ini saya ingin mendedahkan dan melanjutkan tentang apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sekinchan berkenaan dengan tanah di Lot 18908, Seksyen 25, Taman Seri Muda, Mukim Klang, Daerah Klang. Tanah ini adalah tanah yang pada asalnya dipohon oleh 12 buah pihak, 12 buah, 12 persatuan ataupun pihak ataupun individu yang mana akhirnya keputusan yang diputuskan dalam Jawatankuasa Tanah telah mencadangkan untuk diberikan permohonan ini kepada 2 pihak sahaja. Daripada 12 pemohon, saya ingin namakan 12 pemohon ini untuk tujuan rekod Dewan kerana mereka adalah pimpinan-pimpinan yang rapat dengan UMNO dan

juga Barisan Nasional. Ini perlu dilakukan kerana mereka sering menuduh bahawa kita tidak mengemukakan bukti.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pemohon yang pertama yang bernama Tetuan New Acers Sdn. Bhd. dan juga Syarikat Bumi Murni Sdn. Bhd. yang beralamat di Kuala Lumpur. Mereka adalah pihak yang sebelumnya memiliki tanah ini tetapi telah pun dibatalkan pemilikan tersebut. Pemilikan tanah tersebut kerana gagal untuk membayar cukai tanah. Yang kedua Syarikat bernama Tetuan Talian Kurnia Sdn. Bhd. beralamat di Kuala Langat yang memohon tanah ini untuk dibangunkan dengan bangunan kediaman. Yang Ketiga, Tetuan Alam Damai Development Sdn. Bhd. yang beralamat di Taman Alam Megah, Shah Alam yang juga memohon tanah ini untuk bangunan kediaman. Yang Keempat adalah daripada Majlis Bandar raya Shah Alam sendiri yang memohon tanah ini pada, yang memohon tanah ini sepenuhnya ataupun sebahagian daripada kawasan berjumlah 7.08 ekar. Yang Kelima, Tetuan Maha Positif Sdn. Bhd. yang beralamat di Taman Seri Muda, Shah Alam untuk pembangunan bercampur. Yang Keenam, Tetuan Anggun Prestij Sdn. Bhd. yang beralamat di Jalan Kapar, syarikat ini lembaga pengarahnya terdiri daripada 1. Kamal Ariffin bin Kainin, Timbalan Ketua UMNO Bahagian Kota Raja. Kedua Mohd. Rashid bin Selamat dan yang ketiga Misnan bin Ahmad, Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Kota Raja. Jadi ini merupakan antara bukti bagaimana pimpinan-pimpinan UMNO mereka mengambil kesempatan daripada Jawatankuasa Tanah yang diduduki oleh Ahli-ahli Dewan untuk memohon tanah bagi pihak mereka. Satu lagi ialah Syarikat yang bernama Tetuan Ikram Ikhlas Sdn. Bhd. yang beralamat di Petaling Jaya yang memohon untuk pembangunan bercampur yang Kelapan ialah Tetuan Yil Sdn. Bhd. yang beralamat di Jalan Goh Hock Huat, Klang yang juga bermohon untuk bangunan kediaman. Yang Kesembilan, Syarikat Tetuan Splendid Marketing Sdn. Bhd. yang beralamat di Pandamaran, Pelabuhan Klang memohon untuk bangunan kediaman yang Kesepuluh, pemohon bernama Dato' Hamzah bin Umar yang beralamat di Taman Seri Andalas, Klang, No. Kad Pengenalan: 440327-04-5227, beliau adalah merupakan Ketua UMNO Kota Raja pada waktu itu dan Pengerusi Barisan Nasional Kota Raja dan juga merupakan Ahli Dewan Negeri Seri Muda pada masa itu. Yang Kesebelas ialah Tetuan Luhur Cahaya Engineering Construction Sdn. Bhd. beralamat di Jalan Kapar, Klang yang juga bermohon untuk pembangunan perniagaan dan yang terakhir ialah Tetuan Daya Pesat Sdn. Bhd. yang beralamat di Taman Seri Muda yang juga bermohon bangunan kediaman. Daripada 12 pemohon-pemohon ini, sepatutnya kebiasaannya dalam kelulusan permohonan tanah diberikan kepada mereka yang bermohon lebih awal tetapi dalam kes ini kita lihat bagaimana Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Tanah yang dilakukan pada tahun 2007 telah mencadangkan supaya tanah ini diberikan kepada UMNO Kota Raja seluas 3 ekar dan kemudian Majlis Bandar raya Shah Alam seluas 4 ekar. Apa yang ingin saya cadang, apa yang ingin saya sebutkan di sini ialah bagaimana penyalahgunaan kuasa telah berlaku di peringkat yang dipengerusikan oleh Pengerusi UMNO negeri Selangor yang membuat keputusan akhirnya memberikan tanah ini, 4 ekar kepada UMNO Kota Raja dan 3 ekar kepada Majlis Bandar raya Shah Alam. Ini merupakan satu bentuk penyalahgunaan kuasa kerana mereka yang terlibat adalah mereka-mereka yang mempunyai kepentingan secara langsung dengan UMNO negeri Selangor, itu kes yang pertama.

Yang Berhormat Tuan Speaker, ini adalah antara beberapa bentuk penyelewengan-penyelewengan yang berjaya dilakukan siasatan yang agak lanjut dan mendalam oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Pejabat Daerah dan Tanah. Satu lagi adalah kes yang melibatkan satu pembaziran. Yang ingin saya kemukakan dalam sidang Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan Negeri dapat mengambil satu tindakan yang bersesuaian, satu tindakan yang perlu untuk memberi, memperbaiki sebarang bentuk kelemahan iaitu sebuah lot tanah di PT 1935 Mukim Sg. Panjang, tanah milik Kerajaan yang mana kita dapati di atas tanah itu terdapat sebuah kem motivasi yang dipanggil Kem Motivasi Sepintas. Bangunan ini pada hari ini berada dalam keadaan yang amat daif, rosak dimakan oleh anai-anai dan ianya telah didirikan semasa pentadbiran zaman kerajaan UMNO dan Barisan Nasional. Lawatan kita ke kawasan ini mendapati bahawa ianya perlu di baik pulih dan boleh digunakan tempat ini sebagai suatu tempat untuk mengadakan kursus bagi kegunaan jabatan-jabatan, agensi sekolah dan juga pihak-pihak persendirian. Kita mendapati bahawa selepas pentadbiran negeri Selangor diambil alih oleh Kerajaan Pakatan Rakyat, Dewan ini telah dibiarkan dalam keadaan usang dan adalah sesuatu yang amat merugikan kerana Kem Motivasi yang cukup besar ini telah ditinggalkan begitu sahaja. Satu perkara lagi yang ingin disebutkan hasil daripada lawatan yang dilakukan oleh Pejabat, oleh Jawatankuasa Padat di satu tempat yang berada di Mukim Sabak, Sabak Bernam. Satu tempat yang dinamakan ILDAS iaitu sebuah tempat yang juga ditinggalkan seperti mana yang berlaku di Sepintas di mana tempat-tempat yang boleh digunakan dibiarkan dalam keadaan yang tidak terurus dan akhirnya dimakan oleh anak-anai.

Tuan Speaker, daripada lawatan-lawatan dilakukan oleh Jawatankuasa ini kita mendapati bahawa memang daripada peringkat awal sebarang projek yang dilakukan oleh mereka-mereka yang ada kaitan dengan kepimpinan UMNO dan juga Barisan Nasional adalah merupakan satu projek yang akhirnya akan terbengkalai, rosak dan tidak memberi manfaat kepada orang ramai. Justeru itu, saya ingin akhiri dan menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ialah satu Usul yang berbunyi, "Bahawasanya mengikut Perenggan 5 dalam Peraturan Tetap 76, Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya syor-syor yang terdapat dalam Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pejabat Daerah dan Tanah yang dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 3 Tahun 2012 adalah diterima."

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

### **Usul No. 6 Tahun 2012**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya. Usul No. 6 Tahun 2012. Usul di bawah Peraturan Tetap 27(3) oleh Yang Berhormat Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, bahawasanya Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Negeri Selangor menyegerakan pembinaan tapak letak kereta dan pasar di Taman Sri Muda, Seksyen 25, Shah Alam atas keperluan dan permintaan penjaja setempat. Kos pembinaan yang semakin meningkat sejak 11 tahun yang lalu.

Tuan Speaker, saya terpanggil untuk membawa Usul ini ke dalam Dewan yang mulia ini atas kepentingan awam dan rakyat negeri Selangor. Projek pembinaan sebuah pasar moden ini mulai diusahakan sejak tahun 2004 iaitu hampir 8 tahun dahulu. Pada asalnya Majlis Bandar raya Shah Alam telah mencadangkan dan meluluskan ia dilaksanakan melalui kaedah penswastan antara MBSA dan TARWAY, Tetuan Tarway Trading Sdn. Bhd. untuk makluman Dewan yang mulia ini Tarway Trading Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat swasta yang berdaftar di bawah Akta Syarikat menerusi Suruhanjaya Syarikat Malaysia ataupun lebih dikenali sebagai SSM. Projek ini kemudiannya telah dinamakan sebagai Projek Usaha sama di antara MBSA dan Tarway Trading Sdn. Bhd. cadangan pembangunan tempat letak kereta serta sebuah gerai dan pasar 4 tingkat, 160 unit yang mengandungi 69 unit pasar kering di tingkat bawah. 24 unit gerai makan dan minum di tingkat 1, tandas awam lelaki dan perempuan di tingkat 1, dua unit surau lelaki dan perempuan di tingkat 1. 2 unit tempat pembuangan sampah di tingkat bawah satu unit pencawang elektrik di tingkat bawah kemudiannya tempat letak kereta di tingkat bawah, tingkat 1, 2 dan 3.

Tuan Speaker, perancangan asal projek ini terletak di nombor 2 di atas tanah seluas 1.37 ekar Jalan Mewah 25/63 Taman Sri Muda, Seksyen 25, 40400 Shah Alam, Selangor. Ya, iaitu usaha bersama di antara Tetuan dan MBSA dan Tarway Sdn. Bhd. Sehubungan dengan itu lama pengusaha daripada Tarway ialah Mr. Lee Teck Choon, alamat 27A Jalan Mahmud, 25/64 Taman Sri Muda, Shah Alam. Melalui semakan lanjut ada didapati Majlis Bandaraya Shah Alam telah memberikan kelulusan pelan pada 31 Januari 2008 iaitu Pelan No. MBSA/PGR/KMPP/SEK 25/004/4/08. Antara maklumat utama projek penswastan ini adalah untuk menempatkan semula 114, 114 peniaga kecil atau pun penjaja yang berlesen daripada MBSA boleh mencari rezeki mereka untuk menyara hidup anak isteri mereka. Semua 114 peniaga berlesen dan sedang berniaga di situ dalam keadaan tidak terancang, kotor, tidak selesa dan tahap kebersihan yang amat membimbangkan. Namun demikian mereka sebagai peniaga kecil tiada pilihan lain, mereka tidak dapat, tidak terpaksa bertapak di situ juga. Walau bagaimanapun mereka 114 peniaga ini amat mengharapkan pihak berkuasa negeri atau pun tempatan dapat membina nasib mereka dengan hanya menyediakan satu tempat perniagaan yang lebih sesuai dan selesa untuk mereka mencari nafkah hidup.

Tuan Speaker, disebabkan kekecewaan mereka sekian lama terhadap pentadbiran yang lalu kerana gagal menunaikan janji-janji mereka pada ketika itu, maka mereka telah memberikan dokongan dan sokongan kepada kerajaan di bawah Pakatan Rakyat dengan satu harapan agar hak dan nasib mereka akan dibela dengan lebih adil dan saksama. Hasrat mereka hanya satu selepas pasar awam ini siap dibina maka mereka akan dapat pindah masuk ke dalam berbanding dengan suasana tegang yang agak berkecamuk tidak teratur dan berniaga di bawah payung-payung yang tidak teratur.

Dalam sepanjang tempoh lapan (8) tahun yang lalu berbagai mesyuarat dan rundingan telah di antara MBSA dan Tarway Trading Sdn. Bhd. begitu juga dengan mesyuarat dan rundingan di antara Tarway Trading Sdn. Bhd. dengan Persatuan Penjaja yang terlibat sepertimana yang disenaraikan dalam di bawah surat tawaran penswastaan telah diberikan kepada Tarway Trading. Kelulusan pelan-pelan pembangunan seperti pelan bangunan, kejuruteraan, kerja tanah telah dikeluarkan oleh MBSA. Tarway Trading juga telah memperoleh kelulusan teknikal agensi kerajaan yang lain seperti TNB dan sebagainya. Oleh yang demikian pemohon menukar syarat projek daripada BOT (*Built, Operate and Transfer*) kepada BOO (*Built, Operate and Own*). Pada tarikh 30 November 2009 MBSA telah secara rasminya memaklumkan kepada Tetuan Tarway Trading bahawa projek penswastaan ini ditamatkan, ditamatkan selepas itu difahamkan pengurusan MBSA telah bersetuju untuk mengambil alih projek ini di bawah binaan Majlis sendiri. Tambahan pula Majlis juga telah memperuntukkan RM4 juta, RM4 juta dalam Belanjawan tahunan ini sebenar untuk tujuan pembinaan pasar ini.

Tuan Speaker, apa yang memeranjatkan dan melukakan cita peniaga adalah selepas kurang lapan (8) tahun iaitu mulai 13.1.2004 mesyuarat pertama penyelesaian penempatan semula penggerai Taman Sri Muda dijalankan, tiba-tiba MBSA memberitahu projek ini terpaksa, ia terpaksa diberhentikan dibatalkan kerana cadangan tapak membina pasar baru ini bukan milik MBSA. Ah ini juga pelik, pemberitahu ini amat memeranjatkan semua penjaja terlibat khususnya dan penduduk sekitar Taman Sri Muda Seksyen 25 Shah Alam, amnya. Kini pelbagai soalan timbul dalam konteks tersebut. Bagaimanakah tapak pasar ini boleh tiba-tiba berubah menjadi bukan milik Majlis sedangkan tawaran rasmi dan kelulusan kerja tanah telah diberikan kepada Tarway Trading. Begitu juga dengan kelulusan pelan-pelan lain adalah berkaitan. Yang kedua apakan terjadi sekiranya jika tawaran projek ini tidak ditarik balik pada 13.9.2009 dan bangunan pasar siap dibina baru Majlis mengetahui tanah ini bukan milik Majlis, ah apakan yang akan terjadi? Yang ketiga kenapa perkara sebesar ini boleh berlaku dan berapa banyak lagi kebocoran sedemikian di tempat-tempat yang lain mungkin berulang. Seperti contoh ini yang keempat apakah tindakan yang telah dan bakal dilakukan oleh pihak negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mempertahankan hak milik tapak ini. Yang kelima adakah kekecohan ini berlaku disebabkan Kerajaan telah bertukar. Ini juga persoalannya.

Tuan Speaker, oleh yang demikian sejajar dengan konsep Merakyatkan Ekonomi Selangor saya ingin menyusulkan dalam Dewan yang mulia ini untuk mendesak pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan dengan secepat mungkin mencari jalan menyiapkan pasar awam ini demi untuk kepentingan warga Shah Alam. Sebarang kelemahan pentadbiran yang wujud wajib ditandatangani dengan *serious* dan disusuli dengan langkah-langkah penambah baik segera. Saya juga berharap Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang prihatin terhadap masalah rakyat khususnya 114 penjaja yang masih menunggu bantuan dan jawapan selanjutnya daripada Kerajaan Negeri maka saya meminta sekali lagi agar kita dapat memberi bantuan pada masa yang sekarang ini kerana mereka masih menunggu jawapan daripada Kerajaan Negeri bila pasar tersebut boleh dibina dan bila mereka dapat masuk berniaga dalam suasana

yang lebih teratur. Ini permintaan daripada penjaja di Taman Sri Muda. Akhirnya sekali saya mohon mencadangkan terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Tuan Speaker saya bangun untuk menyokong Usul No. 6 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sekinchan. Mengikut rekod yang kita ada keadaan ditapak kawasan ini, di kawasan pembangunan ini memang amat memerlukan satu pembinaan tapak pasar baru yang lebih tersusun, lengkap, teratur dan kemas bagi memastikan keadaan persekitaran itu lebih ceria dan lebih harmoni. Yang Berhormat Tuan Speaker perkara ini pun sudah dibangkitkan oleh Jawatankuasa yang khas Jawatankuasa pilihan PBT dan Pejabat Padat, Pejabat Tanah dan Daerah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Sekinchan, kita berasa agak terkilan kerana tanah yang sepatutnya sudah pun diserahkan kepada Kerajaan Negeri masih lagi belum diserahkan sehinggalah ke hari ini tidak mempunyai sebarang berita. Justeru itu saya menyeru Kerajaan Negeri untuk mengambil satu pendekatan dan juga perhatian yang lebih kerana isu ini adalah merupakan satu isu yang terlalu lama berada dan berlegar-legar di kalangan pemikiran penjaja mahu pun di kawasan yang terlibat. Justeru itu saya mohon Kerajaan Negeri untuk memberikan perhatian khusus Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi:-

Bahawasanya Dewan yang mulia ini, mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Negeri menyegerakan pembinaan tapak letak kereta dan pasar di Taman Sri Muda, Shah Alam memandangkan keperluan dan permintaan daripada penjaja setempat adalah terdesak serta kos pembinaannya yang semakin meningkat sejak 11 tahun yang lalu

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

### **Usul No. 7 Tahun 2012**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, Usul No. 7 Tahun 2012. Usul di bawah Peraturan Tetap 26 (1) oleh Yang Berhormat Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker dan Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut:-

Bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Persekutuan untuk berunding semula dengan syarikat konsesi Lebuhraya Pantai Barat agar hak dan kepentingan rakyat Selangor dipelihara.

Tuan Speaker, baru-baru ini Kumpulan Europlus atau KEuro mengumumkan bahawa kos pembinaan Lebuhraya Pantai Barat meningkat 134% iaitu daripada RM3.015 bilion.

Melonjak naik ke RM7.07 bilion sementara tempoh konsesi juga dinaikkan iaitu daripada 33 tahun ke 60 tahun. Sebagai pemegang konsesi lebuhraya ini Kumpulan Europlus dalam melaporkan kepada Bursa Malaysia pada 25 Mei 2007 bahawa anak syarikatnya iaitu Konsortium LPB Sdn. Bhd. atau nama singkatannya KLPB telah menandatangani perjanjian konsesi dengan Kerajaan Persekutuan bagi membina Lebuhraya Pantai Barat sepanjang 215.8 km dari Taiping ke Lapangan Antarabangsa Kuala Lumpur melalui Banting dengan kos asal sebanyak RM3.015 bilion. Walaupun perjanjian ini ditandatangani pada tahun 2007 pembinaan lebuhraya ini ditangguhkan selama lima (5) tahun sehingga sekarang. Beberapa minggu yang lalu KEuro mengumumkan bahawa kos pembinaan telah meningkat ke RM7 bilion. Sementara konsesi *period* dengan izin juga dilanjutkan sehingga ke 60 tahun. Sekali gus menjadi lebuhraya ini adalah lebuhraya dengan tempoh konsesi yang paling panjang di Malaysia. Apa yang lebih memeranjatkan lagi ialah Kerajaan Persekutuan begitu murah hati dengan meluluskan *soft loan* dengan izin sebanyak RM2.24 bilion dengan faedah hanya 4% setahun kepada KEuro. Selain itu, subsidi faedah sehingga ke 30% diberi terhadap pinjaman komersial KEuro untuk tempoh waktu selama 22 tahun. Selain itu Kerajaan Persekutuan juga akan menanggung kos pengambilan tanah yang dijangka berjumlah RM980 juta. Dengan dalam pengumuman terbaru ini KEuro juga menerangkan bahawa kenaikan kos pembinaan ini adalah disebabkan oleh kepanjangan lebuhraya yang bertambah sebanyak 100 km lagi iaitu dari 216 km ditambah, dipanjangkan ke 316 km iaitu penambahan sebanyak 46%. Walaupun begitu, Kerajaan Persekutuan masih lagi belum menjelaskan sebab-sebab kos pembinaan yang meningkat sebanyak 143% itu sedangkan panjangkan lebuhraya hanya meningkat 43% sahaja. Lebih-lebih lagi jarak antara Banting dan Taiping pada mana-mana masa pun sama juga ianya ia tidak akan melebihi 100 km secara tiba-tiba. Ianya sudah tetap mana mungkin lebuhraya atau pun jarak antara kedua-dua Bandar ini ditambah begitu dahsyat sekali iaitu 100 km dan ini tidak penambahan kepanjangan lebuhraya ini tidak sepadan dengan penambahan kos pembinaan sebanyak 143%. Kerajaan Persekutuan harus menjelaskan persoalan-persoalan yang dibangkitkan di atas memandangkan Kerajaan Persekutuan akan menggunakan wang pembayar cukai bagi membiayai pembinaan lebuhraya ini dan apabila lebuhraya ini siap maka rakyat Selangorlah yang akan membayar tol nanti jika mereka menggunakan lebuhraya ini. Lebih-lebih lagi Kerajaan Persekutuan cita untuk mentransformasikan pentadbiran Kerajaan melalui beberapa siri pelan transformasi. Perdana Menteri melaungkan Gagasan 1 Malaysia dengan slogan Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan. Jikalau begitu hasrat Perdana Menteri dan dasar Kerajaan Persekutuan maka Perdana Menteri perlu menjelaskan mengapa kos pembinaan lebuhraya ini melonjak naik begitu dahsyat. Adakah rakyat betul-betul didahulukan atau pun kroni-kroni yang mendapat kebaikan daripada projek ini. Pertama sekali rakyat perlu menanggung perbelanjaan yang amat besar kerana wang Kerajaan Persekutuan wang rakyat. Yang kedua tempoh konsesi telah dipanjangkan dinaikkan ke 60 tahun. Saya khawatir, Yang Berhormat sekalian dan Tuan Speaker, barangkali cucu cicit kita masih perlu membayar tol semasa menggunakan tol lebuhraya ini, 60 tahun kemudian. Prestasi syarikat konsesi juga dipersoalkan, di mana Presiden dan Ketua Pengarah KEuro, tak lain tak bukan ialah Tan Sri Chan Ah Chye. Siapa Chan Ah Chye. Bos Syarikat TALAM. Beliau memegang 27.58% saham dalam KEuro dan juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah

kepada TALAM Corporation Bhd., iaitu sebuah syarikat hartanah yang penuh kontroversi dan pernah dibelenggu dengan hutang menggunung tinggi pada masa silam. Kerajaan Negeri Selangor baru-baru ini mengutip hutang sebanyak RM392 juta daripada syarikat ini. KEuro hanya mendapat pendapatan dan untung sebanyak RM15 juta, pendapatan RM15 juta dan keuntungan RM5 juta dalam 9 bulan pertama pada tahun 2011. Selepas mengalami kerugian RM24.1 juta pada tahun 2010. Manakala pendapatannya hanya RM20.5 juta sahaja. Dengan untung di antara RM5 juta, dalam 9 bulan yang pertama, pada tahun 2011, apakah kemampuan syarikat ini, untuk membina sebuah lebuh raya yang berjumlah RM7 bilion. Jadi ini adalah persoalannya. Bagaimana syarikat ini ada kemampuan? Malahan syarikat konsesi ini langsung tidak ada pengalaman untuk membina lebuh raya. Walaupun pemegang sahamnya yang satu lagi iaitu IJM ada kepakaran dalam bidang ini. Kesemua ini menunjukkan ada sesuatu yang tidak kena dengan konsesi ini, kerana ianya merugikan rakyat. Khususnya rakyat Selangor yang sudah pasti akan dibebankan dengan satu lagi lebuh raya bertol. Dan kali ini ianya berlaku di kawasan persisiran pantai Selangor. Saya meminta supaya Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, untuk menyokong Usul ini. Saya juga meminta, kalau boleh semua Wakil Rakyat daripada Barisan Nasional khususnya mereka yang berasal daripada kawasan persisiran pantai seperti Sungai Air Tawar, Sabak, Sungai Panjang, Sementa, Jeram, Permatang, Tanjung Sepat berdiri menyokong Usul ini. Malangnya mereka menghilangkan diri pada masa sekarang. Saya juga meminta Dewan untuk meluluskan Usul ini dan saya meminta Kerajaan Negeri berbincang dengan Kerajaan Persekutuan dan mendesak Kerajaan Persekutuan untuk merunding semula dengan Syarikat K EURO. Jika tidak, saya percaya rakyat Negeri Selangor akan terus hidup sengsara, kerana kutipan tol yang tidak berhenti-henti ini. Oleh itu Kg. Tunku mohon mencadang. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, Sekinchan bangun untuk turut serta untuk menyokong Usul yang dibawa oleh Kg. Tunku ini, memandangkan lebuh raya persisiran pantai barat ini akan melalui kawasan daerah Sabak Bernam khususnya di DUN Sekinchan juga, dan saya terpanggil untuk menyatakan pandangan tentang suara hati rakyat di Sekinchan ini berkenaan dengan bagaimana konsesi ini boleh dipanjangkan sehingga 60 tahun daripada 30 tahun kutipan tol yang asal, boleh dipanjangkan sehingga ditambah sehingga satu kali ganda iaitu 60 tahun. Dan saya yakin kalau penambahan ini diluluskan, dia akan membebankan rakyat dan memudaratkan seluruh rakyat Selangor, Malaysia amnya dan termasuk generasi kita akan datang, anak kita, cucu kita. Dan kalau keadaan seperti ini berterusan ini akan juga menyebabkan kos saraan hidup bertambah. Saya tidak, Sekinchan tidak membantah pembinaan lebuh raya di persisiran pantai barat ini, kerana memandangkan keadaan permintaan setempat memang terdesak. Memandangkan Jalan raya Persekutuan Lima yang sedia ada, daripada Kapar hingga, daripada Klang, Kapar hingga ke Sabak Bernam, sudah tidak mampu lagi untuk menampung aliran trafik pengguna jalan raya khususnya pada hujung minggu dan hari-hari kelepasan umum. Kerana itu memang tepat pada masa lebuh raya ini wajar dan wajib dibina, tetapi persoalan sekarang ini ialah kandungan konsesi. Perjanjian itu begitu memihak kepada syarikat seperti apa yang dinyatakan oleh Kg. Tunku. Dengan diberi berbagai kemudahan termasuk pinjaman, *soft loan* dengan faedah yang rendah dan juga



disambung pula dengan 60 tahun kutipan tol. Ini mesti dipertimbangkan semula supaya tidak memudaratkan anak kita, generasi kita akan datang. Pada masa yang sama saya juga kesal dengan cara pentadbiran Kerajaan yang lalu, khususnya Kerajaan Persekutuan, di mana cadangan pembinaan lebuh raya ini sepatutnya sudah di bina sejak dulu lagi kerana setahu saya perkara ini, berita untuk membina lebuh raya ini sudah diwar-warkan, digembar-gemburkan seluruh Selangor sejak lebih 15 tahun yang lalu. Lebih 15 tahun yang lalu. Di mana EXCO daripada MCA, setiap kali pergi ke Sekinchan, dia akan memberi ucapan mengenai bakal dibuatkan lebuh raya ini, melalui Sekinchan dan sebagainya, akan mempergiatkan ekonomi setempat dan memendekkan jarak, akan memendekkan masa dan sebagainya. Dan ramai rakyat, khususnya di kawasan Selangor, di kawasan persisiran pantai, mereka menaruh harapan, menaruh harapan terhadap pembinaan lebuh raya ini. Malangnya yang ditunggu-tunggu tidak sampai. Berlanjutan sehingga 10 hingga 15 tahun. Inilah di antara janji-janji yang selalu Barisan Nasional lontarkan kepada rakyat. Tetapi mereka juga mengambil peluang untuk mengkritik Pakatan Rakyat, kononnya kita tidak menunaikan janji. Ini satu contoh di mana Barisan Nasional membuat janji lebih daripada 15 tahun, sampai hari ini tidak ditunaikan. Inilah wajah sebenar Barisan Nasional. Maka dengan itu, saya, Sekinchan sekali lagi berharap dengan, supaya disemak semula perjanjian, segala perjanjian sebelum projek ini dijalankan. Saya harap projek ini dapat disegerakan. Tetapi yang paling penting, paling pentingnya, adalah kandungan perjanjian tidak berat sebelah. Dan kalau boleh Kerajaan Negeri Selangor harus diberi peranan, Kerajaan Negeri Selangor, Pakatan Rakyat harus dijemput dan diberi peranan untuk menetapkan syarat-syarat, diberi pandangan nasihat supaya hasrat, harapan rakyat seluruh Negeri Selangor dapat didengar dalam membuat kata putus perjanjian lebuh raya persisiran pantai barat ini. Ini cukup penting. Jangan mengabaikan kepentingan rakyat Selangor. Ini yang saya tekankan di sini. Maka dengan itu, Sekinchan menyokong Usul yang dibawa oleh Kg. Tunku. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Persekutuan untuk berunding semula dengan syarikat konsesi Lebuh raya Pantai Barat agar hak dan kepentingan rakyat Selangor dipelihara.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui.

### **Usul No. 8 Tahun 2012**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya Usul No. 8 Tahun 2012. Usul di bawah Peraturan Tetap 26(1) oleh Yang Berhormat Kg. Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut. Bahawa Dewan yang mulia ini menetap agar Kerajaan Selangor menolak sebarang permohonan pembinaan kilang-kilang yang terlibat dalam pemprosesan bahan-bahan radio aktif di Selangor

untuk memelihara hak dan kepentingan rakyat Selangor serta melindungi alam sekitar di negeri Selangor. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, Kg. Tunku membawa Usul ini atas kesedaran bahawa rakyat Selangor prihatin dengan perlindungan alam sekitar dan mereka menolak kemasukan apa-apa kilang yang terlibat dengan pemprosesan bahan-bahan radio aktif di Selangor. Baik kilang pemprosesan nadir bumi, *rare earth*, dengan izin, ataupun stesen jana kuasa elektrik yang menggunakan tenaga nuklear. Industri radio aktif merupakan satu industri berisiko tinggi dan memerlukan bukan sahaja teknologi yang canggih tetapi kepakaran yang tinggi serta pengurusan yang ketat. Industri ini melibatkan kos yang tinggi juga. Dan sisa-sisa radio aktif ini perlu diurus dengan berhati-hati dengan berpandukan peraturan yang paling ketat untuk mengelakkan kebocoran radiasi. Jika tidak, kesan-kesan sampingannya adalah berpanjangan dan boleh diwarisi dari generasi ke generasi. Ini kerana kesan-kesan radiasi akan menyebabkan perubahan gen dalam tubuh manusia dan kesannya adalah berpanjangan.

Pada tahun 2011, rakyat seluruh dunia di gempar dengan kemalangan gempa bumi bermagnitud 8.9 pada skala *richter* yang menggoncang Jepun. Akibatnya tsunami berlaku dan kemalangan berlaku di stesen jana kuasa elektrik tenaga nuklear milik Tokyo Electric Power Company ataupun TEPCO di Fukushima, kira-kira-kira 250 km daripada Tokyo. Tiga daripada reaktor nuklear, meletup dan melebur. Akibat kenaikan suhu reaktor yang gagal di kawal, kebocoran radiasi berlaku dan 180 penduduk masyarakat yang tinggal dalam lingkungan 20 km dari kawasan itu, terpaksa dipindahkan. 160 orang telah disahkan terdedah kepada radiasi. Jumlah kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan Jepun dijangka mencecah USD100 bilion. Kemalangan ini mendedahkan kegagalan syarikat berkenaan mengikut peraturan-peraturan ketat operasinya. Sekali gus ini mencetuskan persoalan. Sama ada penjanaan elektrik dengan menggunakan tenaga nuklear masih boleh dianggap sebagai selamat dan efisien. Apatah lagi kemalangan ini berlaku di sebuah negara yang maju seperti Jepun, yang memang telah terkenal seluruh dunia atas disiplin dan ketegasan korporatnya mengikut peraturan dan arahan. Kg. Tunku tidak dapat membayangkannya jikalau kemalangan yang sebegini rupa berlaku di Malaysia. Sementara itu kita juga harus mengambil iktibar daripada kes kilang Asia Rare Earth (ARE) di Kampung Bukit Merah, Ipoh pada tahun 1984. Di mana penduduk-penduduk Kampung Baru Bukit Merah, Ipoh menjadi mangsa radiasi akibat terdedah kepada sisa-sisa radio aktif apabila pekerja di kilang pemprosesan nadir bumi yang terletak tidak jauh daripada kampung mereka. Masyarakat Malaysia digempurkan sekali lagi apabila sebuah syarikat nadir bumi bernama Lynus bercadang untuk membina sebuah kilang besar 140 padang bola sepak di Gebeng, Kuantan. Baru-baru ini satu perhimpunan telah diadakan di Kuantan untuk membantah pembinaan kilang ini. Perhimpunan ini dihadiri oleh lebih 10,000 warga Malaysia dari seluruh pelosok negara. Ini adalah kerana pencemaran radiasi ini adalah sangat berbahaya. Ianya tidak berwarna, tidak berbau tetapi boleh diwarisi turun temurun dan radiasi juga boleh disebar ke tempat-tempat yang jauh jika tidak dikawal dengan baik. Sebelum ini pada Disember 2010, Menteri Teknologi Hijau, Tenaga dan Air, iaitu Dato' Seri Peter Chin Fah Kui, mengumumkan bahawa Malaysia akan membina dua buah loji tenaga nuklear yang mampu menjana 1,000 mega watt setiap satu. Loji pertama di jadual akan beroperasi pada tahun 2021. manakala loji yang

kedua akan beroperasi setahun kemudian. Kos pembinaan kedua-dua loji ini dijangka akan mencecah RM22 bilion. Kerajaan Persekutuan harus membatalkan cadangan untuk membina dua loji tenaga nuklear ini. Dan sebaliknya memberi fokus kepada tenaga yang boleh diperbaharui bagi menampung keperluan tenaga manusia. Sudah terbukti dalam kes Fukushima bahawa tenaga nuklear bukan lagi satu sumber tenaga yang bersih, efisien dan selamat. Malahan dalam satu artikel yang diterbitkan oleh *The Economist* baru-baru ini, difahamkan bahawa industri tenaga nuklear ini mungkin akan bertukar menjadi sebuah industri *sunset*. Dan ianya mungkin akan, tidak digunakan pada masa depan lagi. Oleh itu saya memohon Dewan yang mulia ini boleh menerima dan menyokong Usul yang dicadangkan oleh saya ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih, Dato' Speaker. Batu Caves ingin menyatakan sokongan saya terhadap usul yang telah dibawa oleh Kg. Tunku, iaitu Usul ke 8 dalam Sidang ini yang menetapkan agar Kerajaan Negeri menolak pembinaan kilang-kilang yang melibatkan pemprosesan bahan radio aktif di Selangor untuk memelihara hak dan kepentingan rakyat Selangor serta alam sekitar di negeri Selangor. Ahli Dewan Negeri sekalian, tamadun dan perkembangan manusia memerlukan satu proses revolusi yang berhati-hati. Kadang kala manusia tergesa-gesa untuk mencapai pembangunan dan mengambil jalan singkat untuk mengatasi kekangan dan halangan yang dilalui oleh mereka. Justeru itu kita memerlukan satu proses yang panjang dan besar untuk memastikan sumber guna tenaga dan penghasilan-penghasilan tenaga yang ada untuk perkembangan pembangunan di negeri Selangor dapat dimanfaatkan dan mampu untuk memberikan keselamatan ataupun tidak membahayakan manusia pada masa hadapan. Kita cukup sedar kadang kala kita mudah untuk memperkatakan bahawa bumi, alam serta kedudukan kita ini hanyalah pinjaman yang perlu kita wariskan kepada anak cucu kita. Namun kadang kala kita juga berdepan dengan cabaran pembangunan kehendak keperluan semasa yang kadang kala menuntut pada kita menggunakan bahan-bahan yang tidak sihat serta bahan-bahan seperti radioaktif sebagai contoh penghasilan tenaga dan sebagainya. Justeru itu cabaran besar kepada kita bukan hanya untuk menghalang pada kita untuk menghalang, menutup atau tidak membenarkan kilang-kilang radioaktif ataupun perkara-perkara yang membahayakan ini sentiasa mendapat tentangan seperti mana yang dapat dijelaskan dengan cukup terperinci oleh rakan saya Bukit Tunku, Kampung Tunku tetapi apa yang lebih penting bagi kita sekarang ialah mencari bahan-bahan alternatif lain. Sebagai contoh kita perlu berusaha untuk meningkatkan kajian dan R&D kita. Mungkin agak kecil negeri Selangor dari segi kemampuan dan kewangan sebagainya, mungkin agak terbatas dalam mencari bahan-bahan lain ini. Seperti bagaimana kita mampu memurahkan ataupun merendahkan kos-kos penggunaan sumber tenaga solar dan sebagainya yang saya rasa ada saham yang cukup besar sebagaimana pelaburan syarikat Qsel di negeri Selangor. Justeru itu saya juga ingin mengharap agar kesedaran rakyat yang dipertingkatkan untuk memastikan kita tidak mudah termakan, kita tidak mudah mengambil keputusan yang singkat, semata-mata di atas nama pembangunan tetapi akhirnya kita membawa kepada kemusnahan yang lebih besar, kita membawa kehancuran yang lebih besar kepada alam sekitar dan

negara kita. Justeru bagi Kerajaan Negeri pula, saya kira tidak menjadi salahnya EXCO berkenaan, Jawatankuasa yang berkenaan menerangkan perkara ini supaya ia menjadi satu kesedaran awam yang cukup besar, penolakan itu bukan seolah-olah penolakan yang nampak seolah-olah isu politik, sebaliknya diikuti kesedaran rakyat yang menyeluruh. Saya juga menyeru pada EXCO yang berkenaan dan rakan-rakan Kerajaan Negeri untuk menyebarkan mengapa kita membuat perhimpunan hijau? Mengapa Kerajaan Negeri menyokong permohonan hijau? Mengapa kita menolak *react*? Dan sebagainya. Yang dirancang ditubuhkan di negeri Pahang pada, oleh kerajaan Barisan Nasional bukan sebab penolakan pada pembangunan tetapi kesan limpahan, ataupun kesan sisa-sisa daripada kilang radioaktif itu, kesan yang tidak baik kepada manusia dan alam sekitar secara keseluruhannya. Saya menyokong, Dato' Speaker.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Dato' Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Kajang mohon membahaskan usul yang di bawa oleh Kampung Tunku berkaitan dengan pemprosesan bahan radioaktif. Dan, Kajang memang mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri pada sidang yang lepas telah menolak sebarang industri-industri yang akan mengancam keselamatan penduduk di Selangor dan juga menjaga supaya Selangor satu negeri yang tidak diancam oleh radioaktif dan juga pencemar-pencemar bahan-bahan yang merosak kesihatan dan alam sekitar. Kajang menyokong usul yang dibawa oleh Kampung Tunku dan juga menyeru Kerajaan Negeri bukan sahaja tidak membenarkan apa-apa permohonan untuk proses bahan-bahan radioaktif tetapi termasuk tidak membenarkan sebarang bahan-bahan, sisa-sisa radioaktif yang disimpan atau distorkan di mana-mana kawasan negeri Selangor. Malah termasuk pengangkutan iaitu laluan melalui kawasan wilayah Selangor juga tidak dibenarkan. Termasuk pengairan atau darat tidak dibenarkan untuk laluan melalui negeri Selangor. Selain daripada itu Kajang juga meminta perhatian Kerajaan Negeri untuk mengawas-awas akan kemungkinan pembinaan penjana nuklear, penjana tenaga nuklear yang disyorkan oleh kerajaan pusat yang mungkin juga dibina di Pahang. Ada ura-ura mengatakan penyaluran, penghantaran tenaga ini akan melalui kawasan yang penghantaran air dari Pahang juga. Jadi, harus kita berhati-hati apa-apa gerak geri yang membawa masalah kepada negeri Selangor. Jadi Kajang dengan ini menyokong usul yang dibawa oleh Kampung Tunku. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Pihak kerajaan hendak gulung. Ya, sila.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Dato' Speaker, Yang Berhormat-Yang Berhormat terutamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kampung Tunku, Batu Caves, Kajang kerana telah membawa satu perkara yang memang penting, bukan sahaja di negeri Selangor tetapi di seluruh negara. Secara ringkasnya saya sebagai EXCO Alam Sekitar bersama rakan-rakan di *line up* EXCO menerima saranan daripada semua Yang Berhormat untuk mengkaji bagaimana kita boleh

mengadakan satu dasar yang pro alam sekitar tidak menjejaskan kesihatan rakyat jelata di negeri Selangor seperti mana yang disarankan dalam usul nombor lapan (8) ini. Sudah tentu saya ingin mengatakan kepada dewan yang mulia ini bahawa projek seperti Lynas tidak akan diluluskan atau bertapak di negeri Selangor kerana ianya negeri ini negeri Pakatan Rakyat kita memang prihatin tentang semua isu-isu alam sekitar termasuk isu pelupusan sisa-sisa yang tadi dibangkitkan oleh Kampung Tunku. Kalau kita tidak ada rancangan yang baik untuk melupuskan secara selamat maka kita tidak boleh menerima pelaburan tersebut walaupun pelaburan itu mungkin sangat besar tetapi di negeri Selangor kita rasa memanglah ini *hyper piratical* kalau kita memberi permohonan tersebut kita akan *reject*. Isu kedua tentang tenaga nuklear. Saya pun setuju tenaga nuklear adalah satu yang boleh digelar *sunset industry*, Dan, apa yang jumlah yang katakan kos RM22 bilion untuk membangunkan dua (2) loji tenaga nuklear ini sebenarnya kos itu boleh digunakan untuk seperti memasang *equipment* ataupun solar panel dan sebagainya. Apa yang *trend* di seluruh negara, seluruh dunia *trend energy* atau tenaga yang boleh diperbaharui. Dan, kos saya rasa memang kita boleh kawal kos untuk memasang *runabout energy* lebih kurang amat kurang berbandingkan untuk membangunkan satu loji tenaga nuklear. Isu yang berkaitan dengan tenaga nuklear juga adalah isu pelupusan sisa-sisa daripada loji nuklear *power plan* dan sampai hari ini memang tiada jawapan kita boleh lihat contoh-contoh di beberapa perkara negara yang menggunakan *nuclear energy* dan sekarang mereka masih mencari jawapan macam mana hendak lupus secara selamat dan untuk komersial atau menutup itu pun mengambil masa puluhan tahun. Sekarang pun terdapat banyak loji-loji yang tidak dapat ditutup secara selamat. Jadi, saranan oleh Kampung Tunku melalui usul ini kita akan mengambil maklum dan selain daripada itu syor-syor untuk membuat kesedaran, kempen kesedaran awam akan diperluaskan kepada semua penduduk-penduduk negeri Selangor, saya akan mengambil maklum dan akan laksanakannya. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian apa pun pemasalah yang di hadapan dewan ini berdasarkan satu usul yang berbunyi bahawa dewan yang mulia ini menetapkan agar kerajaan Selangor menolak sebarang permohonan kilang-kilang yang terlibat dalam pemprosesan bahan-bahan radioaktif di Selangor, untuk menjaga dan memelihara kepentingan rakyat Selangor serta melindungi alam sekitar negeri Selangor. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA dan Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. DIPERSETUJUI.

### **Usul No. 9 Tahun 2012**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya usul No. 9 Tahun 2012, Usul di bawah Peraturan Tetap 26 (1) oleh Yang Berhormat Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut bahawa dewan yang mulia ini mengusulkan bahawa Kerajaan Persekutuan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menghapuskan kutipan tol persekutuan dua iaitu di Sungai Rasau dan Batu 3. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian setelah Kerajaan

Persekutuan membuat pengumuman untuk memansuhkan kutipan tol di Lebuhraya Cheras - Kajang iaitu di Plaza Tol Batu 9 dari Kajang ke Cheras dan Batu 11 dari Cheras ke Kajang ini sudah sampai masanya untuk kerajaan menghapuskan kutipan tol untuk Lebuhraya Persekutuan 2 di plaza tol Batu 3 dan Sungai Rasau. Secara Lebuhraya Persekutuan ini bermula semenjak pemisahan Singapura dari Malaysia menyebabkan Kerajaan Persekutuan berusaha membangunkan Pelabuhan Klang sebagai pelabuhan utama negara kita bagi menggantikan pelabuhan Singapura. Jalan Kuala Lumpur – Klang yang sedia ada pada masa itu, telah di naik taraf menjadi sebuah lebuhraya *express* dengan pinjaman bank dunia. Menaik taraf bermula semenjak tahun 1974 sehingga 1977. Lebuhraya Persekutuan pada asalnya merupakan satu lebuhraya dengan empat lorong kecuali di bahagian Petaling Jaya ini menjadi enam (6) lorong. Semenjak tahun 1970an bagai aktiviti pembangunan tanah telah tumbuh pesat di kawasan-kawasan sekitar Lebuhraya Persekutuan ini. Pada tahun 1992, *PLUS Expressway Berhad* nama singkatannya PLUS sebagai pemegang konsesi Utara PLUS telah pun dipilih oleh Kerajaan Persekutuan untuk menaik taraf keseluruhan lebuhraya ini kepada enam lorong. Hakikatnya PLUS diberi hak konsesi untuk mengutip tol di Plaza Tol Batu 3 iaitu RM1.10 untuk kereta dan Plaza Tol Sungai Rasau RM1.00 untuk kereta. Jadi kalau seseorang itu memandu kereta berulang alik melalui kedua-dua plaza tol ini jumlah tol yang perlu dibayar sehari ialah RM4.20. Sejak itu penduduk-penduduk Lembah Klang khususnya mereka yang sentiasa berulang alik antara Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam dan Klang terpaksa membayar tol yang begitu mahal setiap hari menggunakan Lebuhraya Persekutuan ini. Lebuhraya utama di Lembah Klang dalam mengalami peningkatan trafik yang lebih pesat sehingga kapasiti Lebuhraya tersebut mencapai kemuncaknya pertengahan 1990. Kesesakan ini bertambah perit setiap hari pada *pick hour* (dengan izin) dijangkakan pada masa sekarang menampung kira-kira 30 000 kenderaan setiap hari. Kesesakan lalu lintas sepanjang lebuhraya ini diperitkan lagi dengan kutipan tol di Batu Tiga dan Sungai Rasau. Pengguna-pengguna lebuhraya rata-ratanya tidak berpuas hati dengan kesesakan lalu lintas sepanjang lebuhraya ini walau pun mereka terpaksa membayar tol setiap kali mereka berulang alik antara Subang Jaya, Shah Alam dan Klang.

Pakatan Rakyat dalam Buku Jingga telah menyatakan dengan jelas bahawa kutipan tol untuk semua lebuhraya berbayar di Malaysia boleh dihapuskan. Ini berdasarkan perjanjian-perjanjian konsesi yang ditandatangani oleh kerajaan dengan syarikat-syarikat konsesi yang memperuntukkan satu klausa yang berbunyi *exploration cross* di mana klausa ini membenarkan Kerajaan Persekutuan untuk membeli balik lebuhraya itu atas kepentingan nasional. Di bawah klausa ini Kerajaan Persekutuan dibenarkan untuk menamatkan dan mengambil balik membeli balik lebuhraya-lebuhraya ini dengan membayar balik kos pembinaan lebuhraya di campur dengan apa-apa bentuk faedah yang perlu dibayar dan ditolak daripada apa-apa bentuk geran atau pinjaman kerajaan yang telah diberikan sebelum ini. Justeru itu tuduhan bahawa pembelian balik semula lebuhraya bertol di Malaysia adalah tidak praktikal adalah satu tuduhan yang liar tanpa mengikut fakta lebih-lebih lagi Kerajaan Persekutuan telah mula mengambil langkah bagi memansuhkan kutipan tol untuk Lebuhraya Cheras - Kajang dan membekukan kenaikan tol untuk beberapa lebuhraya berbayar sebelum ini. Jikalau

kesemua ini boleh dilakukan dan seruan saya ini disokong oleh Parti Pembangkang seperti UMNO Bahagian Shah Alam, maka saya tidak nampak sebarang sebab untuk Kerajaan Persekutuan untuk tidak memansuhkan kutipan tol di Lebuhraya Persekutuan 2 ini. Hakikatnya tindakan ini pasti akan mendatangkan lebih banyak kebaikan daripada keburukan kepada rakyat dan kerajaan. Oleh itu Kampung Tunku di sini memohon mencadangkan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memansuhkan kutipan tol Lebuhraya Persekutuan 2 iaitu di Sungai Rasau dan Batu Tiga, sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin menyokong usul yang telah dibawa oleh Kampung Tunku, Yang Berhormat Kampung Tunku dan ingin menambah sedikit untuk menyatakan bahawa dengan menghapuskan tol di Lebuhraya Persekutuan 2 di Sungai Rasau dan Batu Tiga ia boleh membantu rakyat terutamanya golongan miskin sebab saya lihat masih terdapat, masih terdapat ramai yang tidak mampu untuk membeli *Touch N Go* dan *Smart Tag* di mana mereka membayar secara tunai setiap hari dan banyak kereta-kereta yang menunggu untuk membayar secara tunai. Ini menunjukkan ada ramai golongan miskin yang menggunakan lebuhraya tersebut dan saya juga menambah dengan mengatakan adalah tugas Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan satu sistem pengangkutan, satu sistem jalan raya yang baik kepada rakyat. Dan kita tahu Pakatan Rakyat berpegang kepada untuk menghapuskan semua tol apabila Pakatan Rakyat dapat menawan Putrajaya. Dengan menghapuskan tol di Lebuhraya Persekutuan ini kesesakan lalu lintas boleh diatasi dan saya juga lihat di dalam Lebuhraya Persekutuan ini ada beberapa kemalangan di mana sistem untuk mengatasi kemalangan tersebut tidak dijalankan dengan baik, so tidak guna untuk mengadakan suatu tol yang di lebuhraya tersebut bila berlaku kemalangan ia tidak dapat diatasi dengan baik. Sistem seperti sistem ambulan, sistem kecemasan dan sebagainya tidak diuruskan dengan baik di kawasan Lebuhraya Persekutuan dan dengan ini saya menyokong penuh usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Kampung Tunku bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Persekutuan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk menghapuskan kutipan tol Lebuhraya Persekutuan 2 di Sungai Rasau dan Batu Tiga, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Persekutuan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menghapuskan kutipan tol Lebuhraya Persekutuan 2 iaitu di Sungai Rasau dan Batu Tiga. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, (Ya) Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

#### **IV. USUL UNTUK MENANGGUHKAN DEWAN**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan mesyuarat seterusnya usul untuk menanggungkan dewan.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, persidangan kita telah tamat. Saya mencadangkan supaya Dewan ditanggungkan sehingga ke satu masa yang ditetapkan kelak. Walau bagaimanapun saya ada dua perkara yang saya ingin menyatakan bahawa saya pernah menyatakan dalam dewan saya akan kemukakan laporan penuh kelulusan lantikan terus bagi tahun 2005 sampai 2011 di mana jumlah keseluruhannya daripada 2005 sejumlah RM190 juta dilakukan secara lantikan terus, 30 program atau pun kontrak pada tahun 2006 ianya RM171 juta 66 kontrak. Dan 2007 melambung RM396 juta 87 kontrak pada 2008 RM60 juta 60 kontrak, 2009 RM24 juta 64 kontrak, 2010 RM27 juta 23 kontrak, 2011 21 kontrak RM4.7 juta ini hanyalah untuk makluman Dewan dan laporan terperinci mengenainya ada saya berikan dan dia mengikut tatacara apa yang di lakukan oleh Perbendaharaan.

Kedua Yang Berhormat dari Gombak membangkitkan tentang bayaran elaun dan pendapatan oleh Ahli-ahli yang di dalam Lembaga Pengarah, syarikat-syarikat di bawah MBI. Saya terima penelitian beliau walau bagaimanapun perkara ini sudah berlaku sejak 10 tahun yang lepas dan saya sendiri yang juga sebagai Ahli Lembaga Pengarah yang menerima pendapatan tersebut tapi oleh kerana saya daripada Permodalan Nasional Berhad saya tidak ambil pendapatan itu tapi saya masukkan ke dalam MBI (Menteri Besar Incorporated) jadi tidak timbul masalah tersebut daripada segi pendapatan yang bertindih. Jadi saya fikir kita akan buat kajian *review* tentang perkara ini tapi daripada segi amalan yang dibuat terutama amalan yang dibuat oleh Perbendaharaan dan juga amalan yang dibuat di *Minister of Finance Incorporated* iaitu Perbadanan Menteri Kewangan ini pun dibenarkan dari segi perkara-perkara pemberian dan juga pendapatan. Ada baiknya kita *review* sebab pendapatan-pendapatan ini untuk pengetahuan Dewan juga kena bayar cukai bukan boleh dibebaskan daripada cukai. Jadi saya percaya ini akan kita dapat selesaikan tapi ini bukan perkara yang mengatakan orang-orang yang menjalankan kerja itu tidak menjalankan kerja, tidak. Ini satu usaha yang biasa dilakukan sebab tapi pengalaman saya, saya di PNB saya duduk bukan satu syarikat tetapi lebih daripada 30 syarikat jadi oleh sebab itulah di punya disiplin tak boleh menerima dan itu sebab kita dilatih tidak menerima sebab kalau dimasukkan dalam syarikat, kalau kita bagus sangat boleh dapat dikumpulkan semua boleh dapat bonus kalau tidak tak dapat. Tapi biasanya pun dalam pengalaman saya di PNB, CEO tak boleh sangat duduk syarikat yang berjaya kalau dia duduk syarikat yang berjaya dia dapat pendapatan yang lumayan jadi dia kena pergi ke syarikat yang patut dipulihkan, jadi kalau patut dipulihkan bererti dia kena kerja kuat supaya syarikat itu berjaya. Jadi ini beberapa pengalaman yang saya ada.

Jadi saya berharap perbincangan hari ini sungguh bermakna kepada kita dan marilah kita gunakan pengalaman bersama dan mengingatkan satu sama lain supaya kita dapat memberikan perkhidmatan dan sumbangan kepada kerja-kerja yang kita lakukan. Saya percaya saya berharap, saya percaya bukan saya berharap Pembangkang ada mempunyai *concern* maknanya dia rasa tak sedap hati kerana tidak hadir di dalam



Dewan itu sajalah saya berharap. Kalau tidak bererti mereka benar-benar tidak mewakili rakyat yang memilih mereka. Jadi itulah saja saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Dewan yang berada di sini dan kita *Insyah-Allah* akan dapat berjumpa lagi. Walau bagaimanapun ini adalah satu usaha perkhidmatan yang kita sendiri yang pilih sebab kita pergi ke pilihan raya untuk dipilih jadi adalah tanggungjawab kita sebagai Ahli Dewan Negeri untuk menunjukkan kepada rakyat mereka benar-benar betul dalam pemilihan, terima kasih.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUM SIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menanggungkan persidangan ini saya mengambil peluang dan kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan bagi melicinkan perjalanan mesyuarat Pertama Pembukaan Persidangan Penggal Kelima kali ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Setiausaha dan Penolong Setiausaha Dewan, Urus setia, Pelapor-pelapor dan semua petugas-petugas yang terlibat secara langsung mahu pun secara tidak langsung di atas komitmen kesungguhan semua dalam memastikan perjalanan mesyuarat berjalan lancar. Kepada semua Yang Berhormat sila semak draf penyata yang telah dan akan diedarkan berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat dan kembalikan semula ke pentadbiran dewan sekiranya terdapat sebarang pembetulan agar penyata rasmi itu dapat disediakan dan diedarkan segera kepada Yang Berhormat sekalian. Dan akhir sekali saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi lagi penjelasan berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Burung pagi tadi berkenaan dengan SMS yang telah pun saya hantar kepada Ahli EXCO pada hari semalam. Sebenarnya kalau Yang Berhormat melihat SMS tersebut sebenarnya ia hanya merupakan satu peringatan dan kepujian dan bagi saya itu adalah perkara biasa bagi seorang Speaker untuk memberi pandangan dan peringatan.

Ini telah pun saya lakukan kepada Kuang juga di mana pada minggu lepas apabila Kuang dalam perbahasan telah pun membuat tuduhan yang tidak berasas terhadap saya iaitu bahawa saya menduduki menganggotai jawatankuasa tanah di Klang dan mempengaruhi keputusan Pejabat Daerah dan juga bahawa saya telah mempertahankan saksi dalam pendengaran SELCAT ke atas Yayasan Selangor. Dan saya juga telah memberi penjelasan kepada Kuang apabila saya memanggil beliau untuk berjumpa saya di pejabat saya dan setelah beliau mengetahui kesilapan yang agak besar di mana beliau kesilapan itu boleh mengakibatkan beliau di rujuk kepada Jawatankuasa Hal Ehwal Kebebasan, beliau telah meminta tunjuk ajar saya dan saya telah pun menasihati beliau untuk menggunakan peraturan bagi menerangkan diri dalam Dewan ini, menarik balik kenyataan beliau itu pun tunjuk ajar yang saya berikan.

Sekiranya saya *biased* sekiranya saya tidak adil saya tidak akan beritahu beliau, biar beliau cari sendiri dan kalau tidak dapat peraturan di mana dan tak tahu bagaimana menarik balik maka beliau boleh dihadapkan ke Jawatankuasa Hal Ehwal Kebebasan tetapi sebagai seorang Speaker, sebagai seorang yang mempunyai pengalaman dalam

perkara ini saya telah pun menunjukkan bagaimana seorang ADUN harus menggunakan peraturan dengan baik, bagaimana untuk menjalankan tugas dengan baik. Itu bagi saya adalah tanggungjawab saya dan pada hari semalam juga jika saya hendak memihak kepada mana-mana EXCO saya tidak akan memberhentikan Yang Berhormat Seri Andalas apabila dalam penggulungan beliau, beliau telah pun keluar tajuk. Saya rasa itu adalah tanggungjawab saya memberikan pandangan dan peringatan, jadi apabila saya memberikan SMS menghantar SMS kepada EXCO yang lain mengatakan cara Kota Anggerik menggulung adalah cara yang baik, saya masa itu saya apabila saya menghantar SMS tersebut saya tidak mepengerusikan itu adalah masa, masa rehat saya. Jadi saya rasa itu juga sama juga keadaannya apabila saya memanggil Kuang untuk berjumpa dengan saya di pejabat saya. Jadi saya kira perkara ini adalah tuduhan pada pagi ini terhadap saya adalah satu tuduhan mempunyai sangkaan jahat dan saya berharap perkara ini tidak berulang lagi. Bagi saya apabila saya menyandang jawatan sebagai Speaker saya ada tanggungjawab saya dan amanah kepada saya untuk bertindak adil kepada semua pihak saya tidak membezakan sama ada yang berada dalam Dewan ini adalah penyokong kerajaan atau pun pembangkang. Saya rasa ini adalah peringatan saya. Saya berharap saya tidak perlu ulang lagi. Sekian terima kasih. Dan dengan ini saya menangguhkan persidangan untuk hari ini sehingga satu masa yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 6.20 petang)**